


SIRI KENALI
ALAM SEKITAR
KE-

2

SELEMBUT - ARUSMUA



Terbitan:
Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Sains, Teknologi
dan Alam Sekitar

ISBN 983-9119-68-0

©Cetakan Pertama 1998
Terbitan Jabatan Alam Sekitar

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara samada secara elektronik, fotokopi, mekanik, gambar, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin pemilik hakcipta terlebih dahulu.

Novel ini telah memenangi Tempat
Pertama Peraduan Menulis Novel
Kanak-kanak Bertemakan Alam Sekitar
Anjuran Jabatan Alam Sekitar -
Utusan Melayu 1995

Projek percetakan ini dibiayai oleh Kerajaan Malaysia
di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh (1996 - 2000)

Nombor Projek SETIA 46 00500 075


SELEMBUT ARUSMU

Karya
RAIHANAH SALLEH

Diselaraskan oleh:
Patrick Tan Hock Chuan
Tunku Khalkausar Tunku Fathahi
Jabatan Alam Sekitar



Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar
Tingkat 12 & 13, Wisma Sime Darby,
Jalan Raja Laut,



BAB 1

Selembut

Arusmu

Hujan yang tadinya lebat, sudah mula menampakkan tanda-tanda mahu berhenti. Kalau tadi, air yang seolah-olah membentuk garisan panjang yang turun melalui corong-corong atap kelihatan besar dan kasar, kini sudah bertukar menjadi rintik-rintik halus dan lembut. Angin yang tadinya bertiup agak kuat sudah bertukar menjadi angin lembut. Seolah-olah mengusap dan membelai kulit kami semua.

"Kau nak balik sekarang Riff?" tanya Jasmin tiba-tiba.

Aku memandang Jasmin. Rambutnya yang diikat dua macam ekor kuda itu kelihatan basah terkena tempias hujan.

"Aku temankan kau hingga ayah kau datang ambil," kataku kemudian.

Nirmala dan Johnny yang duduk di sebelahku turut mengangguk-angguk. Setuju dengan kata-kataku.

"Orang lain semua dah balik. Tentu kau takut tinggal seorangan?" usik Johnny yang memang suka mengusik itu.

Kami semua ketawa mendengar kata-kata Johnny itu.

"Kau takut hantu bungkus macam Cikgu Faisal cerita itukan?" sampuk pula Nirmala.

Ketawa kami pecah berderai. Jasmin mengesat air mata di sudut matanya. Jasmin memang begitu. Setiap kali ketawa, matanya akan berair.

"Kau semua memang suka mengusik aku," kata Jasmin setelah katawanya reda.

Kereta Proton Wira berwarna biru gelap tiba-tiba berhenti di hadapan kami. Pak Cik Annuar, ayah Jasmin melambai-lambai tangan ke arah kami. Tentu saja dia menyuruh Jasmin cepat-cepat. Maklum saja, sebentar lagi dia akan ke pejabat semula. Penolong Pegawai Daerah macam Pak Cik Annuar tentu selalu sibuk.



Terima kasih kerana menemankan saya.....esok jumpa lagi.....," kata Jasmin sambil berlari-lari mendapatkan ayahnya.

Sebaik saja Jasmin pergi, kami pun mula beredar dari situ. Seperti Nirmala, aku juga menaiki basikal ke sekolah. Cuma Johnny saja yang dijemput oleh mummynya. Atau kadang-kadang, kalau sempat, daddynya datang ambil. Johnny anak orang senang. Daddynya pemilik sebuah kedai emas dan dua buah restoran di bandar Kuala Terengganu.

Aku dan Nirmala berjalan beriringan menuju ke tempat meletak basikal. Kawan-kawan yang lain turut sama mengambil basikal masing-masing. Mujurlah hujan lebat tadi cepat berhenti. Kalau tidak, tentulah berkeroncong perut kami. Maklumlah sekarang sudah hampir pukul dua petang. Lebih sejam kami terpaksa menunggu hujan reda.

"Eh, kamu tak balik lagi?" sapa Cikgu Faisal tiba-tiba. Barangkali beliau juga terperangkap dalam hujan macam kami.

"Cikgu pun tak balik macam kami ya!" gurauku tersenyum.

"Hujan lebat sangat. Berbahaya kalau teruskan perjalanan dalam hujan lebat begitu. Lebih baik kita bersabar dulu," kata Cikgu Faisal sambil membuka pintu keretanya.

"Kamu nak tumpang cikgu bolehlah," pelawanya kemudian.

Aku dan Nirmala cuma menggeleng. "Kami dah ada porsche kami cikgu!" kataku berseloroh.

Cikgu Faisal ketawa. Barangkali gelihati mendengar kata-kataku tadi. Nirmala yang cuma mendiamkan diri tadi ikut ketawa. Memang Nirmala pemalu sedikit. Tapi dia baik hati dan pandai mengusik.

"Oh ya, kamu jangan lupa kita nak mesyuarat esok ya Ariff." kata Cikgu Faisal sambil menjengulkan kepalanya melalui cermin pintu keretanya.

Aku cepat-cepat mengangguk. "Saya tak lupa cikgu. Esok, waktu rehat bukan?" kataku bersemangat.

"Kamu sudah beritahu kawan-kawan yang lain?" tanya Cikgu Faisal lagi.

"Sudah aku angguk lagi.

"Bagus," puji Cikgu Faisal sambil menghidupkan enjin keretanya.

Kereta merah Cikgu Faisal bergerak perlahan meninggalkan aku dan Nirmala jauh di belakang. Sambil mengayuh perlahan-lahan meninggalkan kawasan sekolah, aku berbual-bual dengan Nirmala, rakan sekelasku yang suka memberi idea yang bernas itu.

"Apa yang kita nak bincangkan esok?" tanya Nirmala merenungku.

"Pasal mesyuarat Persatuan Pencinta Alam tu?" aku membalas pertanyaan Nirmala. Dia angguk.

"Tentu banyak,"

"Pasal Gunung Tebu tu? Dulu kita tidak jadi mendakikan? Harap-harap kali ini jadilah!" Nirmala seperti mengharap benar.

Memang gadis itu berminat benar dalam pengembaraan seperti itu. Gadis sekampungku itu sukakan aktiviti yang mencabar. Kalau ada pihak sekolah yang mahu mengadakan perkhemahan di hutan, maka Nirmalalah orang yang mula-mula mendaftarkan diri.


"Tunggulah esok. Sekarang, aku tak mahu cakap apa-apa lagi. Perutku lapar!" kataku sambil mempercepatkan kayuhanku.

Aku dapat menangkap ketawa Nirmala sebelum aku membelok masuk ke simpang lorong menuju ke rumahku. Nirmala meneruskan perjalanan menghala ke rumahnya di kawasan perumahan Tanjung Padang.

Dari jauh, hidungku tercium bau harum. Pasti itu masakan emak yang sentiasa menyelerakan. Lazat dan enak. Apa yang emak masak hari ini agaknya? Perutku benar-benar berdendang kali ini. Lapar benar!

"Mak masak apa hari ni mak?" tanyaku tidak sabar-sabar. Sebaik saja muncul di muka pintu terus aku meluru ke dapur.





Seperti selalu emak tersenyum dan memandang dengan renungan yang lembut. Tangannya lincah menghidangkan nasi di atas meja.

"Kalau ya pun, pergilah salin baju tu dulu. Mandi dan sembahyang zuhur," kata emak perlahan.

Pada mulanya aku berhajat hendak makan dulu sebelum mandi dan sembahyang, namun mengenangkan suruhan emak, rasanya lebih baik aku akur saja. Teringat pula kata-kata Ustaz Hafiz tempoh hari. Katanya, syurga terletak di bawah tapak kaki ibu. Menderhaka pada ibu, berdosa besar. Diam-diam aku rasa cukup bertuah punya ibu seperti emak. Bagiku, emak adalah segala-galanya.

Nasi berlauk ikan bawal masak merah berulam kacang panjang mentah itu benar-benar menyelerakan. Apa lagi ditambah dengan ikan panggang dan sambal belacan. Berselera benar aku. Emak hanya tersenyum melihat aku meratah ikan kembung panggang tawar itu. Kata Cikgu Laili, salah satu sumber protein ialah ikan.

"Kak Arfah dah balik?" tanyaku sambil membasuh tangan di sinki.

"Belum," jawab emak sepatah.

Aku seperti dapat merasakan suara emak tiba-tiba perlahan saja. Bila wajah emak kutatap, memang benar sangkaanku. Wajah emak seperti membayangkan sesuatu yang kurang disenangi. Ada apa sebenarnya emak? Bisik hatiku. Bimbang.

"Seronok Kak Arfah kerja di kilang tu mak?" tanyaku. Cuba mencungkil hati emak. Wajah emak aku tatap.

Emak tidak terus menjawab pertanyaanku. Emak cuma diam saja. Tangannya saja yang licah mengemas pinggan mangkuk yang berselerak atas meja. Aku menanti penuh sabar. . .

"Saya tolong kemaskan meja ni mak. Ariffkan rajin!" kataku cuba bergurau.

Emak akhirnya tersenyum. “Baguslah macam tu,” katanya tersenyum lemah. “Nah, penyapu ni, sapu nasi yang berselerak tu.....mak nak basuh pinggan ni.....”

Lega sedikit hatiku melihat emak riang semula. Namun, hatiku masih tertanya-tanya. Kenapa emak bermuram bila aku bertanyakan pasal Kak Arfah yang bekerja di kilang tu? Emak tidak sukakan Kak Arfah bekerja di kilang di hujung kampung itu? Bukankah Kak Arfah bekerja semata-mata untuk menolong keluarga kami. Adik-adikku masih kecil. Tiga orang kesemuanya. Termasuk aku dan Kak Arfah, adik beradikku lima orang semuanya. Kasihan Kak Arfah, usianya masih muda. Baru tujuh belas tahun. Sepatutnya Kak Arfah masih bersekolah. Sepatutnya Kak Arfah mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun ini. Namun, emak tidak mampu membayar yuran peperiksaan Kak Arfah. Jadi, terpaksa Kak Arfah berhenti sekolah dan bekerja di kilang di hujung kampung kami.

Kalaulah ayahku masih ada, tentulah hidup kami tidak susah begini. Apakan daya, Tuhan lebih sayangkan ayah. Ayah pergi meninggalkan kami dua tahun yang lalu. Aku pun tidak tahu apa sakitnya ayah. Ayah cuma demam-demam dan batuk-batuk saja. Tidak lama selepas itu, ayah pergi meninggalkan kami semua. Aku sangat-sangat bersedih akan kehilangan itu. Lebih-lebih lagi emak. Namun, emak cukup tabah. Emak tetap bersabar dan tenang selalu.

“Tak buat kerja sekolah, Riff?” tanya emak memutuskan lamunanku.

Aku cepat-cepat mengesat air mata yang bertakung di sudut mata. Aku cuba melindungi mukaku dengan buku.

“Ariff nak pergi mengaji Qur’an dulu mak;” kataku sambil mencapai Qur’an di atas almari.

Rumah Pak Haji Rahim tempat aku belajar mengaji agak jauh dari rumahku. Apa yang seronok, rumahnya berhampiran dengan sungai. Selalunya selepas mengaji, ramai kawan-kawanku pergi mandi di sungai itu. Itupun kalau Pak Haji Rahim tidak sedar. Kalau dia tahu, teruk

kami kena marah. Kadang-kadang bukan setakat itu saja. Kalau kami tetap berdegil, dia akan mengambil lidi untuk memukul kami.

Masa itu, kami akan lari bertempieran. Takut kena balun oleh lidi Pak Haji Rahim. Aku tahu sebabnya. Tentu dia takut kami lemas di bawa arus sungai yang deras dan dalam itu. Tetapi ahh.....cukup seronok mandi di sungai yang jernih dan sejuk airnya itu. Rasanya nyaman dan mendinginkan.

Entahlah, sejak akhir-akhir ini, sering saja aku mendeñgar rungutan dari orang-orang kampung. Kata mereka, sungai itu sudah tidak seperti dulu lagi. Airnya sudah tidak sejernih dan sedingin dulu. Entahlah aku sendiri tidak pasti benar atau tidaknya. Cuma yang aku ingat, Abang Mujahid, kawan Kak Arfah jarang-jarang memberi ikan yang dikailnya di sungai itu. Barangkali Abang Mujahid sibuk. Itu saja yang aku putuskan.

Petang itu, Kak Arfah pulang agak awal. Selalunya pukul enam petang baru dia sampai di rumah. Sekarang baru pukul lima suku lebih, Kak Arfah muncul di muka pintu. Seperti selalu, adik-adikku Iwan, Munirah dan Fikri berterkaman macam anak-anak ayam lapar. Mereka bersorak-sorak dan merebut kuih atau buah-buahan yang Kak Arfah bawa pulang untuk mereka.

"Nah sorang satu, jangan rebut-rebut!" Kak Arfah memberi amaran.

Sebaik saja mendapat seorang satu, mereka turun ke tanah bermain semula. Kak Arfah yang nampak keletihan, masuk ke dalam bilik. Aku tidak berani menegurnya. Biarlah dia berehat dahulu. Memang ada sesuatu yang hendakku cakapkan dengan kakakku itu.

"Assalamualaikum.....!!!"

Aku yang asyik menatap akhbar hari itu bingkas bangun. ~~Suara~~ siapaakah itu?

"Oh, Abang Mujahid!" kataku agak lega.

Abang Mujahid berdiri di depan tangga. Mataku mengerling ke tangan Abang Mujahid. Takut kalau-kalau



ada lagi ikan sungai yang dibawanya untuk kami sekeluarga . Tapi tangannya kosong. Ah, jahat betul aku ni, bisik hatiku sendiri.

“Kenapa senyum ni, Ariff?” tanya Abang Mujahid semacam tahu apa yang sedang aku fikirkan. “Perli abang ya?” tanyanya lagi.

“Perli apa pulak?” balasku pura-pura tidak faham.

“Perli kerana hari ni abang tak bawa ikan untuk Ariff ya!” katanya sambil menarik perlahan telingaku.

“Taklah!” aku menafikan sambil ketawa gelihati. Pandai dia menangkap isi hatiku rupanya. Malu betul aku!

“Ada apa bising-bising ni.....?” tanya Kak Arfah sebaik saja keluar dari biliknya. Matanya bulat memandang ke arah kami. Wajahnya agak pucat. Sakitkah Kak Arfah?

“Ariff ni mengidam nak makan ikan lampam ni.....,” usik Abang Mujahid sambil mencuit bahu.

Kak Arfah cuma tersenyum. Namun senyuman itu semakin membuat hatiku risau tidak menentu. Senyuman Kak Arfah tidak semanis biasa. Senyuman itu kurasakan cukup tawar dan hambar.

“Duduklah dulu Mujahid, saya buatkan air, ” kata Kak Arfah sambil menyanggul rambutnya yang panjang itu.

“Tak payahlah Arfah, saya datang ni mahu meminjam nota sejarah tu. Dua tiga hari saja okay!”

Kak Arfah tidak jadi ke dapur. Dia menghilangkan diri di bilik. Barangkali mengambil nota untuk Abang Mujahid. Barulah aku tahu rupanya Abang Mujahid juga seperti Kak Arfah. Walaupun tidak bersekolah lagi, mereka masih mahu mengambil peperiksaan. Abang Mujahid juga orang susah seperti kami. Cuma bezanya dia masih punya ayah. Adik beradiknya ramai. Kalau tidak silap, sebelas orang semuanya.

Abang Mujahid anak yang sulung. Sebab itu dia berhenti sekolah dan menjadi nelayan seperti ayahnya. Diam-diam aku mengagumi pendirian mereka. Hidup susah mendorong kami untuk berjaya dalam pelajaran. Sekilas,



aku teringatkan arwah ayah. Dia mahu kami berjaya dalam hidup. Ya, aku benar-benar ingat!

"Nantilah, kalau ada lagi ikan sungai tu, abang akan bawa untuk kau, jangan bimbang," kata Abang Mujahid sebaik sahaja Kak Arfah memberikannya satu fail nota. Abang Mujahid mengusap-usap kepalaku.

"Kau tahu Arfah, ikan-ikan kegemaran kau tidak banyak lagi di sungai hujung kampung kita tu. Kau tahu sebabnya?"

Kak Arfah tiba-tiba tunduk saja mendengar kata-kata Abang Mujahid.

Aku memandang muka Abang Mujahid yang bermata agak sepet itu. Teringin benar aku mendengar cerita dari anak muda bermulut becok ini. Ada apa-apakah?

"Semua orang salahkan kilang tempat aku berkerja tu? Semua orang marahkan kilang yang baru beroperasi tu kan!"

Sesungguhnya aku terkejut dengan kata-kata Kak Arfah itu. Terkejut dengan kata-katanya. Terkejut dengan nada suaranya. Begitu keras dan lantang. Begitu kasar dan kuat. Marah benarkah Kak Arfah?

Abang Mujahid pun barangkali terkejut dengan kejadian yang tidak disangka itu. Mukanya benar-benar pucat. Dia mengerling ke arahku seperti meminta pertolongan.

Aku menjadi serba salah. Apa yang harusku katakan? Membela Kak Arfah atau Abang Mujahid?

"Maafkan aku!"

Tiba-tiba terloncat kata-kata itu dari mulut Kak Arfah. Perlahan-lahan dia duduk di atas sofa. "Aku harap kau tidak tersinggung," sambungnya sambil memandang muka Abang Mujahid.

"Tak apalah. Lupakan saja.....aku pulang dulu.....er, nota ni aku pinjam dulu ya.....," Abang Mujahid langsung turun tanpa toleh-toleh lagi. Tersinggungkah dia?

Agaknya begitulah. Selama ini pun Kak Arfah memang tidak pernah bercakap sekasar itu pada

sesiapapun. Dia seorang gadis yang lembut dan bersopan-santun. Rambutnya panjang dan ekal. Hidungnya kecil dan mancung. Terdapat tahi lalat di bawah bibirnya. Memang kuakui Kak Arfah itu cantik orangnya. Dia pendiam dan tidak banyak bercakap. Aku tahu dia pemalu orangnya.

"Kenapa kakak cakap macam tu pada Abang Mujahid?" tanyaku perlahan. Bimbang juga kalau-kalau pertanyaanku akan menimbulkan kemarahannya pula.

Lama Kak Arfah merenungku. Matanya yang bulat dan alisnya yang lebat dan lentik itu menjadikan renungannya seolah-olah meminta simpatiku. Aku tidak tahu apa yang Kak Arfah rasakan sekarang. Tentulah ada sesuatu yang tidak kena.

"Sejak kilang baja itu beroperasi, macam-macam rungutan dari orang kampung yang kakak dengar," kata Kak Arfah lambat-lambat. Dia tunduk merenung lantai. Kakinya menguis-nguis hujung carpet nipis berwarna biru itu.

"Iya, betul juga," jawabku sambil mengingat-ingat perbualan ahli-ahli Persatuan Pencinta Alam sekolahku.

"Jadi, apa yang kakak sedihkan sangat? Pasal kilang tu?" tanyaku lagi.

"Kakak tak salahkan sesiapa. Tapi itulah sumber pencarian kakak untuk membantu keluarga kita. Kau faham bukan?"

Aku angguk.

"Kakak berhajat benar nak tolong emak. Kasihan emak. Bertungkus lumus dia bekerja untuk menyekolahkan kita. Sekarang, sampailah masanya kakak menolongnya,"

Ada sesuatu yang menggenangi mata kakak. Pasti hati kakak telah tersentuh. Memang kakak mudah menangis. Aku tahu itu.

"Tapi bukan selama-lamanya kakak mahu bekerja di situ kan?" soalku cuba mengalihkan tajuk perbualan. Aku tidak mahu melihat kakak menangis.

"Betul Riff," Kak Arfah menghela nafas. "Kakak masih belajar, kau tahu itukan? Kakak cuma tidak

bersekolah. Macam Abang Mujahid. Kita dari keluarga susah. Kita tidak boleh berserah pada nasib. Kita harus berjuang untuk memperbaiki nasib kita. Betulkan?"

Aku angguk juga. Memang benar kata-kata kakak. Perasaan bangga tiba-tiba menguasai diri. Beruntung benar aku mempunyai kakak sepertinya. Iya, aku bersyukur benar.

Malam itu sebelum tidur. Fikiranku benar-benar bercelaru. Aku terlentang di atas katil menatap syiling. Adik-adikku sudah lama berdengkur. Barangkali mereka keletihan kerana terlalu penat bermain siang tadi. Mereka tidak tahu apa-apa tentang hidup. Mereka masih kecil.

Iwan baru berusia sepuluh tahun. Manakala Munirah dan Fikri, saudara kembar yang nakal itu baru berusia tujuh tahun. Mereka tidak mengerti apa yang bergelodak dalam jiwa kami. Mereka cuma tahu bersuka ria saja. Dunia mereka hanyalah bermain dan berseronok-seronok saja. Ah, cepatlah membesar adik-adikku! Keluhku sendirian di malam gelap pekat itu.

"Tak tidur lagi Ariff?"

Tiba-tiba suara emak meragut khayalanku. Mana mak tahu aku belum tidur? Barangkali bunyi keriu katilku yang sudah agak usang ini menyebabkan emak dapat mengagak aku tidur lagi.

"Belum lagi mak!" sahutku kemudian.

"Tidurlah, esok nak ke sekolah. Esok, awal-awal nak hantar kuih ke warung Mak Cik Tjah seberang tu," emak bercakap dari arah dapur yang bersebelahan dengan bilikku.

Aku tidak menjawab kata-kata emak. Kain selimut berbunga ros hadiah hari jadiku yang kedua belas baru-baru ini ku tarik hingga ke paras tengkuk. Sekilas aku teringatkan Jasmin. Dialah yang memberikan hadiah itu kepadaku. Barangkali Jasmin berasa terhutang budi kepadaku. Aku pernah menolongnya mengajarkan matematik padanya.

Entahlah! Bagiku pertolonganku itu biasa saja. Apa salahnya menolong sesama kawan? Dia juga selalu mengajar Bahasa Inggeris kepadaku. Memang aku lemah sedikit dalam mata pelajaranku itu. Dan Jasminlah yang menunjuk

ajar.

Bunyi sudu dan pinggan berdentingan menyebabkan aku tidak dapat tidur. Macam-macam yang aku fikirkan. Kadang-kadang rasanya mahu saja aku menolong emak membungkus nasi lemak subuh-subuh esok. Atau menolongnya mengupas bawang malam ini. Kasihan emak. Tentu saja dia letih mengerjakan itu semua. Tetapi emak terlalu penyayang orangnya.

Dia hanya membenarkan aku dan Kak Arfah menolongnya sedikit-sedikit saja. Dia menyuruh kami belajar saja. Dia mahu kami berjaya dalam hidup. Ah, aku sangat sayang padamu emak!

Tekakku teras haus. Aku bingkas bangun dan terus ke dapur. Melihat aku belum tidur lagi itu, emak menjejilkan mata.

“Tak tidur lagi? Nanti mengantuk esok!” marahnya.

“Ariff dahaga mak,” kataku sambil menuang air masak ke dalam gelas. Aku mengerling emak yang sibuk menyangi ikan bilis untuk dibuat lauk nasi lemak esok.


“Boleh Ariff tolong mak?” pintaku merenung wajah emak dengan rasa kasih yang mendalam.

“Tak payah. Sikit lagi ni. Pergi tidur,” arah emak tanpa memandang wajahku.

Perlahan-lahan aku berjalan ke bilikku semula. Bilik Kak Arfah masih cerah. Pasti dia sedang menelaah pelajaran. Kasihan Kak Arfah, siang bekerja, malam pula asyik mengulang-kaji pelajaran. Aku? Ah, aku masih dikira bertuah. Aku masih boleh bersekolah seperti biasa. Belajar bersama kawan-kawan. Dapat bermain dan bergurau senda. Ah, seronok sungguh!

Wajah Cikgu Faisal terbayang di mataku. Esok, ya esok, Persatuan Pencinta Alam akan bermesyuarat. Macam-macam tergambar dalam kotak fikiranku. Sungai kampung kami yang tercemar, kilang yang menjadi buah mulut orang-orang kampungku dan Kak Arfah yang menjadi pekerja di situ. Segala-galanya bermain-main dan menari-nari dalam kepalaku. Aku tidak sedar bila masanya aku terlenu.





• BAB 2

•
*Selembut
Arusmu*

Cikgu Faisal mengetuk-ngetuk hujung penselnya pada meja. Memang begitulah lagaknya bila beliau sedang memikirkan sesuatu. Dahinya berkerut sedikit. Sesekali dia mengangkat cermin mata berbingkai bulatnya yang turun sedikit ke paras hidungnya yang mancung itu.

"Nampaknya kita terpaksa bermesyuarat tanpa kehadiran penolong setiausaha kita," ucap Cikgu Faisal sambil menyandar di kerusi. "Nirmala tidak sihat. Dia terpaksa berehat di rumah,"

Memang aku terkejut dengan kata-kata Cikgu Faisal itu. Apa sakitnya Nirmala? Kelmarin dia sihat-sihat saja. Dia demamkah? Hati kecilku tertanya-tanya. Wajah Nirmala yang tirus dengan matanya yang bulat terbayang di matakku. Tergerak juga hatiku untuk bertanya apa sakitnya Nirmala, tetapi aku tidak pula mahu mengganggu perjalanan mesyuarat ini. Barangkali selesai mesyuarat nanti bolehlah aku mendapat penjelasan dari Cikgu Faisal. Terkilan juga rasanya, bila teman sekampung sendiri tidak tahu.

"Kau tidak tahu apa sakitnya Mala?" bisik Jasmin di sebelahku.

Aku segera menggeleng tanpa menoleh padanya. Sesekali aku mengerling Johnny yang duduk di samping Cikgu Faisal. Hari ini dia ditugaskan mencatat butir-butir mesyuarat.

"Selalunya dia memberitahu kau terlebih dahlukan?"

Aku cuma mengangguk kepala mengiakan kata-kata Jasmin.

"Tanyalah cikgu," gesanya lagi. "Teruk ke dia?"

Cikgu Faisal kelihatan sibuk membelek-belek fail mesyuarat. Maklumlah dia baru lima bulan bertugas di sekolah kami. Sebelum ini, Cikgu Halim, menjadi pembimbing Persatuan Pencinta Alam. Sayangnya beliau ditukarkan ke utara Semenanjung. Khabarnya Cikgu Halim terpaksa meminta ditukarkan kerana mengikut isterinya bekerja di sana.

Begitu juga dengan aku. Jawatan setiausaha dulunya dipegang oleh Muhamad Azwan. Tetapi pelajar tahun Enam Biru itu terpaksa meletak jawatan kerana sibuk dengan Persatuan Pengangkap dan bola sepaknya. Aku tidak kisah sangat walaupun aku sendiri sibuk dengan jawatan pengawas perpustakaan dan pengawas sekolah.

"Banyak perkara yang perlu kita bincangkan hari ini," kata Cikgu Faisal.

Aku mendengar dengan penuh minat. Bagiku menjaga kebersihan alam sekitar bukanlah tanggungjawab Persatuan Pencinta Alam atau mereka yang berkenaan saja. Ia tanggungjawab semua orang. Menjaga alam sekitar dari tercemar samalah seperti kita menjaga diri kita sendiri. Kalau kita sentiasa menjaga diri kita supaya sentiasa sihat dan cergas. Begitulah juga dengan alam sekeliling kita.

"Minggu depan kita adakan minggu alam sekitar," terang Cikgu Faisal. "Kita akan mengadakan beberapa aktiviti dalam minggu tersebut. Saya mahu kamu semua memberi cadangan apakah aktiviti-aktiviti yang akan kita jalankan minggu depan," katanya lagi.

Cikgu Faisal memerhati kami semua. Ada kira-kira dua puluh tiga orang yang hadir. Semua ahli persatuan terdiri dari murid-murid tahun empat hinggalah tahun enam.

Aku mengangkat tangan. "Saya cadangkan kita mengadakan pertandingan syarahan mengenai pentingnya alam sekitar,"

Cikgu Faisal mengangguk. "Iya, lagi? Lain-lain cadangan?"

"Kita adakan peraduan melukis,"

"Kita adakan ceramah,"

"Kita adakan gotong royong membersihkan halaman sekolah,"

Berbagai-macam pendapat ahli-ahli persatuan kemukakan. Cikgu Faisal nampaknya gembira dengan cadangan bernas kami. Aku pun turut gembira sambutan menggalakkan dari semua ahli persatuan. Nampaknya

semangat yang mereka tunjukkan membuktikan mereka juga berpendapat sepertiku. Kami semua adalah bakal pewaris alam ini di masa akan datang. Iya, emak selalu mengingatkan itu padaku.

"Selain itu kita juga boleh mengadakan kempen menggunakan semula bahan yang telah digunakan," beritahu Cikgu Faisal. "Contohnya surat khabar, botol-botol kosong, tin-tin kosong dan lain-lain,"

"Rumah saya banyak surat khabar lama cikgu!"

"Rumah saya banyak tin-tin kosong cikgu!"

"Rumah saya banyak botol-botol kosong cikgu!"

Ahli-ahli persatuan nampaknya bersemangat benar. Cikgu Faisal kelihatan gembira sekali. Senyumannya melebar. Sese kali dia mengerling ke arah Cikgu Husna yang turut berada di situ. Cikgu Husna juga guru pembimbing persatuan kami.

"Kita juga akan adakan lawatan, perkhemahan dan.....,"

Cikgu Husna tidak sempat menghabiskan kata-katanya. Jasmin yang asyik mendiamkan diri dari tadi tiba-tiba menyampuk.

"Kita ada ekspedisi mendaki gunung!"

Semua orang tergelak. Jasmin ikut tergelak sama.

"Mendaki Gunung Everest iya, Jasmin?" usik Cikgu

Faisal.

Ahli-ahli persatuan ketawa lagi.

"Taklah. Gunung Tebulah cikgu.....," Jasmin ketawa lagi

"Iya. Jangan bimbang. Tapi.....,"

Kami semua memandangi Cikgu Faisal. Tapi apa lagi?

"Kamu semua masih kecil. Tentu kamu tak larat naik hingga ke puncak bukan?"

Cikgu Faisal membulatkan matanya sambil tersenyum kambing.

"Belum cuba belum tahu cikgu!"

"Kami kecil-kecil cili padi cikgu!"

“Betul!”

“Betul!”

Cikgu Faisal dan Cikgu Husna tergelak. Barangkali gelihati dengan semangat dan sokongan yang kami berikan.

Aku teringatkan Nirmala. Kalaulah dia datang hari ini tentu banyak cadangan bernas yang dia kemukakan. Selalunya pendapat dan cadangannya diterima oleh Cikgu Faisal. Begitu juga sewaktu Cikgu Halim masih ada dulu. Nirmala sudah lama menganggotai persatuan ini. Seingatku sejak dari tahun tiga lagi. Sepatutnya dia yang terpilih menjadi setiausaha. Namun dia menolaknya. Barangkali kerana aku ini lelaki, maka aku yang terpilih.

“Kenapa diam saja Ariff?” tanya Cikgu Faisal tiba-tiba.

Semua mata tertumpu ke arahku. Aku cuba berbuat selamba. Maklum, sebagai setiausaha persatuan ini sepatutnya akulah yang banyak bercakap. Tapi tidak. Ah, aku cuma berkenangkan Nirmala. Kalaulah dia ada, tentu banyak yang boleh kami bincangkan.

“Teringatkan Nirmala?” tanya Cikgu Faisal lagi.

Aku mengangguk sejujurnya. “Sepatutnya dia berada bersama kami hari ini,” kataku sambil menghela nafas. “Tiba-tiba saja demam ya cikgu?”

Cikgu Faisal memandang Cikgu Husna di sebelahnya sebelum mengalihkan pandangannya padaku.

“Sebenarnya sudah dua tiga hari dia kurang sihat. Bukan dia seorang saja. Malah dua orang adik beradiknya juga tidak sihat. Begitu juga dengan beberapa orang jirannya yang lain. Tahukah kamu kenapa?”

Semua orang memandang muka Cikgu Faisal dengan penuh tanda tanya. Lebih-lebih lagi aku. Jahilkah aku apa yang berlaku di kampungku tidak aku ketahui? Fikiranku benar-benar berkecamuk.

“Ariff bernasib baik kerana tinggal agak jauh dari sungai dan tidak menggunakan sungai sebagai sumber airnya,” kata Cikgu Faisal macam berteka-teki.



“Rumahnya agak jauh dari sungai. Tetapi rumah kawan kita Nirmala dan jiran-jirannya agak dekat. Mereka banyak menggunakan sungai sebagai sumber seperti untuk mandi manda dan mengairi tanaman. Bahkan mereka juga menggunakan air untuk makan dan minum,” sambung Cikgu Faisal lagi.

Aku merenung Cikgu Faisal sungguh-sungguh. Setiap patah perkataan yang keluar dari mulutnya ku dengar dengan teliti.

“Siapa tahu apa sebabnya?” tanya Cikgu Faisal seperti mahu menduga kami.

Jasmin mengangkat tangan. “Sungai itu telah tercemar cikgu.....”

“Iya. walaupun kita tidak dapat mengagak jawapan itu benar seratus peratus, tapi itulah kenyataannya. Siapa dapat menjawab, apakah yang menyebabkan sungai Kampung Tanjung Padang itu tercemar?”

Seorang murid tahun empat bangun menjawab. “Kilang yang didirikan berhampiran sungai itu cikgu.....”

Cikgu Faisal mengangguk. “Mungkin bukan kilang itu saja. Banyak lagi sebab lain. Kita tidak boleh menuduh kilang itu seratus peratus. Aktiviti penduduk sekelilingnya pun boleh juga menyebabkan pencemaran sungai berlaku,” terangnya panjang lebar.

Pen biru yang kupinjam dari Jasmin kugenggam kemas-kemas. Wajah Kak Arfah terbayang di ruang matak. Sesekali wajah emak turut muncul. Wajah Nirmala juga turut ikut datang bertandang. Silih berganti.

“Hari ini kita ke rumah Nirmala. Ajak Johnny sama,” kata Jasmin sebaik saja kami keluar dari kelas lima Anggerik yang dijadikan tempat bermesyuarat itu.

Tentu sahaja aku bersetuju dengan cadangan Jasmin itu.

“Kasihannya Mala,” keluhnya.

“Pukul berapa kita nak pergi?” tanyaku meminta pendapat Jasmin.

“Pukul lima. Boleh?”

Johnny yang termengah-mengah mendapatkan kami itu turut mengangguk. Sempat juga dia mendengar perbualan kami rupanya.

Rumah Nirmala sederhana besarnya. Walaupun tidak dihiasi dengan perabot-perabot dan hiasan yang mahal-mahal, rumah Nirmala tetap kelihatan cantik dan kemas.

"Jemputlah naik," pelawa emak Nirmala sambil mendukung anak kecilnya.

"Tak apalah mak cik. Kami duduk di beranda ni saja," kataku sambil bersalaman dengan emak Nirmala.

Johnny dan Jasmin turut bersalam sama. Dua orang kakak Nirmala yang asyik menyapu sampah di halaman turut tersenyum-senyum memandang kami. Mereka cuma menganggukkan kepala petanda meraikan kedatangan kami. Barangkali mereka gembira dengan kunjungan kami ini. Aku agak begitulah.

"Duduk di sini sejuk sedikit. Angin bertiup pun nyaman saja kan!" ujar Jasmin sambil duduk bersimpuh.

Nirmala keluar dari biliknya. Wajahnya agak pucat dan kelihatan lemah sekali. Emaknya memegang tangan Nirmala.

"Mala masih lagi pening-pening ni. Dia tak berselera makan," kata emak Nirmala memberitahu kami.

"Tak apalah. Jangan susah-susah, pergilah berehat," kata Jasmin sambil bangun mendapatkan Nirmala. "Nah.....baringlah di kerusi ni," katanya lagi. Sofa hijau tua di anjung rumah itu ditepek-tepuknya.

"Susah-susah kamu datang.....," suara Nirmala agak perlahan kudengar. Lemah saja bunyinya.

"Tak salah kami datangkan? Memanglah tanggungjawab kami sebagai sahabat. Entah esok, entah lusa kami pula yang sakit," kata Johnny yang mendiamkan diri dari tadi.

“Betul tu,” celahku.

“Aku tidak sangka tiba-tiba saja aku rasa pening dan tidak sihat kelmarin. Memang sejak dua tiga hari aku rasa kurang selera makan, tiba-tiba semalam perutku memulas dan seluruh badanku rasa lemah-lemah saja.....,”terang Nirmala lambat-lambat.

Nirmala semakin tertarik bila kami menceritakan tentang mesyuarat pagi tadi. Bila mendengar Johnny menyebut tentang sungai belakang rumahnya yang tercemar, wajah Nirmala serta merta menjadi muram. Aku tahu apa yang bergelodak dalam jiwa Nirmala sebenarnya. Tentu saja dia susah hati. Maklumlah, selama ini sungai itulah punca utama bekalan air di rumahnya.

“Apa yang harus kita lakukan sekarang?” tanya Nirmala akhirnya.

“Janganlah susah hati. Untuk sementara waktu ni, janganlah kita gunakan air sungai tu,” pujuk Jasmin sambil menepuk-nepuk bahu Nirmala.

“Kalau tak gunakan air sungai tu, nak cari air di mana?” tanya Johnny sambil membeliakkan matanya. Terkejut juga dia dengan cadangan Jasmin itu.

“Perigian ada.....kau ni.....kolot sangatlah!” Jasmin berpura-pura marah. Dia ketawa terkekeh-kekeh sambil menutup mulut dengan telapak tangan.

Nirmala juga ikut ketawa. Wajahnya kelihatan ceria sedikit. Lega juga hatiku melihat perubahan ini. Sekurang-kurangnya penyakitnya tidaklah serius sangat. Itulah yang kuharapkan.

Emak Nirmala datang sambil menatang dulang minuman. “Jemputlah minum,” pelawanya sambil meletakkan satu jag besar air oren sejuk dan sepiring roti berinti sekaya yang telah dipotong-potong.

“Makalah. Jangan bimbang, air oren ni bukan air sungai yang kita heboh-hebohkan tu.....,” katanya berseloroh mengusik kami.

“Habis air apa mak cik? Air perigi tu iya?” aku membalas dengan usikan juga.

Semua orang ketawa. Termasuk adik kecil Nirmala yang baru boleh bertatih. Agaknya dia menyangkakan kami semua mentertawakan dirinya. Aku mencuit hidungnya yang mancung itu. Dia ketawa menggelekek. Riang.

"Air apa ni?" bisik Johnny padaku.

"Oren," balasku selamba. "Kau tak kenal?"

"Bukan, maksud aku..... air yang digunak^{an} ni.....air apa?" tanyanya ragu-ragu.

Aku cuma tersenyum. Memang Johnny ini cerewet sedikit orangnya. Dia teliti dengan soal makan minum.

"Sedap roti ni.....," puji Jasmin sambil mengunyah roti macam kambing makan daun. Aku tersenyum saja menegenangkan itu. Kalau Jasmin tahu apa yang terlintas di hatiku tadi, tentu saja dia marah. Tapi roti itu memang sedap. Ayah Nirmala selalu menjajanya hingga ke seluruh kampung kami. Malah kampung-kampung yang berhampiran juga dijelajahnya.

Rotinya memang laku. Lebih-lebih lagi penduduk kami yang sukar untuk ke bandar. Ayah Nirmala menaiki motorsikal Honda warna kelabu. Di belakangnya terdapat sebuah kotak kayu yang besar. Di dalamnya diletakkan roti-roti yang hendak dijual. Bermacam-macam jenis roti ada. Roti berinti sekaya, berinti kacang, berinti nyiur, roti kapas dan roti keping. Masih panas dan segar. Rasanya sedap pula.

"Kenapa senyum-senyum ni, Ariff?" tanya Jasmin tiba-tiba.

Aku tergelak kecil. "Tak ada apa!" kataku sambil tergelak lagi. Air limau sejuk yang masih berbaki segera ku habiskan. Rasanya manis dan masam. Nyaman rasa tekakku bila meminum air sejuk di kala haus begini.

"Seronok juga tinggal di kampung begini ya," kata Johnny sambil memandang sekeliling. "Udaranya nyaman dan segar. Tidak macam di bandar. Bunyi bising dan asap-asap kenderaan memenuhi ruang. Sesak nafas aku!"



"Tidak juga," balas Nirmala sambil terbatuk-batuk kecil. "Dulu memanglah. Tapi kamu lihatlah di sana," mulutnya memuncung ke arah kilang yang didirikan tidak jauh dari rumahnya.

Dari jauh kilang itu nampak kecil saja. Tetapi asap tebal yang keluar dari serombong asapnya memenuhi ruang udara. Baunya memanglah busuk. Sesekali bila dibawa angin lalu, memang meloyakan. Tapi apa yang dapat kami lakukan. Terpaksalah kami hadapi semua itu.

"Jadi kamu kurang senang dengan adanya kilang tu, kan?" tanyaku seperti meminta pendapat Nirmala.

Nirmala angguk. "Tentu saja aku tidak senang. Malah bukan aku seorang, semua penduduk di sini tidak suka. Menyusahkan kami saja," muka Nirmala berkerut.

Jelaslah padaku bahawa Nirmala juga seperti orang lain. Mereka tidak sukakan kilang itu didirikan di kampung mereka. Aku sendiri tidak mengerti. Apakah benar kilang tempat Kak Arfahku bekerja sebenarnya yang menyebabkan sungai kampungku itu tercemar? Atau mungkinkah ada sebab-sebab lain seperti kata Cikgu Faisal tadi?

"Mari kita pergi ke sungai itu.....," Jasmin tiba-tiba meloncat dari tempat duduknya. Mukanya berseri-seri.

"Tiba-tiba saja kau ni! Macam disengat tebuhan!" sindir Johnny mengherotkan mukanya.

"Taklah! Aku memang berangan-angan nak mandi di sungai tu.....," Jasmin menjerit riang.

Johhny memandang mukaku, semacam ragu-ragu dengan tingkah laku Jasmin itu. Dia menggaru-garu kepala sambil mencuit bahu.

"Waraskah Jasmin tu?" tanyanya agak kuat.

"Hei, aku masih waraslah.....tak salah mandikan Mala?" Jasmin masih belum mahu mengalah. Dia bangun sambil membetulkan baju kurungnya yang berkedut.

"Pergilah tengok dulu sungai tu.....kalau rasa nak mandi, kamu mandilah.....aku tak nak masuk campur.....," kata Nirmala sambil bangun mengiringi kami.



"Kamu pergilah berehat Mala. Jangan risaukan kami. Tahulah kami menjaga diri," kataku sambil mengerling Jasmin. Sambil menyiku Johnny, aku menyindir Jasmin, "Jasmin ni cakap saja besar.....tikus pun takut.....usahkan nak mandi.....nanti ada pacat baru tahu!"

Jasmin menjelirkan lidah. "Eeeiii...belum cuba belum tahu.....!" katanya sambil ketawa.

Kami menuruni tebing tinggi itu dengan hati-hati. Takut-takut kaki kami tersadung oleh akar-akar kayu yang kasar dan menjalar itu. Pokok-pokok kelapa kelihatan halus runcing seperti mahu tumbang. Terlintas juga di fikiranku, bagaimana kalau pokok-pokok yang condong ini tumbang dan menimpa rumah-rumah di sekitarnya?

"Kau tengok apa tu?" tanya Johnny memaut lenganku.

Aku tahu Johnny mulai rasa kurang senang. "Jom, baliklah, hari dah petang ni!" rayunya dengan wajah berkerut.

"Aku cuma tengok pokok kelapa yang hampir tumbang tu. Kan bahaya kalau ribut nanti. Kanak-kanak memang suka bermain di bawah pokok ni.....," jelasku sambil mendongak ke atas.

"Heiii.....marilah sini.....!" Jasmin menjerit dari tepi sungai. Dia melambai-lambai ke arah kami.

"Lihat Jasmin tu, berani benar dia.....," gerutu Johnny.

"Taklah dia memang penakut.....mana dia pernah mandi sungai.....," sangahku tidak mempercayai keberanian Jasmin yang kuanggap sebagai gadis manja itu. Maklumlah dia anak bongsu dalam keluarganya.

"Mana tahu.....diakan selalu berenang di kolam renang di bandar tu,"

"Tapi sungai tak sama dengan kolam,"

"Hm, betul. Di kolam ada pelampung, ada ramai orang, ada penjaga kolam!"

"Entah. Aku tak pernah mandi kolam.....sungai inilah tempat aku berkubang.....seronok tahu?"



"Jadi kau pun nak mandi?"

Aku menggeleng. Sambil berjalan perlahan-lahan mendapatkan Jasmin yang terloncat-loncat kegirangan di gigi air tu, aku memandang sekeliling.

Tebing sungai ini hampir dipenuhi sampah-sarap. Botol-botol dan tin-tin kosong bertaburan di sana sini. Bekas-bekas pembungkus dan cebisan-cebisan plastik berselerakan. Begitu menyesak mata yang memandang.

"Aku tak nak mandilah.....," kata Jasmin sebaik saja kami menghampirinya.

"Kenapa pulak?" tanyaku mengerling Johnny.

"Tengok!" Jasmin menuding ke arah sampah-sarap yang memenuhi sebahagian tepi sungai itu.

Memang tepi sungai itu sungguh kotor. Macam tempat pembuangan sampah saja. Tin-tin buruk, cebisan-cebisan makanan, kayu-kayu buruk, botol-botol kosong hampir memenuhi ruang. Seolah-olah sungai ini tong sampah saja.

"Kenapa jadi macam ni?" tanya Jasmin dengan muka sedih. "Aku sangkakan air sungai ni macam air kolam renang.....ni tidak, kotor!"

"Patutlah!" celah Johnny pula.

"Patut apa?" aku memandang muka Johnny kemudian beralih pada Jasmin.


"Patutlah Nirmala sakit!" sela Jasmin.

"Dahlah penduduk di sini kotorkan sungai ni.....kilang sana tu pun buang sisanya ke sungai ni.....teruk betul!" hambur pula Johnny.

"Semua orang sudah tidak hargai alam sekitar....jadi nampaknya, semua ini memberi idea pada kita sebagai Persatuan Pencinta Alam untuk bergerak cergas lagi. Seperti kata Cikgu Faisal, kitalah pewaris dunia akan datang, kalau tidak kita, siapa lagi?" giliran aku pula meluahkan apa yang terbuku dalam dada.

"Betul," sokong Jasmin.

"Betul katamu itu," gurau Johnny melucu.



Tebing sungai ini hampir dipenuhi sampah-sarap. Botol-botol dan tin-tin kosong bertaburan di sana sini. Bekas-bekas pembungkus dan cebisan-cebisan plastik berselerakan. Begitu menyesak mata yang memandang.

"Aku tak nak mandilah.....," kata Jasmin sebaik saja kami menghampirinya.

"Kenapa pulak?" tanyaku mengerling Johnny.

"Tengok!" Jasmin menuding ke arah sampah-sarap yang memenuhi sebahagian tepi sungai itu.

Memang tepi sungai itu sungguh kotor. Macam tempat pembuangan sampah saja. Tin-tin buruk, cebisan-cebisan makanan, kayu-kayu buruk, botol-botol kosong hampir memenuhi ruang. Seolah-olah sungai ini tong sampah saja.

"Kenapa jadi macam ni?" tanya Jasmin dengan muka sedih. "Aku sangkakan air sungai ni macam air kolam renang.....ni tidak, kotor!"

"Patutlah!" celah Johnny pula.

"Patut apa?" aku memandang muka Johnny kemudian beralih pada Jasmin.

"Patutlah Nirmala sakit!" sela Jasmin.

"Dahlah penduduk di sini kotorkan sungai ni.....kilang sana tu pun buang sisanya ke sungai ni.....teruk betul!" hambur pula Johnny.

"Semua orang sudah tidak hargai alam sekitar.....jadi nampaknya, semua ini memberi idea pada kita sebagai Persatuan Pencinta Alam untuk bergerak cergas lagi. Seperti kata Cikgu Faisal, kitalah pewaris dunia akan datang, kalau tidak kita, siapa lagi?" giliran aku pula meluahkan apa yang terbuku dalam dada.

"Betul," sokong Jasmin.

"Betul katamu itu," gurau Johnny melucu.

Seorang lelaki kelihatan terbongkok-bongkok sambil menutup kepalanya dengan kain. Kemudian dia hilang di sebalik petak-petak kayu kecil yang didirikan menghala sungai.

"Apa dia orang tu buat?" tanya Johnny tidak mengerti.

Aku dan Jasmin cuma tersenyum-senyum. Bagaimana mahu aku jelaskan pada Johnny?

"Kau tak tahu?" Jasmin menyeringai. Nampak giginya yang jarang-jarang itu.

"Apa dia buat?" Johnny masih tidak faham.

"Melepas," kataku sambil menekan perut menahan ketawa.

"Ha?" mata Johnny seperti terbeliak.

Ketawa kami pecah berderai.



• BAB 3

•
Selembut

Arusmu

Bau emak menumis memecah seleraku. Lauk apa agaknya hari ini? Tumis ikan tongkol atau masak asam pedas ikan bawal?

"Lauk apa hari ini, mak? Sedapnya bau!" kataku sambil mendekati emak yang asyik mengacau sesuatu di dalam periuk kecil di atas dapur.

"Masak asam pedas ikan tongkol. Ariff suka lauk itu tu kan?" kata emak sambil mengerling ke arahku.

"Sambal belacan pun ada?"

Sambal belacan yang berwarna merah bercampur udang kering itu begitu menyelerakan sekali.

"Ulam pegaga, ulam raja dan petai semua ada," kata emak yang sememangnya tahu kesukaanku.

"Segar-segar ulam ni ya mak,"

"Tentulah segar. Kalau kita jaga dia dengan baik, tentu saja dia akan tumbuh dengan baik juga,"

"Cikgu kata ulam ni baik untuk kesihatan. Sekurang-kurangnya dapat menghindarkan kita dari penyakit. Penyakit kencing manis misalnya," terangku sambil meratah ulam pegaga yang pahit sedikit rasanya itu.

Selesai kami makan tengahari itu, Mak Cik Peah, jiran kami yang selalu bertandang di rumah kami, datang menjengah.

"Rajin membasuh Ariff, macam orang perempuan," katanya dengan nada mengejek.

Aku mengerling emak yang sedang menyangkan ikan bilis. Emak tidak pula membalas kata-kata Mak Cik Peah. Dia hanya tunduk meneruskan kerjanya. Aku pula meneruskan kerjaku menolong emak mengelap meja dan menyapu sampah.

"Rajin anak awak ni, Cik Hajar. Macam orang perempuan. Kawan-kawan sebayanya semuanya pergi bersuka-suka," kata Mak Cik Peah lagi.

Kata-kata itu memang membuatkan aku tersinggung. Emak pula hanya diam dan tidak pula membela diriku. Mahu saja aku menjawab. Biar padan muka Mak Cik

Peah yang suka menjaga tepi kain orang itu.

"Awak memang bertuahlah Cik Hajar, anak-anak awak memang rajin. Tengok, si Iwan pun pandai menolong emaknya membersihkan rumah," sekali lagi Mak Cik Peah mengomel.

Aku tidak berani menjawab kerana emak selalu mengajar supaya kami menghormati orang tua. Aku meneruskan kerjaku. Sesekali aku mengerling emak. Emak hanya tersenyum saja.

"Anak awak Siti Arfah tu tak balik lagi?" tiba-tiba Mak Cik Peah menanya emak pasal Kak Arfah.

"Belum, kenapa?" tanya emak tanpa memandangi muka Mak Cik Peah. Tangan emak lincah menyang ikan bilis di depannya.

Mak Cik Peah tersengih-sengih macam kerang busuk. Selendangnya yang terlondeh hingga ke bahu diangkat dan dikenakan di atas kepalanya semula.

"Dia masih bekerja di kilang itukah?"

Mak mengangguk.

"Suruhlah dia cari kerja lain,"

Kali ini emak mengangkat muka dan memandangi tepat ke muka Mak Cik Peah yang tembam itu. Aku yang berdiri tidak jauh dari emak turut merenung tajam muka Mak Cik Peah itu.

"Kerja kilang tu tak bagus," kata Mak Cik Peah bila mak hanya memandangi saja mukanya tanpa berkata apa-apa.

"Kenapa pula tidak bagus Cik Peah. Dia bukannya mencuri," akhirnya emak bersuara juga.

"Betul," sambar Mak Cik Peah sambil membetulkan duduknya. Dia semakin mendekati emak.

"Tak lama lagi kilang tu akan ditutup," katanya separuh berbisik. Namun, aku dapat mendengarnya dengan jelas.

Emak memandangi ke arahku dengan ekor matanya. Aku mengundur sedikit sambil memalingkan kepalaku. Seolah-olah aku tidak mendengar perbualan mereka. Gelas-

gelas kaca di atas meja yang belum dibasuh itu segera ku basuh. Dadaku berdebar-debar, benarkah kilang itu akan ditutup?

"Kau tak tahu ke, Cik Hajar?"

"Saya tak tahu apa-apa,"

"Kilang tu menyebabkan sungai kampung kita kotor. Tengok setiap hari kita terhidu bau busuk.....udara sudah tidak segar lagi. Orang-orang kampung seberang sana dekat sungai tu semua dah tak sihat lagi.....kau tak tahu ke Hajar?????"

"Tahu,"

Mak Cik Peah menggeleng-gelengkan kepala. Dia menggaru-garu rambutnya yang disanggul sejempit itu. Kali ini selendang panjang yang dipakainya jatuh ke lantai.

"Tapi kita tidak boleh salahkan kilang itu saja," kata emak perlahan.

Mendengar kata-kata emak itu, serta merta muka Mak Cik Peah berubah. Menjadi merah padam. Matanya yang besar dan bulat dan masih terjojol itu seperti mahu terkeluar sahaja kulihat.

"Kalau tidak kerana kilang tu, angkara siapa? Hantu? Pontianak?" Sahlah, Mak Cik Peah benar-benar marah kali ini. Suaranya macam halilintar membelah bumi. Berdentum-dentum bunyinya.

Tapi emak tidak kisah. Emak sudah masak benar dengan perangai Mak Cik Peah. Orang lain tidak boleh lawan kata-katanya. Semua orang tahu perangnya yang suka menjaga tepi kain orang itu.

"Kadang-kadang kita sendiri pun boleh menyebabkan kilang itu kotor. Tercemar," kata emak perlahan.

Hai, berani emak melawan cakap Mak Cik Peah?

"Kau ni memandai-mandai pulak, siapa kata macam tu? Anak kau si Siti Arfah tu? Mengada-ngada!" bentak Mak Cik Peah marah-marah.

"Bukan. Jangan nak salahkan budak tu. Dia tidak tahu apa-apa,"

"Habis tu?"

"Kadang-kadang kita sendiri pun boleh menjadikan sungai tu tercemar. Tengok, kita selalu membuang sampah ke dalam sungai tu. Dahlah tu, kadang-kadang ada orang meracun sungai itu dengan tuba untuk mendapat ikan. Membunuh ikan-ikan tu,"

Mak Cik Peah mencebik. Dia mula bangun sambil membetulkan kain batik sarungnya. "Aku dah nak baliklah!" katanya menarik muka masam.

Emak hanya mengangguk sahaja. Barangkali dia malas hendak bertekak dengan Mak Cik Peah.

"Tapi kau kena tahu juga, Siti Hajar!" Mak Cik Peah masih berdiri di muka pintu. "Orang-orang kampung nak menyuruh tauke punya kilang itu menutup kilang tu. Kalau tidak.....,"

"Kalau tidak apa?" tanya emak. Dahinya berkerut.

"Kami nak bakar kilang tu!"

Emak segera beristigfar. Dia mengeleng-geleng kepala sambil meneruskan kerjanya. Aku segera mendapatkan emak.

Wajah emak yang tirus itu kurenung lama-lama. Kasihan emak. Entah kenapa perasaan itu menyelinap ke dalam hatiku.

"Pergilah lihat adik-adik kau bermain di bawah sana tu. Nanti mereka bermain kotor-kotor. Berkudis pula nanti," suruh emak.

"Teruklah Mak Cik Peah tu ya mak," kataku mengumpat Mak Cik Peah. "suka jaga tepi kain orang!"

"Sudahlah. Pergilah lihat adik-adik kau tu,"

"Benarkah orang-orang kampung nak bakar kilang tu mak?"

"Tidaklah. Pergilah tengok adik-adik kau.....,"

Aku segera turun ke bawah. Fikiranku masih tertumpu pada Mak Cik Peah yang gemuk gedempol itu. Meluat sungguh aku. Kenapa dia mengada sangat?

Iwan, Munirah dan Fikri sedang bermain-main di bawah pokok rambutan yang sedang berputik. Tidak lama lagi buah rambutan itu akan masak ranum. Rasanya sangat manis dan enak. Wajah arwah ayah tiba-tiba datang menaritari di ruangan mata. Arwah ayahlah yang menanam pokok rambutan itu.

“Tidak lama lagi pokok rambutan ini akan berbuah. Ayah mahu semua anak-anak ayah sayangkan pokok ini,” demikian katanya.

Aku masih ingat benar segala-galanya itu. Mana mungkin aku melupakannya. Waktu itu aku dalam tahun tiga. Sekarang aku sudah dalam tahun enam. Sudah tiga tahun peristiwa itu berlalu. Segala-galanya masih segar dalam ingatan.

Ayah pergi tidak lama selepas itu. Biarpun ayah tidak lagi bersama-sama kami, namun bagiku segala pesanan, segala nasihat dan tunjuk ajarnya tidak akan ku lupakan.

“Ayah sayangkan laut?” tanyaku.

“Iya. Lautlah punca rezeki kita. Kita mestilah sayangkan anugerah tuhan untuk kita. Tuhan ciptakan laut untuk manusia hambanya. Sebab itulah kita tidak boleh mengotorinya,”

“Apa sebab orang mengotorinya ayah?”

“Macam-macam sebab. Kadang-kadang ada kapal besar datang. Kapal besar itu membuang macam-macam dalam laut. Ada minyak, ada bahan kimia. Macam-macam. Lama-lama ikan-ikan dan tumbuh-tumbuhan mati,”

“Apa sebab mati ayah?”

Aku memang masih tidak faham waktu itu. Maklumlah waktu itu aku masih berumur sembilan tahun. Tidak banyak yang aku tahu tentang laut, kapal besar dan bahan kimia seperti yang ayah ceritakan.

Ayah cuma ketawa dan mengusap-usap kepalaku. Betapa bahagia dan gembira dapat kurasakan saat itu. Ayah memang sayangkan kami. Mengingati ayah aku jadi lebih bersemangat untuk belajar. Mengingati ayah, menjadikan

aku lebih sayangkan keindahan alam sekitar ini. Itu yang ayah selalu tanamkan dalam jiwa kami.

Suatu hari, ayah pulang dari laut. Sedikit sahaja ikan yang ayah bawa pulang. Muka ayah pun muram saja.

"Minum air kopi ni bang," kata emak sambil menghulurkan secawan kopi untuk ayah.

"Laut kita kotor benar sekarang. Banyak minyak hitam tumpah. Jika kita menggunakan laut dengan baik-baik, maka laut membekalkan makanan untuk kita. Tetapi kalau kita tidak menghargai laut, kita akan meracuni atau memusnahkan bekalan makanan kita,"

"Apa maksud abang?"

"Laut kita sudah dicemari. Banyak kapal-kapal besar membuang minyak dan sisa kotoran ke dalam laut kita. tompok-tompok minyak yang dapat merebak ke suatu kawasan yang luas. Minyak dapat membunuh hidupan di laut,"

"Jadi lama kelamaan ikan-ikan dalam laut akan mati," emak pun mulai faham.

Lama kelamaan aku pun mulai mengerti. Apa lagi bila aku menyertai Persatuan Pencinta Alam sekolahku. Banyak pengetahuan baru yang diajar oleh Cikgu Faisal dan Cikgu Husna.

"Kenapa termenung ni, Ariff?"

Lamunanku terputus. Kak Arfah berdiri sambil tersenyum memandangkanku.

"Khayal, iya?"

Aku menggeleng.

"Habis, ada masalah?"

Sekali lagi aku menggeleng. Namun tidak pula aku memberitahu Kak Arfah bahawa aku teringatkan ayah.

"Tak ada apa-apa," balasku sambil merenung muka Kak Arfah.

"Kalau tak ada apa-apa, marilah kita balik.

Adik-adik semua dah balik. Hari dah petang ni.....," Kak Arfah memimpin tanganku.

Mahu sahaja aku menceritakan fasal Mak Cik Peah pada Kak Arfah. Sekurang-kurangnya lega sedikit hatiku. Manalah tahu kalau-kalau orang-orang kampung betul-betul lakukan apa yang dicakapkan oleh Mak Cik Peah tadi. Membakar kilang itu? Ah, gerun juga rasa hatiku!

“Kak,” kataku apabila selesai sembahyang maghrib.

Kak Arfah memandang mukaku. Bibirku segera mengukir senyum. Mata Kak Arfah kelihatan cengkung sedikit. Mungkinkah Kak Arfah sakit?

“Ada apa?” tanyanya setelah melihat aku merenungnya lama-lama.

“Mata kakak cengkung sahaja,” kataku menyembunyikan apa sebenarnya yang mahu aku perkatakan.

Kak Arfah cuma tersengih. “Biasalah. Kak Arfah berjaga malam. Kurang tidur. Periksa kan dah dekat!”

Lega sedikit perasaanku. Ssekurang-kurangnya dia tidak sakit sebagaimana aku sangkakan. Aku tidak mahu kehilangan Kak Arfah, sepertimana aku kehilangan ayah. Tuhan, lindungilah Kak Arfahku!

“Tadi Mak Cik Peah datang!” bisikku. Kalau emak tahu, tentu saja dia akan marah. Emak tidak suka kami membicarakan hal orang.

Kak Arfah melipat telekung sembahyangnya perlahan-lahan. “Buat apa dia datang?” tanya Kak Arfah seperti tidak meminat.

Aku mencebik benci. “Tahu-tahu sajalah Mak Cik Peah tu, suka sangat menjaga tepi kain orang. Ariff tak suka,” selaku agak kuat.

“Biarlah dia. Asalkan kita tidak. Yang penting, apa yang kita buat tu betul,” nasihat Kak Arfah sambil menyalin pakaian.

“Tapi.....dia menyuruh Kak Arfah berhenti kerja kilang!” tingkalku agak geram.

Kak Arfah ketawa sedikit. Dia menggeleng-geleng kepala. Sambil melangkah keluar dari bilik, dia menepuk bahunya.

"Kita tidak boleh mendengar cakap orang. Kalau kita tidak membuat salah, Tuhan lindungi kita. Kerja di mana sekalipun, kalau kita tahu menjaga diri kita dan kerja kita halal, kita akan senantiasa selamat," kata Kak Arfah lagi.

"Tapi dia kata orang-orang kampung nak bakar kilang tu!" aku masih tidak puas hati.

Muka Kak Arfah berkerut sedikit. "Mak Cik Peah cakap macam tu?" tanya Kak Arfah perlahan. Bola matanya bergerak-gerak memandangkanku.

"Iya. Dia cakap macam tu.....mereka nak bakar kilang tu kalau kilang tu tak mahu ditutup. Kilang tu menyebabkan sungai di kampung kita tercemar!" kataku dengan nada suara meninggi. Sakit benar hatiku mendengar cakap-cakap Mak Cik Peah tadi.

Kak Arfah mencapai teko. Dia mahu membuat air kopi untuk kami. Selalunya selepas kami makan nasi, kami selalu meminum kopi O atau teh O. Barangkali kami mewarisi tabiat arwah ayah. Ayah selalu minum kopi O selepas makan malam. Ayah berbuat begitu kerana ayah tidak merokok. Dulu ayah memang kuat merokok, tetapi selepas doktor menasihatkan ayah supaya tidak merokok, ayah menggantikannya dengan meminum kopi. Namun, menurut kata Cikgu Balakrisnan, kerap meminum kopi juga membahayakan kesihatan.

"Minumlah kopi ni," Kak Arfah menghulurkan secawan kopi untukku.

Aku menghirupnya seteguk. Rasanya memang sedap. Pahit dan manis.

"Minum kopi terlalu kerap tidak bagus untuk kesihatan," kataku.

"Betul. Tapi kita bukan meminumnya sebagai amalan. Kakak minum ini pun kerana kakak nak berjaga malam.....nak study!" jawab Kak Arfah sambil menghirup kopi yang masih berasap itu.

"Mak tak balik lagi dari surau?" tanyaku ingin melanjutkan perbualan mengenai Mak Cik Peah yang terputus tadi. Kalau emak ada, tentu dia akan marah. Inilah

peluangnya aku menghamburkan rasa tidak puas hatiku kepada Kak Arfah.

“Kakak fikir, mereka akan bakar kilang tu?”
tanyaku separuh berbisik.

“Minum kopi ni dapat menghilangkan rasa mengantuk!” kata Kak Arfah seperti tidak berminat melayan pertanyaanku.

Aku merenung cawanku yang telah kosong. Kak Arfah terus masuk ke bilik untuk menelaah pelajarannya.

Wajah Mak Cik Peah terbayang di ruang matakku. Benarkah kata-kata Mak Cik Peah itu?

Kata-kata itu terus menghantuiku.



• BAB 4

•
Selembut
Arusmu

Ⓟ ersiapan untuk mengadakan minggu mencintai alam sekitar berjalan lancar. Semua ahli persatuan memberi kerjasama yang menggalakkan. Cikgu Faisal dan Cikgu Husna begitu gembira sekali. Lebih-lebih lagi bila kami menerima pujian dari pegawai dari Jabatan Alam Sekitar. Mereka menghantar dua tiga orang pegawainya untuk memberi ceramah.

"Kau dah sihat, Mala?" tegurku apabila Nirmala telah muncul hari itu.

"Wah, mujur juga kau dah sihat. Kalau tidak, tentu tidak seronok minggu kempen kita ni," kata Jasmin riang.

"Iya, setiausaha kita pun asyik termenung aje!" usik Johnny tersenyum nakal.

Kami ketawa riang. Nirmala turut ketawa sama. Wajahnya pucat sedikit. Barangkali dia belum sembuh betul. Tapi dia tetap mahu datang kerana mahu meraikan kempen tersebut.

"Cikgu, bilik untuk mengadakan sesi ceramah masih belum lengkap. Kalau ada bunga lagi cantik cikgu," ujar Jasmin sebaik sahaja Cikgu Faisal dan Cikgu Husna datang mendapatkan kami.

"Iya, cikgu pun sedang mencari bunga hidup untuk dijadikan hiasan. Bunga hidup nampak cantik bila digubah," kata Cikgu Husna.

"Bunga hidup tu pandai bercakaplah iya cikgu?" sekali lagi Johnny berseloroh.

Semua orang ketawa mendengar kata-kata itu. Johnny memang begitu. Ada-ada sahaja. Tapi betul juga kata Cikgu Husna. Bunga hidup yang mekar dan segar memang cantik kalau digubah. Baunya harum dan menyegarkan. Bagaimanakah kalau hidup ini tanpa bunga-bunga dan tumbuh-tumbuhan agaknya? Bagaimana kalau alam sekitar yang tercemar nanti akan menyebabkan semua pokok-pokok dan bunga-bunga yang indah ini terkulai layu? Bagaimana? Aif, sukar untuk aku tafsirkan.



“Di rumah saya banyak bunga orkid cikgu!” kata Jasmin sambil bermain-main hujung rambutnya yang diikat macam ekor kuda itu.

“Esok saya bawa bunga tahi ayam ya cikgu.....,” sampuk Johnny melucu. Matanya yang sepet itu nampak mengecil bila dia ketawa.

“Bawalah bunga-bunga apa pun. Esok, cikgu gubah bunga tu.

Ariff, di rumah kamu tak ada bunga?” Cikgu Husna memandang kepadaku.

“Ada. Nantilah saya bawa esok!” kataku memberi jaminan.

“Ariff tu kedekut. Kalau cikgu tak tanya, mesti dia diam sahaja tu. Hoi, kedekutlah!” Johnny ketawa terkekeh-kekeh.

Aku ikut ketawa. Johnny memang begitu. Suka sangat menyakat orang. Tetapi kami tidak kisah, yang penting kami dapat bergaul dengan aman dan tenteram. Yang penting kami tidak bermusuhan antara satu sama lain. Biar pun agama dan bangsa kami berlainan, namun jiwa dan negara kami tetap satu. Itu yang selalu emak tanamkan dalam jiwa anak-anaknya. Dan itu jugalah yang selalu dipesan oleh guru-guru.

Dan, aku tanam kukuh-kukuh dalam jiwaku.

“Hai, sibuk nampak!”

Satu suara menyergah kami dari belakang. Saiful, anak Mak Cik Peah berdiri sambil tersengih-sengih.

Aku menentang mukanya dengan rasa sedikit meluat. Tentu sahaja dia berani datang mengganggu kami kerana Cikgu Faisal dan Cikgu Husna telah pergi.

“Tentulah kami sibuk. Esok, sekolah kita nak buat kempen mencintai alam sekitar. Kau tak tahu?” tanya Nirmala ramah.

“Tahu. Tapi apa aku peduli.....,” jawabnya sambil meludah ke tanah.

“Tak baik kata macam tu. Kau tak sayangkan sekolah kita?” sampuk pula Jasmin. Matanya bulat memandang

muka Saiful yang masih tersengih-sengih macam kerang busuk itu. Meluat sungguh aku!

"Sayang? Ha.....ha.....ha.....!!!!!" Saiful ketawa macam ketua samseng filem tamil. Rambutnya yang berduri macam duri landak itu bergerak-gerak ditiup angin.

"Tak baik kau buat macam tu. Kau tak sayangkan alam sekitar kita ni? Sepatutnya kau memberi sokongan pada kami tahu. Ni tidak.....kamu nak main-main iya?" Jasmin mulai marah. Dia mencekak pinggang dan merenung muka Saiful dengan marah.

Saiful masih belum berganjak. Dia tetap mempersendakan kami. Aneh juga, dia keseorangan saja hari ini. Selalunya dia ditemani oleh Zulkafli dan Muin. Ke mana pergi agaknya mereka itu? Mereka bertiga memang bersahabat baik. Ke mana sahaja mereka pergi, tentu sahaja mereka tidak akan berpisah.

"Ariff, balik nanti jangan lupa basuh pinggan iya!" ejek Saiful membakar perasaanku.

Kurang ajar! tentu saja emaknya memberitahu hal ini. Ah, apa dia peduli?

"Rajin iya.....lepas basuh pinggan, sapu sampah pulak.....macam orang perempuan!" giatnya semakin galak.

Aku menggetap bibir. Wajah Saiful nampak macam kucing saja. Mahu saja aku cakar-cakar mukanya.

"Entah-entah nasi lemak tu engkau yang buat? Hai, macam perempuan!"

Kesabaranku ada batasnya. Kali ini aku tidak dapat menahan sabar lagi. Saiful sudah melampau. Dia betul-betul kurang ajar. Aku mengepal-ngepal penumbuk. Dapatku rasakan merah padamnya mukaku. Darah panas menyerbu ke mukaku.

"Sudahlah. Jangan pedulikan dia!" Jasmin dan Johnny memegang tanganku.

"Mari kita pergi dari sini.....," Nirmala mencuit bahuku. "Sudahlah. Jangan hiraukan dia.....," pujuknya.

"Tak malu.....berkawan dengan perempuan.....hoi..... pondan.....!!!!!" tempiknya menyakitkan hatiku.



Aku duduk di bawah rimbunan pokok-pokok kayu di belakang sekolah kami. Hatiku benar-benar bengkok. Celupar betul mulut Saiful tadi. Dia serupa saja dengan emaknya. Suka jaga tepi kain orang. Kalau benar aku rajin menolong emak di dapur, salahkah aku? Salahkah?

"Saiful tu memang macam tu. Konon ketua samsenglah tu!" Jasmin mencebek benci. Bibir nipisnya terjueh panjang.

"Aku pun selalu menolong emak di rumah. Anak lelaki tu mesti buat kerja rumah. Bukan bermain saja!" tokok Johnny menyokong diriku.

Ah, apalah ertinya Johnny berkata begitu depan kami semua. Alangkah baiknya dia berkata begitu depan Saiful. Kenapa aku tidak menjawab begitu tadi? Barangkali aku terlalu marah. Memang perasaanku benar-benar terbakar tadi.

Mujur juga Johnny dan Jasmin memegang aku. Kalau tidak, entah apalah yang terjadi. Mungkin juga tubuh Saiful yang gempal itu aku kerjakan. Kalah atau menang bukan soalnya. Biar pun kurus, namun belum tentu aku kalah kalau aku bergaduh dengan si Saiful tembam itu. Kalau boleh mahu saja aku cabaikan mulutnya yang celupar itu!

"Marilah kita pergi, cikgu panggil tu," ajak Nirmala bila melihat Cikgu Faisal melambai-lambai ke arah kami.

Mereka berlari-lari anak meninggalkan aku seorang diri. Sambil bangun lambat-lambat dan berjalan perlahan-lahan, kata-kata Saiful masih lagi berbekam dalam dadaku. Kenapa aku ni sensitif sangat? Aku cuba memujuk hati sendiri. Namun bayangan dan kata-kata Saiful masih juga terngiang-ngiang di telingaku.

Itu pun dia! Hatiku terbakar semula. Saiful dan dua orang kawan pun baiknya tersengih-sengih menghalang perjalananku. Bangunan block A dan B memang sempit saja. Laluan antara dua block itu hanya memuatkan seorang atau dua orang saja. Mereka berdiri memenuhi ruang itu. Nampaknya mereka sengaja mencari pasal!

"Hoi pondan, seorang saja?" ejek Saiful tersengeh-sengeh. Mengaru-garu rambutnya yang tajam berduri macam landak itu. Aku mengepal-ngepal penumpuk. Walau apapun yang terjadi kali ini, aku akan melawan silandak ini. Dia memang tidak boleh dibiarkan begitu saja. Aku harus ajar dia!

"Kalau kau betul-betul jantan, marilah. Aku cabar kau!" nampaknya Saiful benar-benar mahu mencabar aku.

"Kenapa kau suka sangat cari pasal dengan orang? Suka bergaduh, kaki pukul konon!" balasku dengan nada mengejek juga.

Saiful dan kawan-kawannya ketawa. Bukan main seronok lagi mereka. Tentu saja mereka senang hati dapat menyakitkan hatiku.

"Aku bukan takut bergaduh dengan kamu semua. Tapi aku bukannya kaki gaduh macam kamu. Aku datang ke sekolah nak belajar. Bukan nak main-main macam kamu," kataku sambil menentang mata Saiful yang terjojol keluar macam mata katak puru itu.

"Jangan cakap banyak. Lanyak dia!" Saiful memerintah kawan-kawannya.

Aku mengundur selangkah ke belakang. Kalau boleh aku tidak mahu bertumbuk di kawasan sekolah. Malu benar aku pada cikgu-cikgu dan kawan-kawan.

"Hoi, pengecut.....pondan!" ejek Saiful lagi.

Aku sudah tidak boleh menahan sabar. Akhirnya sebiji penumbuk aku lepaskan ke muka Zulkafli, orang suruhan Saiful itu. Dia tertiarap jatuh.

"Cepat, Muin kau pula!" perintah Saiful lagi. Betul-betul macam ketua samseng.

Aku cuba menumbuk muka Muin macam aku menumbuk muka Zulkafli tadi. Tapi Muin cepat mengelak. Sebiji penumbuknya hinggap ke mukaku. Kali ini aku pula yang terjatuh. Muin menerkamku sebelum sempat aku bangun. Dengan kekuatan yang ada, aku menolaknya sekuat tenaga. Kali ini Muin pula yang jatuh tersungkur. Mukanya berdarah. Aku sudah tidak hiraukan apa-apa lagi.



Aku bangun dan menerkam Saiful yang asyik bertepuk tangan melihat kawannya terjatuh. Melihat aku bersungguh-sungguh hendak melawannya, Saiful menendang perutku.

Tersebam aku jatuh. Mujur juga mukaku tidak terkena bucu longkang. Kalau tidak, tentu saja mukaku pecah. Saiful sekali lagi menyepak pehaku dan aku berguling-guling jatuh terjerembap.

Pandanganku rasa berpinar-pinar. Seluruh tubuhku terasa sakit-sakit dan sengal. Namun aku harus mengalahkan Saiful yang bermulut celupar ini. Ku gagahi diri dan bangun. Saiful yang gemuk gedempol itu nampak samar-samar saja.

Dengan segala kekuatan yang ada aku menolak Saiful sekuat-kuat tenaga. Dia jatuh dan aku duduk di atas perutnya dan menumbuk mukanya bertubi-tubi.

"Hei.....berhenti.....henti.....,"

Tubuhku terasa disentak kuat. Aku meronta-ronta minta dilepaskan. Mahu saja aku menumbuk muka Saiful biar hancur. Baru puas hatiku.

"Kenapa bergaduh ni, ha?????" Tengking Cikgu Faisal.

Cikgu Husna menyambut tubuhku dari pegangan Cikgu Faisal. Cikgu Faisal membangunkan Saiful yang masih terlentang macam orang pengan itu. Padan muka dia!

"Kamu berdua hendak jadi samseng, iya?" Herdik Cikgu Faisal menyinga. "Orang lain masuk kelas belajar, kamu berdua bergaduh!"

"Apa fasal kamu jadi macam ni, Ariff?" Suara Cikgu Husna lembut sahaja menusuk ke telingaku. Namun rasa sakit dan ngilu badanku tidak dapat ku tahan-tahan. Aku tidak pernah bergaduh hebat macam ini. Selalunya aku hanya maju olok-olok saja dengan kawan-kawanku di kampung.

"Mari kita ke bilik guru besar. Kamu ni memang samseng!"



Aku tidak dapat mengagak kepada siapakah perkataan 'samseng' itu ditujukan. Cikgu Faisal barangkali marah benar. Mukanya merah padam. Apakah dia marah padaku kerana mengabaikan tugasku? Memang sepatutnya aku pergi mendapatkan beliau sewaktu memanggil kami tadi. Ah, agaknya memang akulah yang bersalah.

"Kamu pun sudah pandai bergaduh? Sekarang, Ariff?" tanya guru besar menjegilkan mata. Dia mengetuk-ngetuk hujung pensil ke meja tulisnya. Cermin matanya terlondeh ke hidung. Matanya memandang kami melalui atas cermin matanya.

"Dia yang punya pasal, cikgu," sampuk Saiful sebelum sempat aku membuka mulut.

"Kamu diam dulu, Saiful. Sekarang saya tanya Ariff ni dulu," tingkahnya agak marah.

Aku yang membisu saja sejak tadi mula bersuara. Inilah masanya aku membela diri. "Maafkan saya cikgu. Sebenarnya saya tidak menduga saya akan bergaduh hari ini cikgu. Maafkan saya.....," entah kenapa kelu benar lidahku. Takutkah aku? Bodohkah aku?

"Memang sesuatu kejadian kadang-kadang berlaku tanpa diduga. Tapi mesti ada sebabnya bukan? Saya mahu tahu sebabnya," kata guru besar dengan suara mendatar.

Aku mengerling Saiful yang merenung tajam ke mukaku. Dari riak wajahnya dapat kurasakan bahawa dia mahu mengugutku. Apakah aku juga termasuk pelajar-pelajar lain yang menjadi mangsa ugutan Saiful dan kunci-kuncunya ini?

"Cakaplah, Ariff. Saya beri peluang kamu bercakap. Kamu seorang pengawas bukan? Sepatutnya- kamu melarang kawan-kawan kamu bergaduh. Tapi kamu nampaknya gagal mengawal diri. Kamu sendiri yang bergaduh bukan? Sekarang cakaplah. Cakaplah sebelum saya menjatuhkan hukuman pada kamu berdua," kali ini nada suara Cikgu Saidin, guru besar sekolah kami mulai keras.

Aku tunduk. Perlukah aku berterus-terang saja? Perlukah? Atau aku harus tunduk pada ancaman Saiful?

"Kenapa diam?" soal Cikgu Saidin lagi.

"Saiful yang mengata-gatakan saya dulu!" Akhirnya aku berterus-terang juga.

"Dia bohong, cikgu!" tingkah Saiful agak marah.

"Dia kata apa pada awak?" usul Cikgu Saidin ingin penjelasan lanjut.

Aku diam. Aku tunduk merenung sepatuku yang comot. Haruskah aku berterus-terang saja pada guru besar.

"Ha.....cakaplah. Dia menghina kamu?"

Aku angguk.

"Awak kata apa pada dia, Saiful?" Kali ini Cikgu Saidin beralih soalan pada Saiful pula.

Saiful mula tergaru-garu kepalanya yang berduri landak itu. Takutkah dia? Ketua samseng pun takut juga? Ha, rasakan!

"Apa yang awak katakan? Awak suka sangat menghina orang lain. Diri awak sendiri pun belum betul. Sudah acap kali kes awak bergaduh di sekolah ini. Awak tidak serik-serik didenda lagi ya?"

Saiful tunduk berteleku. Aku juga tunduk. Namun jauh dalam hatiku gembira kerana Cikgu Saidin nampaknya lebih menyebelahiku. Barangkali Cikgu Saidin sendiri pun masak benar dengan perangai Saiful.

"Kenapa diam? Bukankah awak yang memulakan dulu?" Tekan Cikgu Saidin lagi.

"Saya.....saya mengejeknya....."

"Ejek apa?"

"Saya kata pada dia perempuan.....pondan cikgu!"

"Kenapa awak cakap macam tu? Rambutnya panjang-panjang perempuan awak lihat? Atau dia pakai baju kurung?"

"Dia....dia.....buat kerja rumah macam orang perempuan cikgu!"

"Jadi buat kerja rumah tu untuk orang perempuan saja? Orang lelaki tak payah? Macam tu?"

Saiful mengeleng macam orang bodoh. Aku cuma tersenyum dalam hati. Kena kau kali ini, Saiful. Padan muka!

"Minta maaf pada Ariff cepat. Saya tidak mahu kamu bermusuh lagi selepas ni faham?" putus Cikgu Saidin.

Saiful teragak-agak menjabat tanganku. Namun genggamannya cukup menyedarkan aku bahawa itu adalah petanda pertama dia mendendamiku. Aku cukup kenal dengan Saiful ini. Abangnya Tarmizi ada menubuhkan kumpulan samseng di luar. Mungkinkah aku juga terjebak dalam kumpulan mereka?

"Kamu tunggu dulu Ariff. Saya mahu bercakap dengan kamu sebentar. Duduk sini," kata Cikgu Saidin sambil menunding kerusi di hadapannya menyuruh aku duduk.

Aku duduk betul-betul menghadap Cikgu Saidin yang ku agak dalam usia sama dengan arwah bapaku. Mungkin sekitar empat puluhan. Namun beliau masih segar dan kelihatan tegap.

"Emak kamu bekerja apa sekarang ni?" tanyanya memandang tepat ke mukaku.

"Membuat kuih muih untuk dijual cikgu," jawabku berterus-terang. Wajah Cikgu Saidin yang bermisai lebat itu aku renung dengan perasaan bimbang. Kenapa dia mengusul mengenai emakku?

"Kenapa cikgu?" Aku memberanikan diri bertanya kepada guru besar sekolahku itu. Itu pun setelah melihat dia mendiamkan diri.

"Sebab itulah kamu menolong emak membuat kerja dapur iya. Bagus juga sikap kamu itu. Dan kamu tidak boleh cepat tersinggung bila orang mengejek kamu, faham? Bergaduh bukan penyelesaian masalah. Walaupun kamu anak lelaki, kamu tidak boleh cepat melenting dan bergaduh tahu?" Lembut saja suara Cikgu Saidin kudengar.

Aku segera teringatkan arwah ayah. Alangkah baiknya jika dia masih di sisiku. Mengenangkan ini aku menatap wajah Cikgu Saidin lama-lama. Alangkah bertuah-nya anak-anak Cikgu Saidin mempunyai ayah yang begitu

pengasih dan penyayang ini. Diam-diam aku menyimpan perasaan sedih itu dalam hati. Ku tanam dalam-dalam. Agar ia tidak melimpah keluar.





BÄB 5

Selembut

Arusmu

“**J**umlah kalau sudah nakal sangat,” kata emak sambil membubuh minyak ubat di sikuku.

Aku menyeringai kesakitan. Pedihnya bukan main.

“Emak hantar anak mak ke sekolah bukan untuk bergaduh. Tengok, sampai lebam-lebam macam ni, siapa yang tanggung? Mujur juga tak patah. Kalau patah, siapa yang nak ganti? Kau fikir mak banyak duit untuk biayai semua tu? Kau tak kesiankan mak!”

Aku menahan telinga mendengar kata-kata emak. Aku menahan air mata supaya tidak gugur. Aku juga menahan pedih dan perit bekas lukaku. Tetapi hatiku lebih perit. Hatiku lebih pedih melihat air mata emak yang tergenang di matanya. Hatiku lebih tersayat nyilu melihat emak menangis tersedu-sedu mengubati lukaku.

Waktu itu aku terfikir, emak dapat mengubati lukaku. Namun dapatkah aku mengubati luka hati emak? Aku telah melukakan hatinya. Jahatkah aku? Nakalkah aku?

“Peperiksaan dah semakin dekat. Kau masih lagi main-main. Masih lagi mahu bergaduh macam orang gagah. Kau tidak ingat apa pesan arwah ayah?” suara emak masih lagi serak kerana esakan tangisannya itu.

Akhirnya air mataku gugur juga. Kenapa di saat-saat seperti ini emak menyebut nama orang yang amat ku sayangi itu? Kerongkongku terasa tersumbat. Ku kesat air hidung yang mulai meleleh. Ku biarkan air mataku mengalir hingga ke pipi. Ku biarkan air mataku mengalir hingga ke dagu dan jatuh ke atas pehaku. Biarkan. Biarkan.

“Anak lelaki tidak boleh menangis. Anak lelaki mesti kuat. Orang kuat bukan hanya dengan bergaduh saja. Kita mesti kuat semangat. Biar apa orang kata. Mereka tidak tahu susah senang kita. Mereka tidak pernah bertanya kita makan berapa kali atau kita cukup wang atau tidak. Kau kena ingat itu, Ariff. Emak mahu engkau jadi orang yang berguna. Orang berjaya. Ingat tu, faham?”

Aku menekur. Menelan kata-kata emak satu persatu. Dapat aku rasakan betapa sayangnya emak padaku. Dapat

aku rasakan betapa bahagianya aku di bawah limpah rasa kasihnya. Tuhan, peliharalah emakku. Panjangkan umurnya supaya aku dapat berbakti padanya kelak! Tuhan perkenankanlah doa hambamu ini!. Aku berdoa dalam hati.

Tiba-tiba aku teringatkan Cikgu Saidin. Aku merenung wajah emak dengan rasa kasih yang mendalam. Wajarkah aku beritahu itu pada emak? Wajarkah?

"Pergilah rehat dulu. Kalau nak baca buku pun boleh. Jangan ke mana-mana. Petang ni kau mengaji Qur'an dengan emak. Kau tak boleh pergi mengaji ke rumah Pak Haji Rahim hari ni. Luka lutut tu masih berdarah. Er, Ariff dah sembahyang zohorkan?" mata emak seolah-olah menikam matakku.

Aku angguk. Hatiku tergerak untuk mengatakan sesuatu pada emak. Tapi dia sudah pun bangun dan berjalan menuju ke dapur. Aku mengekorinya dari belakang.

Demi melihat aku masih mengekorinya, dahi emak berkerut. Dia memandangkanku berjurus-jurus lamanya. Akhirnya emak bersuara. "Ada apa lagi?" tanyanya sambil menuangkan air masak ke dalam gelas dan menghulurnya padaku.

Emak memang tahu aku sukakan air masak. Air masak cukup bagus untuk kesihatan. Itu kata Kak Arfah. Kata-katanya itu memang betul. Cikgu Lim, guru Bahasa Inggeris kami pun cakap macam itu.

"Ingatkan nak air masak," kata emak waktu melihat aku menggelengkan kepala.

"Mak," seruku sepatah.

"Apa dia?"

"Emak kenal Cikgu Saidin?" Pertanyaan itu membuat dadaku berdebar-debar.

Wajah emak serta merta berubah. Emak merenung sungguh-sungguh.

"Cikgu Saidin?" Dahi emak berkerut.

"Iya. Cikgu Saidin, guru besar sekolah Ariff," jawabku.

Perlahan-lahan emak duduk di atas kerusi panjang di ruang dapur. Kerusi yang selalu menjadi tempat tidur Iwan, adikku.

"Cikgu Saidin tu iya?" Emak akhirnya mengukir senyum. "Itu kawan arwah ayah dan kawan emak waktu sekolah dulu. Ha, tengoklah, tentu dia kata kau nakalkan?"

Aku cuma mengangkat bahu menafikan kata-kata emak. "Kawan emak rupanya," keluhku perlahan.

Petang itu sebaik saja Kak Arfah sampai di rumah, entah dari mana Mak Cik Peah dan anak gadisnya Rohaya, terkedek-kedek berjalan menuju ke rumah kami. Buat apa dia datang?

Aku mencapai lidi penyapu di bawah tangga. Tanpa memperdulikan kehadiran mereka, aku terus menyapu sampah yang berselerakkan di halaman rumah.

"Rajin menyapu, Ariff," tegur Mak Cik Peah. Bibirnya terjuhi panjang.

"Dah balik, Arfah?" tanya Rohaya menjeling-jeling ke arah Kak Arfah.

Kak Arfah angguk. "Dah!" jawabnya sepatah. Kak Arfah langsung naik ke atas rumah.

Emak muncul di muka pintu dan mempelawa mereka berdua beranak naik. Aku cuba mengerling tajam ke arah emak sebagai isyarat supaya emak jangan melayan sangat Mak Cik Peah yang kuanggap suka jaga tepi kain orang itu. Tentu sahaja dia datang mahu mengadu halku bergaduh dengan anaknya di sekolah tadi.

Tapi emak, seperti selalunya tidak pernah lekang dari bibirnya. "Naiklah. Nanti saya buat minuman," kata emak sambil berlalu ke dapur.

Kak Arfah yang baru selesai sembahyang asar, keluar sambil menghampar tikar mengkuang untuk diduduki oleh dua orang tamu yang tidak diundang itu. Aku hanya memerhati saja dari jauh. Sambil tunduk dan mengutip sabut-sabut kering yang berteraburan di halaman rumah, sesekali aku mengerling ke arah Mak Cik Peah.

Dia mahu menceritakan hal aku di sekolah tadikah? Tanya hatiku sedikit gusar. Ah, biarkanlah. Aku ceritakan segalanya pada emak tadi. Tentu emak akan menyebelahiku. Entah kenapa hatiku berasa kurang enak saja.

"Seronok bekerja di kilang Arfah?" tanya Rohaya pada Kak Arfah.

"Biasa saja. Sekurang-kurangnya dapat juga meringankan beban emak. Tak lama lagi saya akan menghadapi peperiksaan. Terpaksalah membahagi masa.....," Kak Arfah berterus terang. Dia tunduk merenung tikar mengkuang yang dibuat sendiri oleh emaknya.

"Awak ni rajin sangatlah Arfah," Rohaya mencebik sedikit. "Awak berhenti sajalah kerja di kilang tu. Ikut saya bekerja di bandar. Gajinya banyak. Kalau nak dibandingkan kerja kilang tu, berapa sen sangat!"

Kak Arfah mengerling ke arahku yang sudah pun naik dan menyelinap di dapur. Mujur juga Mak Cik Peah tidak melihat aku tadi. Dia asyik mengipas-ngipas mukanya dengan kain selendangnya. Barangkali terasa rimas agaknya.

"Betul kata Aya tu, Arfah. Berapa sen sangatlah kau kerja di kilang tu. Lagipun dah nak tutup tak lama lagi tu!" Mak Cik Peah ikut bersetuju dengan kata-kata Rohaya anak gadisnya itu.

"Mana Mak Cik Peah tahu kilang tu dah nak ditutup?" tanya Kak Arfah agak serius. "Saya tak tahu menahu pun!"

Mak Cik Peah mengisar punggungnya supaya hampir dengan Kak Arfah.

"Kilang tu menyebabkan sungai di kampung kita tu tercemar. Kau tak tahu? Kau ni lurus sangatlah Arfah!" bisiknya sambil menepuk bahu Kak Arfah.

"Mana Mak Cik tahu?" tanya Kak Arfah agak geram.

"Kilang tu membuang sisa-sisa kilang tu dalam sungai kita.....tengok, ikan-ikan sungai kita habis mati.....kau mana tahu? Orang-orang kampung tak dapat makan ikan lagi, Ha.....kau tak percaya?" Mak Cik Peah menjegilkan mata macam mahu menelan Kak Arfah.



Kak Arfah ketawa kecil. Lesung pipit kedua-dua belah pipinya terserlah.

“Kenapa kau ketawa?” soal Mak Cik Peah sekali lagi membulatkan matanya.

Waktu itu emak datang sambil menatang dulang berisi air kopi dan keropok goreng. Perlahan-lahan emak meletaknya di hadapan mereka. Mak Cik Peah tersenyum-senyum.

“Susah-susah saja awak ni, Cik Hajar.....,” katanya sambil mengerling Rohaya di sisi.

Rohaya yang rambutnya mengerbang tidak diikat, ikut mengangguk-angguk. Bibirnya merah menyala kerana digincu tebal. Kenapa Kak Arfah juga tidak ikut bersolek macam dia?

“Minumlah.....keropok ini saya buat sendiri. Banyak ikan Mujahid beri hari tu,” terang emak sambil duduk bersimpul.

“Mujahid.....??? Oooooo.....budak tu.....,” muka Mak Cik Peah berubah sedikit. Sekali lagi dia menjeling ke arah anaknya Rohaya.

“Nelayan lagikah budak tu.....?” tanya Mak Cik Peah lagi sambil mulutnya memuncung mengunyah keropok.

“Begitulah. Dia orang susah. Nak belajar, tapi tak ada duit. Terpaksalah cari kerja.....,” terang emak seadanya.

“Oooooo.....,” sekali lagi Mak Cik Peah melopong. Kemudian dia menggeleng-gelengkan kepalanya. “Buat apa-apa susah-susah? Lebih baik kerja macam Rohaya ni.....senang, sekolah tak tinggi tapi gaji besar.....,” katanya bangga.

Rohaya ikut mengangguk-angguk. Bukan main kembang lagi hidungnya.

“Betul mak cik, kerja pun rileks saja.....jaga kedai.....tak penat. Sebab tulah kami ke mari, nak ajak Arfah ikut sama.....,” katanya sambil mencubit peha Kak Arfah.

Kak Arfah dan emak saling berpandangan. Emak kemudiannya tersenyum. Barangkali sekadar mahu mengambil hati orang berdua beranak itu.

"Biarlah Kak Arfah bekerja di kilang itu saja. Dekat dengan rumah.....senang.....," jawab emak perlahan.

Kak Arfah hanya tunduk. Dia tidak berkata apa-apa. Tertarikah Kak Arfah dengan kata-kata Rohaya itu? Sukar aku menafsirkannya.

"Alah.....kerja kilang tu tak seronok.....~~kotor~~.....busuk pulak tu. Kilang baja.....dah lah tu.....baunya busuk ke serata kampung.....sisa kotornya dibuang ke sungai.....hei.....biadap betul.....," Mak Cik Peah mengipas-ngipas muka dan lehernya dengan selendang.

Emak meneguk kopinya yang masih berbaki. Kemudian emak ikut mengunyah keropok goreng. Mata emak merenung lantai. Seolah-olah emak turut termakan dengan kata-kata jirannya yang memang becok macam murai itu.

"Betul saya katakan? Kalau kilang tu masih beroperasikita semua berpakat nak bakar kilang tu.....!!!" kali ini suara Mak Cik Peah kedengaran macam orang mahu berperang sajalah agaknya.

"Kenapa sampai macam tu?" sanggah emak. "Kita tentu ada cara lain kan.

"Cara macam mana tu? Kau orang mana tahu Hajar.....kau duduk di rumah saja. Masa kau banyak habis di dapur.....kau bukan ikut kami tengok-tengokkan sungai itu.....," ejek Mak Cik Peah.

Aku mengetap-ngetap bibir. Sakit betul hatiku mendengar cakap-cakap Mak Cik Peah. Emak tak marahkah?

Emak hanya menundukkan kepalanya. Barangkali emak tersinggung dengan kata-kata Mak Cik Peah itu. Kalau boleh ingin saja rasanya aku keluar dan membantah kata-kata Mak Cik Peah itu. Tapi aku segera ikut pesan emak.

"Kita tidak boleh lawan cakap orang tua. Menyampuk pun tidak bagus. Kalau hendak menegur pun, kenalah dengan cara yang betul,"

Begitu pesan emak dan aku sematkan kukuh-kukuh di dalam hati.

“Minumlah air tu, Aya,” pelawa Kak Arfah. Barangkali Kak Arfah. Barangkali Kak Arfah menyedari emak tersinggung dengan kata-kata Mak Cik Peah itu.

Rohaya mengangguk-ngangguk. “Macam mana? Setuju tak dengan cadangan kami? Kau ikut kerja di bandar ya?”

Kak Arfah menggeleng. “Susah sikit Aya, Mak Cik Peah. Saya kasihan adik-adik. Ariff pun dah nak periksa tak lama lagi. Lagi pun kalau saya ada.....dapatlah saya menolong emak di dapur.....,” kata Kak Arfah memberi alasan.

“Ala.....Ariff pun boleh tolong kerja di dapurkan?” Mak Cik Peah mula mengejek. Bibirnya terjueh panjang.

“Tolong sedikit-sedikit bolehlah.....kesian dia tu kecil lagi. Nak periksa pun tak lama lagi.....,” emak membelaku.

Lega juga hatiku. Tanganku lincah membuat latihan matematik. Fikiranku sesekali tertumpu mendengar perbualan mereka. Hah, kenapa mereka sering datang waktu-waktu begini? Hatiku menyoal. Aku melirik ke arah jam dinding. Sudah pukul lima setengah petang.

“Sudah petang. Patut pun.....,” ucapku seorang diri.

Aku memberanikan diri keluar. Harap-harap janganlah Mak Cik Peah menegurku. Janganlah dia menyebut peristiwa di sekolah tadi.

“Nak ke mana tu, Ariff?” tegur emak waktu melihat aku melintasi ruang tamu itu.

“Ariff tak habis lagi menyapu halaman tadi mak.....,” kataku mengerling Mak Cik Peah.

“Bagus anak awak ni.....di rumah rajin, di sekolah pun rajin.....,” kata Mak Cik Peah semacam mengejek.

Aku cepat-cepat turun ke tanah. Mencapai lidi dan terus menyapu sampah.

Hari semakin gelap. Sebentar lagi malam akan menjelma.

• BAB 6

•
Selembut

Arusmu

Abang Mujahid menarik tunggul kayu besar di tepi sungai. Dia menguis-nguis pasir yang terletak di situ.

"Mari kita duduk di sini. Membaca buku di sini seronok," kata Abang Mujahid sambil meluruskan kaki.

Aku ikut duduk di samping Abang Mujahid. Seperti Abang Mujahid juga, aku ikut membaca buku. Aku tidak pasti buku apa yang dibaca oleh Abang Mujahid. Cuma aku dapat mengagak bahawa buku yang dibacanya seperti buku Kak Arfah.

Mereka tentu sahaja mahu berjaya dalam hidup. Aku pun begitu. Mulai ini saat ini aku akan belajar bersungguh-sungguh. Itu azamku. Bukan senang untuk menempa kejayaan. Rintangan pasti ada. Iya, pasti ada rintangannya. Seperti juga usahaku untuk menyelamatkan sungai kampungku ini. Rintangannya tentulah banyak.

Aku memandang Abang Mujahid. Barangkali seperti aku juga, Abang Mujahid sayangkan sungai ini. Lagi pun, Abang Mujahid selalu mengail di sungai ini. Abang Mujahid juga selalu menangkap ikan di laut. Tentu Abang Mujahid sayangkan laut seperti arwah ayahku juga.

Wajah Abang Mujahid kurenung lama-lama.

"Hei, kenapa ni? Bacalah buku tu," kata Abang Mujahid sambil ketawa. Dia barangkali berasa pelik kerana aku merenungnya begitu.

"Abang Mujahid sayangkan sungai inikan?" kataku sambil memandang arus sungai yang mengalir tenang itu.

"Tentu saja. Bukan sungai ini saja. Malah seluruh alam ciptaan Tuhan kita sayang. Lihat hutan di sana tu..... pokok-pokoknya, binatang-binatang..... semua kita sayang....."



Aku ikut memandang hutan di seberang sungai di sana. Hutan itu agak jauh dari tempatku. Sayup-sayup saja kelihatannya.

“Abang pernah ke sana?” tanyaku ingin tahu.

“Dulu pernah sekali, Abang ikut Pak Deraman memburu,” beritahu Abang Mujahid sambil memandang ke arah hutan di seberang sana.

“Seronok memburu? Tak takut?”

“Takut apa?”

“Binatang buas.....,”

Abang Mujahid ketawa. Nampak giginya tersusun kemas itu.

“Hutan tu bukanlah hutan besar sangat. Tapi binatang buas tu abang tak tahulah ada atau tidak. Abang ikut Pak Deraman menembak burung saja. Abang tak masuk ke dalam hutan sana. Cukup di pinggir hutan tu saja,” terang Abang Mujahid sambil menguis-nguis pasir dengan kakinya.

“Pak Deraman pun takut iya?” soalku.

“Tidak,” Abang Mujahid tersengeh lagi. “Pak Deraman tidak suka masuk jauh ke dalam hutan tu. Kata Pak Deraman, ada orang menebang hutan tu secara haram,”

Aku terpegun. Baru kali inilah aku mendengar cerita pelik sebegitu. Menebang hutan secara haram? Apa maksud Abang Mujahid?

“Kau tidak faham?” tanya Abang Mujahid setelah melihat aku mendiamkan diri.

Abang Mujahid menepuk-nepuk bahu. “Kau jangan ceritakan pada sesiapa hal ini tahu? Ini rahsia kita berdua,”

Aku semakin tidak faham. Apa lagi bila Abang Mujahid menggenggam tanganku erat-erat. Semacam ada sesuatu rahsia yang Abang Mujahid sembunyikan dariku.

“Iya. Ariff janji. Ariff tidak akan bocorkan rahsia ini,” janjiku sambil turut menggenggam tangan Abang Mujahid.

"Pak Deraman bukan pegawai hutan. Dia mahu menyiasat sebab ada aduan mengatakan terdapat sedikit haram menebang hutan secara berleluasa,"

"Menebang hutan tu salah?" aku semakin tidak mengerti.

"Memang salah. Satu, hutan tu milik kerajaan. Dua, menebang hutan secara haram akan mengakibatkan hakisan tanah. Tiga, hidupan di hutan akan musnah. Kasihan hidupan-hidupan hutan. Flora dan fauna kita....., Ariff tahu apa flora dan fauna tu kan?"

Aku menangguk gembira. "Tahu!" kataku bangga. Teringat penerangan Cikgu Faisal hari itu. "Flora tu tumbuh-tumbuhan yang hidup.....er, dan fauna tu binatang-binatang yang hidup di sesuatu tempat.....iyakan?"

"Bijak!" Abang Mujahid menepuk-nepuk bahu.

Aku tersenyum bangga. "Macam tu.....banyak juga perbuatan manusia yang menyebabkan alam sekitar kita musnah ya, bang?" aku mulai faham. Beruntung juga rasanya dapat berkawan dengan Abang Mujahid. Banyak juga pengalaman dan pengetahuan yang aku dapat.

"Mari kita menyusuri sungai ni. Dah penat baca buku. Kita tenangkan fikiran pula.....," ajak Abang Mujahid.

Aku berjalan beriringan dengan Abang Mujahid. Dari jauh bau yang agak kurang menyenangkan menusuk ke hidung kami. Tentu saja ia berpunca dari kilang baja tersebut.

"Abang!" aku berhenti melangkah. Entah mengapa tiba-tiba saja aku teringat kata-kata Mak Cik Peah.

"Ha, ada apa pulak?" Abang Mujahid memandang sekeliling. "Ada apa? Hantu?" tanya sambil menjegilkan mata mengusikku.

"Tidak!" aku ketawa gelihati melihat Abang Mujahid menyeringai macam hantu pontianak mahu menghisap darah mangsa seperti yang aku pernah tonton dalam televisyen.

"Kalau tidak hantu, apa dia? Mendadak saja kau berhenti. Macam kereta kehabisan minyak.....," guraunya melucu.

"Abang kenal Mak Cik Peah bukan?"

"La.....ingat apa tadi.....," Abang Mujahid menepuk dahinya. "Siapa yang tidak kenal Mak Cik Peah? Kau ni Ariff.....buat abang suspen saja.....," Abang Mujahid menggeleng-geleng kepalanya.

"Kenapa dengan Mak Cik Peah?" tanya Abang Mujahid kemudiannya.

"Mak Cik Peah tu, kata, orang-orang kampung nak bakar kilang tu.....,"

"Dia kata macam tu?"

Aku angguk.

Abang Mujahid memaut bahu. "Jangan pedulikan cakap-cakap orang. Apa yang Ariff perlu buat sekarang ialah belajar bersungguh-sungguh. Biar apa orang nak kata. Ariff jangan peduli," nasihatnya.

Aku ingin membantah tapi mengenangkan Abang Mujahid ikhlas menasihati, aku mendinginkan diri saja.

Kami berjalan menyusuri tepi sungai itu sambil mengunyah kacang tanah rebus yang dibekalkan oleh emak petang tadi. Emak tidak membantah bila aku memberitahunya aku hendak membaca buku dengan Abang Mujahid di tepi sungai.

"Lihat!" Abang Mujahid mencuit bahu.

Aku berhenti mengunyah. Melihat arah yang ditunjukkan oleh Abang Mujahid. Apa yang menarik perhatian Abang Mujahid? Tempat penternakan ayam Pak Cik Karim, suami Mak Cik Peah itukah?

"Begitulah resam dunia. Kuman di seberang laut nampak. Gajah depan mata tak nampak!"

"Apa pula abang ni? Tiba-tiba saja berperibahasa.....," kataku agak hairan.

"Ariff nampak tempat penternakan ayam Pak Cik Karim tu? Ariff perasan tak, ada yang tak kena?" Abang Mujahid seperti mahu berteka-teki.

Aku benar-benar tertarik. Otakku ligat berfikir. Tentulah ada sesuatu yang tidak kena. Apa ya?

Aku berdiri macam patung. Pandanganku terus tertumpu pada reban-reban ayam yang dibuat daripada kayu dalam bentuk memanjang itu. Memang kegigihan Pak Cik Karim mengusahakan ayam daging di kampung kami jadi pujian ramai. Mereka mengatakan Pak Cik Karim rajin dan pandai. Pak Cik Karim seorang usahawan yang berjaya. Barangkali benar kata mereka, Pak Cik Karim seorang yang gigih dan berjaya.

Kalau tidak, masakan Pak Cik Karim sanggup mengerjakan kerja-kerja sebegitu. Seseengah orang tidak sanggup bekerja mengendalikan penternakan ayam. Maklumlah semua orang tahu. Baunya pun saja orang tidak sanggup. Belum lagi termasuk yang lain-lain.

Dua orang pekerja Pak Cik Karim kelihatan mengangkut sesuatu dalam tong besar. Mereka memikulnya di atas bahu mereka. Aku memerhati dengan penuh minat. Kedua-dua orang pekerja lelaki itu berjalan menghala ke sungai tidak jauh dari tempat kami berdiri.

"Sembunyi sedikit. Nanti mereka nampak kita.....," bisik Abang Mujahid.

Aku dan Abang Mujahid membongkokkan sedikit badan dan bersembunyi di sebalik rimbunan pokok-pokok senduduk dan tunggul-tunggul kayu yang ada di situ. Kenapa harus bersembunyi? Aku masih terkial-kial mencari jawapan. Sukar juga berkawan dengan orang yang lebih dewasa ya, fikirku. Tapi, seronok!

"Lihat. Apa yang mereka buat," bisik Abang Mujahid sambil memerhati dua orang lelaki muda itu dengan penuh minat.

Seorang dari mereka yang memakai kemeja lusuh lengan panjang menuang sesuatu dari dalam tong besar itu ke dalam sungai. Kemudian diikuti pula oleh seorang temannya yang memakai t-shirt biru berlengan pendek.

"Apa yang mereka buat?" tanyaku mula dapat menangkap maksud Abang Mujahid. "Mereka membuang sisa kotoran dalam sungai tu? Dahsyat betul.....,"

"Ariff sudah faham sekarang? Ariff agak apa yang mereka buang ke dalam sungai tu?" tanya Abang Mujahid memegang tanganku.

"Tentu saja sisa makanan ayam ke dalam sungai tu. Tak bertanggjawab betul!" aku mengetap-ngetap bibir menahan geram.

"Bukan itu saja. Mereka juga membuang najis ayam.....ke dalam sungai tu. Kalau mereka menyembelih ayam tu sekalipun.....semua bahan-bahan yang mereka tidak mahu macam perut ayam, kepala ayam dan bulu-bulu ayam tu mereka hancurkan ke dalam sungai. Dahsyatkan?" beritahu Abang Mujahid lagi.

"Dahsyatnya.....," keluhku kesal.

Kenapa mereka tergamak melakukan kerja yang tidak bertanggungjawab itu? Mereka mengambil mudah saja. Mementingkan diri tanpa mempedulikan hak orang lain. Sakit benar hatiku. Apa yang harus kulakukan? Perlukah aku melakukan sesuatu demi untuk menyelamatkan sungai yang kusayangi ini?

"Lihat.....sungai tempat mereka membuang sampah dan sisa ayam tu. Airnya busuk dan kotor. Tengok, ikan-ikan yang mati terapung-apung tu.....tengok.....,"

Aku melihat arah yang ditunjukkan oleh Abang Mujahid. Memang benar kata Abang Mujahid. Air sungai itu seolah-olah menjadi lopak air yang sungguh kotor. Permukaan sungai dipenuhi dengan sisa-sisa keratan ayam yang sudah berulat. Itu tentu belum termasuk dengan yang sudah tenggelam di dasarnya.

"Kenapa mereka ambil jalan mudah macam tu, bang?" tanyaku memandang arus sungai yang mengalir perlahan itu. Ia seolah-olah memberitahuku bahawa dia juga menderita kerana dikhianati manusia. Ia seolah-olah memberitahuku bahawa ia tidak suka diperlakukan begitu. Aku hanya memerhati dengan perasaan sedih.

Kasihannya kau sungai. Kau menjadi mangsa kekejaman manusia. Kau menjadi mangsa sikap tidak bertanggungjawab manusia. Malang nasib kau sungai!

"Mereka memang tidak patut buat macam tu. Mereka harus bertanggungjawab pada alam sekitar ni.....," ucap Abang Mujahid. Perlahan saja suaranya kudengar. Semacam dia bersungut pada dirinya sendiri. Semacam dia kesal dengan kejadian serupa itu.

"Patutlah dia beriya-ya sangat menuduh kilang tu yang punya angkara. Dia mahu menutup kesilapan dan kesalahannya tu," kata Abang Mujahid lagi.

"Iya, patutlah Mak Cik Peah bersungguh-sungguh sangat. Teruk betul dia tu!" aku turut mengutuk Mak Cik Peah. Barulah aku faham kenapa Mak Cik Peah bersungguh-sungguh benar memburukkan kilang baja di kampung kami itu. Rupa-rupanya ada udang di sebalik batu. Patutlah.

"Jadi, kilang tu tak bersalahlah iya bang?" tanyaku inginkan kepastian.

"Abang pun tak tahu nak kata. Abang tak pasti. Tapi abang rasa ada juga sisa kotoran kilang tu yang dibuang ke dalam sungai ni. Walau bagaimanapun, abang tak mahu tuduh melulu. Biar pihak berkuasa saja yang mengambil tindakan," kata Abang Mujahid sambil menarik tanganku mengajak pulang.

Semasa kami pulang dan menyusuri jalan yang sama, kulihat ramai kanak-kanak yang mandi manda di sungai tersebut. Kesal juga rasa hatiku. Kasihan mereka. Mereka tidak tahu apa-apa. Air sungai sekarang tidak lagi sebersih dan sejernih dulu.

Tentu saja badan mereka akan dicemari dan dijangkiti penyakit kulit. Aku khuatir begitu. Sebabnya sungai itu mengandungi sisa-sisa kimia dan sampah sarap. Macam bahan buangan yang dilakukan oleh keluarga Mak Cik Peah itu lagi.

Ah, apa kata kalau sambil mandi dan berenang mereka meminum air yang sudah dicemari itu? Tiba-tiba aku teringatkan Nirmala. Tentu saja penyakit yang menimpa

keluarga Nirmala ini berpunca dari air sungai ini. Kasihan Nirmala. Kasihan kanak-kanak itu.

“Hoi, apa yang kamu buat di sini?” satu suara garau menyergah kami dari belakang.

Aku menoleh ke belakang. Tarmizi, abang Saiful mencekak pinggang memandang kami dengan wajah garang. Dua tiga orang kawan-kawannya ikut memandang kami dengan wajah curiga.

Aku berundur selangkah. Hampir aku terlupa bahawa Abang Mujahid ada bersama-samaku. Tarmizi memang terkenal di kampung kami. Dia memang kaki samseng. Kecut juga perutku mengingatnya.

“Kamu mengintip kami iya?” herdiknya dengan suara garau.

“Siapa intip kamu? Intip apa pulak?” tingkah Abang Mujahid berani.

Tarmizi memandang kawan-kawannya. Mata mereka merah macam baru bangun dari tidur. Badan mereka kurus kering macam orang tidak cukup makan.

“Ini kawasan kami. Kamu tidak boleh datang ke mari tahu?” kata salah seorang kawan Tarmizi. Dia cuma memakai t-shirt putih yang sudah lusuh. Seluar jeansnya juga sudah pudar warnanya. Kasihan juga aku melihatnya.

“Kawasan kamu? Apa maksud kamu?” balas Abang Mujahid. Suara Abang Mujahid juga ikut garang.

“Kamu tidak boleh melintasi atau bermain-main di kawasan ini. Kalau kamu berdegil juga. Nahas kamu!” kata Tarmizi mengancam kami.

Aku semakin takut. Bimbang juga kalau-kalau mereka memukul kami nanti. Mana tahu kalau-kalau mereka bertindak liar. Abang Mujahid bukanlah gagah sangat. Badannya kecil sedikit berbanding dengan Tarmizi dan kawan-kawannya. Cuma badan Abang Mujahid lebih berisi dan tegap berbanding dengan mereka bertiga.

“Setahu saya sesiapa saja boleh melalui kawasan ini. Macam sungai ini. Sungai ini hak orang ramai juga. Semua orang berhak menggunakan sungai ini. Ini bukan hak

sesiapa!" kata Abang Mujahid lagi. Berani benar Abang Mujahid.

"Awak cakap banyak, iya? Awak belum kenal siapa kami!" tengking Tarmizi mula menyinga.

Aku mulai naik takut. "Kita balik, bang!" rayuku sambil memaut lengan Abang Mujahid.

Abang Mujahid masih belum berganjak.

"Siapa tak kenal awak? Awak semua kawan sekolah sayakan? Kenapa kita nak bergaduh pula? Awak tak kenal saya Tarmizi?" suara Abang Mujahid mulai mendarat.

Tarmizi mula tersengeh. Matanya yang merah bersaga itu semacam mengejek kami. Dia meludah ke tanah. "Aku tak kenal lagi kau. Aku tak bersekolah lagi sekarang. Jangan nak tunjuk baik. Pergi dari sini!" tempiknya sambil meludah sekali lagi.

"Saya tak takut amaran awak. Sesiapa pun boleh bermain di kawasan ini. Tanah di tepi sungai ini bukan hak sesiapa!" balas Abang Mujahid tidak mahu mengalah.

Kenapa Abang Mujahid beriya-iyanya benar mahu bertekak dengan kaki samseng ini?

"Kamu melawan iya? Berani iya?" Tarmizi mula naik angin. Dian mengepal-ngepal penumbuk.

"Kau jangan nak cari pasal!" sampuk seorang lagi kawan Tarmizi yang asyik mendiamkan diri dari tadi.

"Aku tidak suka bergaduh. Aku cuma mahu mempertahankan hak orang ramai," jawab Abang Mujahid. Dia tetap juga berdiri macam tunggul.

"Lari.....bang! Kita balik!" kataku bimbang. Aku masih lagi berdiri di belakang Abang Mujahid.

Apa kata kalau mereka benar-benar mahu bergaduh? Dapatkah kami berdua melawan mereka bertiga? Dapatkah?

"Salim, kau dulu!" arah Tarmizi tiba-tiba.

Budak lelaki yang bernama Salim melangkah ke depan. Abang Mujahid menghulurkan bukunya padaku.

"Aku tidak mahu bergaduh. Tapi kalau kamu berdegil juga, aku bersedia!" kata Abang Mujahid mula membuka langkah macam orang mahu bersilat.

"Hoiiii....kamu buat apa tu?????"

Entah dari mana Pak Cik Rahim, tok guru mengajiku datang sambil berlari-lari mendapatkan kami.

Tarmizi dan kawan-kawannya berlari lintang pukang. Aku ketawa gelihati. Takut juga rupanya mereka.


"Mujur Pak Cik datang!" kataku. "Mereka ajak kami bergaduh," aku mengadu.

"Jangan layan mereka sangat tu," kata Pak Cik Rahim sambil menepuk bahu Abang Mujahid.

"Sayakan anak murid silat Pak Cik!" kata Abang Mujahid.

Aku terlopong. Abang Mujahid pandai bersilat? Dia anak murid Pak Cik Rahim?

Kalau begitu, aku pun hendak belajar!



• *BAB 7*

• *Selembut
Arusmu*

Nirmala membelek-belek bunga kekwa yang digubah cantik oleh Cikgu Husna. Bunga itu diletakkan di dalam pasu bunga yang dibawa oleh Johnny. Bunga itu ku ambil di halaman rumah sebelum ke sekolah pagi tadi. Masih segar dan wangi. Cantik mata memandangi!

"Cantiklah bunga ni.....pandai Cikgu Husna.....," puji Nirmala.

"Aku yang bawa ni, kau tak puji pun," kataku pura-pura merajuk.

"Buat apa puji kau.....kau tak pandai menilai keindahan bunga," sambar Johnny mengusikku.

"Ala.....kau pun apa kurangnya.....," kataku sambil menjelirkan lidah pada Johnny.

Dia terkekeh-kekeh ketawa bila melihat aku menjelirkan lidah panjang-panjang padanya.

"Kau ni macam Bintik aku la.....," kata Johnny sambil ketawa menutup mulut. Melindungi giginya yang rongak di depan itu.

"Bintik? Siapa Bintik?" tanyaku agak hairan.

"Anjing akulah," kata Johnny sambil melarikan diri jauh sedikit dariku. Takut kalau-kalau aku marah dan mencubitnya.

"Bintik nama anjing kau? Anjing yang dulu tu, apa namanya? Scorpion mana?" sampuk Nirmala bila mendengar Johnny menyebut pasal anjingnya.

"O.....Scorpion tu Auntie Mary aku ambil. Dia suruh jaga kedai dia. Scorpion tu garang tahu?" beritahu Johnny sambil duduk semula di sebelahku.

Pada mulanya memang aku berhasrat hendak mencubit peha Johnny. Tapi dari ajuh aku melihat Cikgu Faisal dan Cikgu Husna beriringan masuk ke dalam bilik kelas yang kami buka menjadi dewan ceramah. Bilik itu terdiri dari tiga bilik kelas. Apabila dibuka menjaga dewan, ia kelihatan sungguh besar.

"Cantiklah bunga gubahan cikgu ni.....!!" puji Nirmala bila Cikgu Husna menghampiri kami.

Cikgu Husna tersenyum sambil mengerling Cikgu Faisal di sebelahnya. "Biasalah tu.....orang perempuan mestilah pandai menggubah.....,"

"Ha.....dengar tu Nirmala.....orang perempuan mestilah pandai menggubah kalau tidak.....," Johnny yang menyampuk kata-kata Cikgu Husna berhenti di situ. Dia menggaru-garu kepalanya sambil menyeringai menampakkan giginya yang ronggak itu.

"Ha,.....kalau tidak apa Johnny?" tanya Cikgu Faisal sambil menepuk bahu Johnny.

"Kalau tidak tak ada orang mahu.....!" kata Johnny sambil mengangkat kedua-dua belah bahunya.

"Hai, tak bolehlah macam tu. Menggubah saja tak cukup. Belajar pun mesti pandai. Kena bersaing dengan lelaki," kata Cikgu Husna sambil menarik kerusi dan duduk di sebelah Nirmala.

"Iya, betul kata cikgu tu. Lelaki perempuan sekarang sama sajakan?" ujar Nirmala pula.

Jasmin yang ditugaskan mengiringi penceramah datang belum kelihatan. Barangkali dia sibuk menolong Cikgu Silva di perpustakaan untuk menyediakan cenderahati untuk para penceramah yang dijemput khas untuk memberi ceramah mengenai alam sekitar nanti.

Minggu Alam Sekitar berjalan lancar, para penceramah datang tepat pada masa yang dijanjikan. Para pelajar kelihatan bersemangat benar mengikuti slot ceramah yang diadakan.

Kadang-kadang terasa juga betapa beratnya hatiku untuk meninggalkan Sekolah Kebangsaan Sri Intan ini. Berat rasanya untuk berpisah dengan kawan-kawan. Berat rasa hati untuk meninggalkan segala kenangan manis selama aku di sini.

Tidak sanggup rasanya berpisah dengan Cikgu Faisal, Cikgu Husna dan lain-lain. Namun hakikat itu terpaksa kuterima juga. Di sekolah menengah nanti, aku akan dapat guru-guru dan kawan-kawan yang baru pula. Aku tidak dapat bayangkan bagaimana sikap dan rupa mereka.

Semoga mereka juga baik dan mesra macam Cikgu Faisal dan Cikgu Husna. Moga-moga begitu. Bisik hati kecilku.

“Jasmin dah datang.....bersedialah tuan pengerusi.....,” bisik Nirmala.

Aku yang dilantik sebagai pengerusi bergilir-gilir dengan Nirmala dan Johnny mula bersiap sedia. Penceramah yang ketiga Encik Borhan bin Maliki, pegawai dari Jabatan Alam Sekitar sudah datang diiringi oleh Jasmin, Cikgu Saidin dan Cikgu Selva.

Selepas mengucapkan kata-kata aluan dan mempersilakan Encik Borhan menyampaikan ceramahnya, aku duduk di sebelah Nirmala, di belakang Cikgu Husna.

Selesai memperkenalkan diri dan mengucapkan selamat sejahtera kepada kami semua Encik Borhan mula memberi ceramah pada kami semua.

“.....Ceramah saya kali ini bertajuk Pencemaran Sungai dan Laut. Air sungai dan tasik yang bersih merupakan sumber air yang penting kepada manusia dan hidupan lain.

Air itu diminum dan digunakan untuk mengairi tanaman. Selain daripada itu ia juga penting untuk hidupan seperti haiwan dan tumbuhan.

Industri di sekitar tebing sungai menggunakan air tersebut untuk kegiatan industri mereka. Seseengah industri membuang sisa yang berbentuk cecair ke dalam sungai.

Kadang kala sisa itu beracun. Bahan kimia seperti dioksin mungkin berasal dari pembuangan industri. Selain daripada itu seseengah tempat, sungai dijadikan tempat pembuangan najis.

Walaupun najis biasanya terurai secara semulajadi, tetapi kuantiti najis yang besar boleh mengakibatkan kematian hidupan air tawar dan menyebabkan berbagai-bagai jenis penyakit.

Sungai juga boleh dicemari dengan baja atau pestisid yang digunakan oleh petani untuk membunuh serangga perosak. Oleh kerana bukan kesemua bahan kimia itu dapat

diserap oleh tanaman, bahan kimia yang berlebihan itu dikelaskan sebagai sisa dan dialirkan keluar dari ladang ke sungai oleh air hujan.....”

Aku mencatat beberapa isi penting yang dikemukakan oleh Encik Borhan tadi. Pelajar-pelajar lain juga ada yang ikut mencatat. Tidak kurang pula yang ikut bercakap perlahan-lahan di belakang.

“Saya pergi meronda di belakang iya, cikgu. Ada pelajar-pelajar yang bercakap-cakap,” kataku berbisik pada Cikgu Husna.

“Iya. Nasihati mereka dengan baik. Tegur dengan lembut dan perlahan. Jangan sampai mengganggu majlis,” nasihat Cikgu Husna.

“Baik, cikgu,” kataku dan mula berjalan perlahan-lahan melalui barisan pelajar-pelajar itu.

Jasmin dan Johnny kelihatan mengangkat jari telunjuk ke bibirnya memberi isyarat kepada pelajar-pelajar tahun empat supaya jangan bercakap. Mereka barangkali berasa rimas dan tidak selesa berada dalam keadaan begitu.

“Diam ya dik.....dengar baik-baik ceramah itu.....sabarlah. Ia penting untuk kita.....,” nasihatku pada kumpulan pelajar tahun empat yang mula gelisah itu.

“Kami nak dengar. Tapi kami merasa rimas.....panas.....tengok, kipas tu rosak.....,” kata salah seorang dari mereka.

Mukanya agak merah. Dia mengipas-ngipas mukanya dengan buku tulis. Kasihan aku melihatnya. Mereka nampaknya tetap bersabar walau keadaan agak kurang selesa.

Aku mendongak memandang kipas yang tidak lagi berpusing itu. Macam mana ia rosak? Setahuiku kipas dalam bilik kelas tidak ada yang rosak.

Barangkali tentu ada pelajar yang nakal bermain-main dengan suis kipas itu. Entahlah aku sendiri pun tidak pasti. Barangkali cikgu lain tidak tahu, kalau tidak, tentu saja kipas itu akan dibaiki dengan segera.



Sewaktu aku berjalan melalui lorong-lorong kecil yang renggangkan sedikit memisahkan pelajar-pelajar lelaki dan perempuan itu aku terpancang Saiful. Dia merenung tajam ke arahku seolah-olah aku masih ada hutang yang belum dijelaskan. Dia mahu memusuhi aku lagikah?

Demi menjaga keharmonian dan tidak mahu merosakkan majlis yang berjalan lancar itu aku pura-pura tidak memandang ke arahnya. Bagaimana kalau tiba-tiba saja Saiful mencari pasal? Tentu saja aku yang malu. Seorang pengawas tidak dapat mengawal keadaan. Semua guru tentu tidak akan mempercayai aku lagi. Tentulah aku tidak mahu itu.

Aku pergi semula ke barisan hadapan. Sebentar lagi Encik Borhan akan menamatkan ceramahnya. Rugi kalau aku tidak dapat mengikuti dengan baik.

".....Laut mengalami pencemaran daripada banyak sumber. Kapal membuang najis dan sisa terus ke dalam laut. Ramai di antara kita yang tidak menyedari kesan-kesan pencemaran lautan. Bahan-bahan seperti minyak, plastik, najis, bahan kimia industri, pestisid dan juga bahan radioaktif membahayakan hidupan di laut.

Jika kita terus membuang sisa yang tidak terkawal, kita sebenarnya sedang menanggung risiko meracuni salah satu sumber bumi yang paling bernilai.

Sekiranya kita menggunakan laut dengan sewajarnya, laut akan terus membekalkan makanan pada masa hadapan. Tetapi dengan mencemarkan laut, kita memusnahkan hidupan dan meracuni atau mengancam bekalan makanan kita sendiri....."

Ceramah itu diakhiri dengan tepukan gemuruh oleh para pelajar. Sekurang-kurangnya mereka telah didedahkan tentang pentingnya menjaga keindahan alam sekitar. Seperti aku, mereka juga dapat pengetahuan baru. Mereka tentu akan lebih menghargai sungai. Mereka tentu akan dapat menyayangi laut. Seperti aku.

Seperti arwah ayahku. Seperti Abang Mujahid. Kalaulah ayahku ada, pastilah dia berbangga dengan

segalanya ini. Pasti kau akan berbangga ayah. Pasti kau akan berbangga!

"Cikgu, peraduan melukis poster nampaknya mendapat sambutan juga cikgu. Budak-budak tahun satu pun ada yang menghantarnya," kataku sewaktu bilik pameran poster mengenai pencemaran alam sekitar mula dibuka untuk tontonan pelajar-pelajar.

"Betul. Lebih kurang lima puluh penyertaan kita terima. Semua poster-poster itu cantik-cantik belaka. Susah cikgu-cikgu nak pilih mana satu yang terbaik," kata Cikgu Faisal agak bangga.

Poster-poster yang dibuat pada kertas lukisan putih itu ditampal pada dinding. Bermacam-macam lukisan yang dipamerkan. Ada lukisan yang menggambarkan sebatang sungai yang menangis kerana dicemari oleh sampah sarap. Ada juga lukisan yang bertemakan hutan yang telah gondol kerana manusia menebang pokok-pokoknya sesuka hati.

Lukisan itu membuatkan aku teringat Abang Mujahid. Ingin rasanya aku ikut sama dengan Abang Mujahid pergi ke hutan. Ingin rasanya aku berkenalan dengan Pak Cik Deraman, bapa saudara Abang Mujahid itu. Namun aku dapat berasakan bahawa emak tentu saja tidak membenarkan aku ke sana.

Pergi ke hutan? Ah, barangkali terlalu mustahil. Masakan emak membenarkan aku pergi. Dulu aku pernah memberitahu emak untuk mengikuti Abang Mujahid ke laut. Bukan main marah lagi emak. Katanya aku masih kecil. Masih terlalu mentah untuk bermain gelombang. Ah, bilakah aku akan dewasa agaknya?

Dewasa macam Abang Mujahid. Gagah dan tangkas macam arwah ayah. Ingin sekali aku menjadi seorang yang gagah dan berani. Tidak gentar apa jua rintangan. Sekali lagi aku teringat Abang Mujahid.

Aku tidak menyangka Abang Mujahid pandai bersilat. Memang ramai orang belajar silat dengan Pak Haji Rahim. Mengenangkan Pak Haji Rahim, kadang-kadang aku tersenyum sendiri.

"Jangan panggil Pak Cik Rahim, panggil Pak Haji," kata emak sewaktu aku membahaskan Pak Haji Rahim dengan Pak Cik saja.

"Apa salahnya kalau kita hormatkan orang tua. Berat sangatkah mulut kamu menyebut Pak Haji pada Pak Haji Rahim?"

"Tak. Sekali sekala.....,"

"Tak bolehlah macam tu. Dia guru kamu mengajar Qur'an. Lagipun dia sudah naik haji. Amalan tu sudah turun menuřun kita amalkan. Tentu tidak salahkan?"

"Nanti kalau emak naik haji, orang akan panggil emak Hajjah Hajarlah iya!"

Emak ketawa mendengar kata-kataku. Kemudian wajah emak kelihatan muram. Aku tidak dapat mengagak apa yang emak fikirkan. Mungkinkah emak terkenangkan ayah waktu itu?

"Jauhnya kau mengelamun, sampai nak tembus poster tu!" tiba-tiba Jasmin menyergah aku dari belakang.

Nirmala yang sentiasa bergandingan dengan Jasmin ikut tersenyum.

"Kau khayal ya? Apa yang kau khayalkan?" tanya Nirmala ingin tahu.

"Banyak," kataku dan teringatkan keinginanku untuk ikut berburu bersama-sama Abang Mujahid dan Pak Cik Deraman di hutan.

"Apa dia? Cakaplah.....sampai termenung tak bergerak-gerak!" tambah Jasmin pula.

"Mana Johnny?" tanyaku kemudian. Tidak seronok rasanya berbincang pasal berburu di hutan tanpa Johnny. Bercakap mengenai berburu tentu saja tidak menarik dengan budak perempuan, fikiran. Budak perempuan memang manja. Aku teringatkan adikku Munirah. Dia memang suka menangis berbanding dengan Fikri saudara kembarnya.

"Johnny ikut Cikgu Husna membawa risalah pencemaran alam sekitar ke perpustakaan," kata Nirmala sambil menghembus hidungnya dengan kertas tisu.



"Aku masih selsema. Masih kurang sihat benar," katanya sambil menghembus hidungnya sekali lagi.

"Kau dah makan ubatkan?" tanyaku agak simpati.

"Dah!" jawab Nirmala sepatah. Hidungnya kelihatan memerah.

"Ha.....cakaplah.....mesti ada yang best ni.....kau ni kalau khayal, mesti yang adventure punya, iya tak?" teka Jasmin beria-ria ingin mengetahui apa yang aku angankan tadi.

"Kau tak boleh ikut khayalan dan angan-angan aku Jas. Anak manja!" kataku separuh mengejek.

"Apa? Kau perli aku iya? Jahat kau!" Jasmin mula mengangkat tangan pura-pura hendak memukul. Mukanya merah padam menahan malu.

"Ariff gurau saja tu. Jas, kau mesti sahut cabaran dia," Nirmala mula menenangkan keadaan. Barangkali dia tahu, kalau tidak dipujuk pasti saja si anak manja itu akan merajuk panjang.

"Kau ni buat kita orang suspen sajalah!" mulut Jasmin memuncung. Mata bulatnya membesar memandang ke arahku. Marah benar dia dikatakan anak manja.

"Aku nak ajak kau orang pergi memburu di dalam hutan, nak tak?" tanyaku pura-pura serius.

Jasmin dan Nirmala berpandangan. Seolah-olah tidak mempercayai apa yang aku katakan.

"Memburu?" tanya Nirmala akhirnya. "Kau serius ke Ariff?"

"Tentu!"

"Buat apa?"

"Berburulah buat apa lagi,"

"Kau nak khianati binatang-binatang tu, iya?"

"Siapa kata?"

Nirmala terdiam. Dia mengerling ke arah Jasmin yang mendiamkan diri saja itu. Tentu saja Jasmin masih marah bila aku menyebutnya anak manja. Memang Jasmin pantang benar kalau orang menggelarnya begitu. Macam saja mukanya.

“Saja aku acah kau orang. Aku nak ikut Abang Mujahid pergi tembak burung di pinggir hutan,” kataku memberitahu mereka akhirnya.

“Abang Mujahid? Siapa Abang Mujahid tu?” tanya Jasmin mengerutkan dahi.

“Aik, dah bercakap, ingat bisu tadi!” usikku ketawa gelihati.

“Cakaplah! Main-main lagi.....kita orang seriuslah ni.....siapa Abang Mujahid tu? Tak pernah dengar pun !” gesa Jasmin lagi.

“Jiran aku. Dia lebih tua daripada kita. Kawan Kak Arfah?” jelasku.

“Wah, kenapa tak perkenalkan kepada kami? Sembunyi kawan iya? Kedekut!” marah Jasmin mengherotkan bibirnya ke kiri.

“Kalau orang nak berkenalan bolehlah. Nanti aku perkenalkan. Dia baik orang. Nanti kita beritahu Johnny,” cadangku agak gembira. Pasti Abang Mujahid gembira dengan perkenalan itu nanti. Sekurang-kurangnya dapatlah Abang Mujahid menambahkan bilangan kawan. Abang Mujahid memang ramai kenalan. Aku tahu itu.

“Tentu dia peramah orangnyakan?” teka Nirmala.

“Tentu. Dia juga pandai bersilat,” kataku.

“Iyakah?” tanya Nirmala dan Jasmin hampir serentak.

“Nanti kalau kau nak belajar bersilat. Bolehlah aku aturkan,” jelasku dengan rasa bangga.

Mata mereka bersinar-sinar kegembiraan. Nirmala bertepuk tangan. Nirmala memang gemar acara lasak begitu. Kalau Pak Haji Rahim tidak keberatan mengajar kami, tentu saja aku akan mengajak mereka belajar hari ini juga. Bersilat memang kegemaranku sejak dulu lagi.

“Mana Johnny ni? Kalau dia tahu, tentu dia seronok!” kataku ingatkan Johnny.

“Agaknya dia dah masuk kelas. jom.....sekarang dah masa Cikgu Husna. Nanti marah pula dia,” Nirmala sambil menarik tangan Jasmin.

Johnny tiba-tiba datang berlari termengah-mengah mendapatkan kami di bilik pameran.

"Di sini pun kau. Merata-rata aku cari kau," katanya sambil menarik nafas.

"Cikgu Husna panggil kami?" tanyaku.

"Cikgu Faisal panggil kau,"

"Ada apa? Sekarangkan masa Cikgu Husna?"

"Ada hal penting katanya. Dia di perpustakaan sekarang."

"Di perpustakaan?"

Aku berasa tidak sedap hati. Adakah aku telah melakukan kesalahan?

"Pergilah cepat. Aku pun tidak tahu pasal apa. Hati-hati sikit. Aku nampak Saiful bercakap dengan Cikgu Faisal tadi," beritahu Johnny.

"Jangan-jangan dia adu pada Cikgu Faisal tak," sampuk Jasmin.

"Adu pasal apa?" aku memandang Jasmin dengan rasa hairan.

"Pasal kau bergaduh dengannya hari tu," celah Nirmala pula.

"Kan dah selesai?"

"Sudahlah. Pergi dulu. Kami nak masuk kelas ni. Hati-hati ya Ariff," Johnny menepuk belakangku.

Aku melangkah ke perpustakaan dengan rasa gusar sedikit. Apa lagi salahku? Aku melangkah lambat-lambat. Cikgu Faisal memang guru disiplin sekolah kami. Dia memang tegas. Namun kami semua cukup menghormatinya. Walau apapun, Cikgu Faisal hanya menjalankan tugasnya. Seorang guru, tentu saja berbuat sesuatu untuk kebaikan anak muridnya.

Begitu emak selalu menasihatkan aku. Begitu emak selalu ingatkan aku.

Pintu bilik perpustakaan ku ketuk dengan degupan jantung yang semakin kencang.

"Masuk,"



Suara Cikgu Faisal yang cukup tegas dapat kudengar dengan jelas. Perlahan-lahan aku mengorak langkah masuk ke dalam.

"Assalamualaikum, cikgu," ucapku memberi salam. Tidak ada sesiapa di perpustakaan itu kecuali Cikgu Faisal.

"Cikgu panggil saya?" tanyaku dengan sopan. wajah Cikgu Faisal yang kelihatan tegang cukup membayangkan akan isi hatinya. Dia memang sedang marah sekarang. Apa salahku agaknya?

"Duduk," kata Cikgu Faisal tanpa memandang ke arahku.

Aku duduk sebagaimana diarahkan. Putaran kipas di siling jelas kedengaran. Barangkali degupan jantungku pun dapat didengar dengan jelas juga. Ah, mustahil. Hanya aku yang dapat rasakan itu. Cikgu Faisal tentu saja tidak mendengarnya. Tahukah dia bahawa aku sebenarnya tidak tahu apa salahku?

Cakaplah cikgu, cakaplah!

Cikgu Faisal mengetuk-ngetuk hujung pensil pada meja pada meja perpustakaan yang berwarna putih itu. Dia akhirnya mengangkat muka dan merenung tepat pada anak mataku.

"Tengok ni," kata Cikgu Faisal sambil menghulurkan sekeping kertas putih yang agak renyuk dan telah kotor padaku.

Kertas yang hampir koyak itu segera kuambil. Aku menelitinya dengan perasaan yang berbaur. Hairan, bingung dan tidak mengerti.

"Apa ni, cikgu? Kertas siapa ni?" tanyaku ikut merenung anak mata Cikgu Faisal. Dia tidak lagi memandangkanku. Matanya mengitari sekeliling.

"Awak tidak menerima kertas ini?"

Aku cuma menggeleng saja.

"Bukankah awak yang ditugaskan menerima setiap penyertaan dari pelajar-pelajar untuk pertandingan melukis poster?"

Aku cuma mengangguk macam orang bodoh.



"Awak tahu tak, ini poster yang dilukiskan oleh Saiful. Dia menghantarnya pada awak. Tapi awak rosakkan dan membuangnya dalam bakul sampah. Awak tidak mahu dia menang. Awak tidak sukakan dia bukan?"

"Saya tidak tahu menahu, cikgu,"

Ada sesuatu yang terasa terseng★ang di kerongkongku. Aku tidak tahu apa yang dimaksudkan oleh Cikgu Faisal.

"Awak ada menerima poster dari Saiful atau tidak?" tanya Cikgu Faisal dengan nada yang keras.

"Saya rasa saya tidak menerimanya, cikgu. Saya ada menanda setiap penyertaan yang saya terima. Saya rasa nama Saiful tidak ada tercatat. Tidak tahulah kalau dia memberinya pada orang lain," kataku membela diri.

Cikgu Faisal menangguk-ngangguk. "Baik, saya tidak pasti siapa yang betul di antara kamu berdua. Saya akan menyiasat perkara ini. Saya tidak mahu ada permusuhan antara kamu berdua. Awak seorang pengawas, seorang setiausaha persatuan, awak aktif di sekolah ini. Saya tidak mahu awak menjadi bongkak dan menganiaya orang lain, faham? Awak tidak boleh menggunakan kesempatan ini untuk bertindak tidak adil pada orang lain, faham tu?"

Aku mengangguk tanda faham. Lidahku menjadi kelu. Kenapa Cikgu Faisal tidak mempercayaku? Kenapa harus Cikgu Faisal mencurigaiku? Kenapa sampai begitu sekali?

"Baiklah, Ariff. Awak boleh keluar sekarang," suara Cikgu Faisal agak mendatar semula.

Aku tidak berani menentang matanya. "Terima kasih, cikgu," ucapnya perlahan.

Pintu perpustakaan bercat biru tua itu kutolak perlahan-lahan. Hatiku mendongkol. Bingung dan tidak mengerti. Saiful. Iya, Saiful. Kenapa dia tergamak melakukan itu? Kenapa dia tergamak membohongi Cikgu Faisal? Kenapa dia tiba-tiba saja memusuhi? Kenapa agaknya? Bingung aku dibuatnya.



Sewaktu aku melintasi block B untuk ke kelasku, kulihat Saiful dan juga Zulkaflī ada di situ. Dia menyandar di papan kenyataan yang terdapat pada block B.

“Kena marah?” perli Zulkaflī.

Saiful ketawa menggelekek. Badannya yang gemuk itu terhentut-hentut menahan ketawa.

Aku mengetap bibir. Menahan geram. Biarlah, bukan masanya untuk aku berhadapan dengannya sekarang. Aku perlu masuk ke kelas sekarang. Cikgu Husna tentu saja sudah lama mengajar. Rugilah kalau aku tidak dapat mengikutinya. Bahasa Melayu memang salah satu pelajaran yang aku minati.

Aku melangkah masuk. Cikgu Husna asyik menulis sesuatu di papan hitam.

“Assalamualaikum cikgu. Maaf, saya terlewat,” kataku merenung wajah Cikgu Husna yang lembut itu.

“Tak apalah. Saya maafkan kamu. Masuk dan buat kerja.” katanya perlahan. Lembut saja nada suaranya.

Aku berasa lega sedikit. Perlahan-lahan aku menuju ke mejaku. Buku latihan Bahasa Melayu segera kutarik dari dalam beg. Aku cuma tunduk. Johnny yang duduk di sebelahku banyak memerhati dengan ekor matanya. Aku tahu Johnny sedang memerhatikan aku.


Tentu Johnny tahu apa yang berlaku padaku sebentar tadi. Dia sengaja tidak memberitahu terlebih dahulu. Sebab itu dia menyuruh aku berhati-hati tadi. Nirmala yang duduk di hujung kelas dekat pintu belakang juga memandang ke arahku dengan muka simpati. Barangkali dia juga tahu apa yang sebenarnya terjadi. Mungkin Johnny memberitahu mereka tadi.

“Salinlah ayat di papan hitam ni, Ariff. Jangan termenung,”

Suara Cikgu Husna mengejutkan aku dari lamunan. Aku termenung? Cepat-cepat aku membuka buku. Mendongak dan memandang tepat ke papan hitam. Butir-butir dan tulisan Cikgu Husna nampak macam semut berderetan di atas meja makan di dapurku.

Aku tidak nampak dengan jelas tulisan di papan hitam itu. Kaburkah pandangan mataku?
"Ambil salin ni.....," Jasmin yang duduk di sebelahku menghulurkan buku tulisnya padaku.





BAB 8

*Selembut
Arusmu*

Emak mengutip kangkung dari paya belakang rumahku. Iwan dan Munirah berebut-rebut menarik kangkung itu. Masing-masing mengisinya ke dalam bakul besar. Fikri masih terkial-kial di belakang Munirah sambil menggaru-garu betisnya yang digigit nyamuk.

"Naik ke atas rumah. Hari dah petang ni.....nyamuk banyak," becok mulut mak menyuruh adik-adikku naik ke atas rumah.

"Ariff.....sapulah sampah tu cepat. Bila bakar nanti kuranglah nyamuk tu.....," laung emak kepadaku yang masih mencangkung di atas tangga dapur.

"Tutup pintu dalam rumah tu dulu,"

Sekali lagi kedengaran emak memerintah. Aku melangkah malas masuk semula ke dalam rumah. Aku menurut saja apa yang disuruh emak. Semua pintu-pintu dalam rumah tertutup. Kemudian aku turun semula ke tanah untuk menyapu sampah di belakang rumah.

Iwan mengusung bakul besar yang berisi kangkung itu dan membawanya naik ke atas rumah. Fikri mengikuti dari belakang sambil membawa secekek serai dan beberapa biji lada merah di tangannya.

"Nak buat apa mak kangkung ni? Banyak betul," kata Kak Arfah sambil mencangkung di atas beranda dapur.

"Mak nak celur, nak cecah budu," kata Iwan sambil membuka paip. Kak Arfah menolongnya membasuh kangkung-kangkung yang banyak itu. Emak sibuk memetik lada merah dan cili api yang sudah masak.

"Kita goreng sayur ni. Best juga," kata Kak Arfah.

"Mak sengaja ambil banyak. Mak nak beri pada jiran-jiran," beritahu emak sambil meletakkan serai-serai yang diambilnya dari kebun kecil kami di belakang rumah ke dalam bakul.

"Macam nak kenduri saja, mak ni," kata Kak Arfah sambil ketawa.



"Berbudi pada tanah, inilah hasilnya. Kalau kita khi-anati tanah lain pula jadinya," kata emak. Aku mula menyalakan sampah sarap yang baru kusapu. Sekejap saja api itu membakar sampah sarap yang terdiri dari kayu-kayu kering dan daun-daun kering itu.

"Kenapa diam saja, Ariff? Macam tak sihat saja," tegur emak sambil menuang sampah-sampah dari bakul sampah yang diambil dari atas rumah.

"Biasa sajalah, mak. Kalau becok mak kata becok," jawabku bersahaja. Aku memerhati pucuk api yang menjulang itu.

"Jangan dekat sangat dengan api tu, nanti kalau ada kaca meletup pula tu," nasihat emak sambil menguis-nguis tanah dengan ranting kayu.

"Emak buat apa tu?" tanya Kak Arfah dari atas rumah.

"Emak cari duit ya?" tanya Munirah yang baru selesai mandi dan sudah memakai baju tidur yang dijahitkan oleh emak.

"Emak ketawa mendengar kata-kata Munirah. Emak takut ada kaca atas tanah ni. Ariff tu kalau asyik berkhayal nanti terpijak apa pun tak sedar," ujar emak mengerlingku.

"Aku cuma tersenyum mendengar kata-kata emak. Dapat aku rasakan betapa luhurnya hati emak. Setiap inci gerak geri anak-anaknya diambil berat oleh emak. Tentu saja emak tidak mahu sesuatu yang buruk menimpa anak-anaknya.

Malam itu, kami sekeluarga duduk menghadap meja. Bau nasi yang masak begitu harum. Ikan jelawat panggang dibubuh di tengah-tengah meja. Ikan jelawat itu diberikan oleh Abang Mujahid siang tadi. Aku tidak tahu dari mana Abang Mujahid mendapat ikan itu.

"Sedap kangkung celur ni cich dengan budu. Abang tidak suka?" tanya Iwan kepadaku.

"Suka," jawabku sepatah.

"Sedikit saja kau makan malam ni. Tak ada selera?" tanya Kak Arfah sambil berhenti menyuap. Dia mencubit



ikan jelawat panggang dan membubuhnya ke dalam pingganku. "Selalunya Ariff hantu ikan jelawat ni. Nah, ambil kangkung goreng pedas ni. Tidak ramai orang yang tahu sayur kangkung ni dapat mengubat penyakit buasir. Ia mengandungi sejenis asid yang boleh merangsang ke atas saraf manusia,"

Aku cuma mengangguk mendengar kata-kata Kak Arfah yang berupa pengetahuan baru bagiku itu. Seleraku memang tidak ada. Peristiwa siang tadi begitu mengganggu fikiranku. Emak tidak tahu. Kak Arfah tidak tahu.

"Saya suka kangkung ni. Sedap!" kata Munirah sambil menyuap kangkung goreng ke dalam mulutnya. Munirah memang suka makan berbanding dengan Fikri, saudara kembarnya. Fikri sudah lama menghilang di dalam biliknya. Barangkali sudah tertidur kerana terlalu letih bermain siang tadi. Mujur emak sudah memaksanya makan tadi.

"Kangkung mengandungi air, karbohidrat, protein dan vitamin C," kata Kak Arfah lagi.

"Saya sudah kenyang," kata Iwan sambil mengangkat pingganannya dan dibawa ke sinki.

Munirah juga ikut membawa pinggan dan meletaknya di atas sinki seperti yang selalu diajar oleh emak. Selepas membasuh mulut mereka berebut-rebut ke ruang tamu untuk menonton televisyen.

"Tutup televisyen tu. Semua orang kena membaca buku," kata Kak Arfah sambil mengemas pinggan mangkuk.

Aku membawa diri ke anjung. Sebentar lagi emak akan pulang dari surau. Aku bertekad untuk menceritakan masalah aku pada emak.

"Tak baca buku, Riff?" Kak Arfah menghampiriku dan duduk di sebelahku.

"Saya nak buat latihan matematik, kakak ajar iya?" kataku sambil menarik buku matematik dari atas meja.

Kak Arfah terbatuk-batuk kecil. Kemudian dia bersin beberapa kali. Kak Arfah demam lagi?

Aku merenung muka Kak Arfah. Mata dan hidungnya memerah.

"Kakak tak sihat. Tak apalah esok sajalah kakak ajar Ariff," kataku simpati.

Kak Arfah mengangguk. Dia terus saja masuk ke dalam bilik dan menutup lampu. Kasihan Kak Arfah. Tentu saja dia tak dapat menelaah pelajaran malam ini. Dapatkah Kak Arfah bekerja esok?

Emak pulang tidak lama selepas itu. Emak segera ke bilik Kak Arfah bila aku memberitahunya Kak Arfah demam.

"Esok ambil cuti saja. Tak payah pergi kerja. Kau tak sihat ni," kata emak.

"Tapi kerja sekarang makin banyak mak," jawab Kak Arfah agak serak.

"Banyak atau tidak, kamu tidak sihat. Mana boleh pergi. Berehat sajalah. Nanti mak beritahu Suriana anak Usu Limah tu. Ambil cuti," tegas saja suara emak kedengarannya.

Kak Arfah tidak berkata apa-apa lagi. Barangkali benar juga kata emak. Kalau badan kurang sihat. Macam mana hendak bekerja? Kalau fikiran tidak tenang macam mana hendak belajar?

Aku teringatkan diriku sendiri. Fikiranku buntu dan bercelaru. Dapatkah aku menumpukan sepenuh perhatianku pada pelajaran nanti?

"Mak," aku duduk di sisi emak yang sedang melipat pakaian yang bertimbun.

"Ha, ada apa?" emak mengangkat muka dan memandangkanku.

"Saya nak bercakap sedikit dengan mak," kataku tanpa teragak-agak. Aku harus berkongsi masalah ini dengan mak. Mesti.

Emak tenang saja mendengar ceritaku. Tidak ada sebarang kerutan pada wajahnya. Apa juga emak tidak mempercayai aku lagi?

"Apa yang penting Ariff jujur pada diri sendiri," kata

emak tenang. Emak terus melipat kain itu satu persatu.

“Ariff tak bohong mak,” kataku.

“Kalau Ariff tak bohong, kalau Ariff jujur pada diri sendiri, Ariff mesti berani. Berani kerana benar. Esok pagi-pagi lagi Ariff pergi berjumpa Cikgu Faisal. Berterus terang saja. Tunjukkan bukti bahawa Ariff berada-di-pihak yang benar, faham?”

Aku mengangguk mendengar nasihat emak yang panjang lebar itu. Lega sedikit perasaanku. Esok, kalau ada masa terluang aku mesti menemui Cikgu Faisal. Berani kerana benar kata emak. Jadi aku mesti berani. Kenapa harus takut kalau aku tidak bersalah?

Pelajaran pertama hari itu ialah Bahasa Inggeris. Cikgu Selva tidak datang hari ini kerana bermesyuarat di Pejabat Pendidikan Daerah di Kuala Terengganu.

“Kau nak ke mana?” tanya Nirmala sebaik saja aku melintasi mejanya.

Aku memandang Nirmala. Perlukah aku memberitahu Nirmala? Ah, Nirmala perlu tahu. Selain sahabatku, dia juga penolong setiausaha persatuan. Sekurang-kurangnya Nirmala juga dapat menafikan bahawa dia tidak ada menerima sebarang penyertaan dari Saiful.

“Kau mahu ikut?” tanyaku perlahan.

“Ke mana?” tanya Nirmala balik.

“Jumpa Cikgu Faisal,”

“Pasal kelmarin?”

Aku angguk.

Kami berdua berjalan beriringan menuju ke bilik guru. Nirmala mengetip fail yang diberikan oleh Cikgu Husna. Fail yang mengandungi senarai nama pelajar yang menyertai peraduan melukis poster anjuran Persatuan Pencinta Alam sekolah kami.

Kami mengetuk pintu bilik guru dengan perlahan. Debaran di dadaku kian kencang. Adakah Cikgu Faisal?

Atau masuk ke kelas lain?

"Cari siapa?" tanya Ustazah Maimunah tatkala melihat aku dan Nirmala memerhati sekeliling.

"Ha.....itu pun Cikgu Faisal baru masuk.....," kata Ustazah Maimunah dengan mulut memuncung menuding ke arah Cikgu Faisal.

Darahku berderau bila melihat Saiful mengikuti Cikgu Faisal dengan senyum bangga. Dia mengelek beberapa buah buku latihan. Aku percaya tentu saja dia menolong membawa buku latihan itu dari kereta Cikgu Faisal.

"Letak buku itu di atas meja cikgu," kata Cikgu Faisal.

"Baik, cikgu," jawab Saiful sambil mengerling ke arahku.

"Terima kasih,"

"Sama-sama,"

Sewaktu melintas di depanku, Saiful merenungku dengan pandangan tajam. Dia tersenyum sinis dan segera berlalu tanpa sepeatah kata pun.

"Marilah kita jumpa Cikgu Faisal," ajak Nirmala.

Aku menurut saja. Cikgu Faisal sedang duduk dan mengemas mejanya. Aku dan Nirmala berdiri dekat meja Cikgu Faisal dengan rasa serba salah.

"Ha.....ada apa? Tak masuk kelas?" tanya Cikgu Faisal tanpa memandang ke arahku.

Aku cukup tersinggung dengan sikap Cikgu Faisal. Dia seolah-olah membenciku.

"Cikgu Selva tak ada. Jadi saya datang nak berjumpa dengan cikgu," kataku sambil tunduk.

"Ada hal mustahak? Hal apa tu?"

"Hal kelmarin,"

"Kalau mustahak sangat, cakaplah. Saya banyak kerja ni,"

Cikgu Faisal semacam acuh tidak acuh bercakap denganku. Aku menjeling Nirmala yang berdiri di sebelahku.

"Pasal Saiful, cikgu," sampuk Nirmala agak serius.

“Pasal Saiful lagi? Ha, cakaplah!” kali ini Cikgu Faisal mengangkat mukanya dan bergilir memandangi aku dan Nirmala.

“Cikgu, ini senarai nama pelajar-pelajar yang menghantar poster mereka pada saya, cikgu,” kataku sambil menghulur fail itu kepada Cikgu Faisal.

Cikgu Faisal menyambutnya dan meneliti satu persatu. “Ini! Bukan nama Saiful ni? Cuba tengok betul-betul!”

Aku terkejut sungguh. Nirmala menarik fail dari tangan Cikgu Faisal. Aku turut menyemaknya. Peserta yang ke dua puluh tujuh, Saiful bin Karim.

Aku dan Nirmala berpandangan. Pelik, pelik betul. Seingatku aku tidak pernah menerima sebarang penyertaan dari Saiful. Aku pasti betul-betul. Macam mana pulak nama Saiful boleh tercatat dalam failku tanpaku sedari?

“Tapi, saya tidak menerimanya sendiri, cikgu. Saya ingat betul-betul. Saiful tidak pernah pun jumpa saya,” kataku bersungguh-sungguh.

“Habis, macam mana namanya boleh tercatat di situ?” tanya Cikgu Faisal serius.

“Awak ada menerimanya, Nirmala?” tanyaku memandangi muka Nirmala.

Nirmala menggeleng kepalanya. “Tidak.” jawab Nirmala tegas. “Tengok, tulisannya agak berlainan dengan tulisan Ariffkan?”

Kami bertiga meneliti tulisan itu betul-betul. Sekali pandang tidak ada cacat celanya tulisan itu dengan tulisanku. Aku sendiri pun pada mulanya tidak perasan.

“Mungkinkah Saiful meniru tulisan Ariff, cikgu?” tanya Nirmala.

“Saya tidak pasti. Ariff sendiri yang dapat menjawabnya. Orang lain tidak!” kata Cikgu Faisal sambil mengangkat keningnya.

Aku menelitinya sekali lagi. Memang sekali pandang seperti tulisanku. Setelah kuamati betul-betul barulah aku dapat pastikan, tulisanku selalunya condong ke kanan sedikit. Tulisan itu agak tegak.

Sayangnya, pen yang digunakan sama dengan pen yang selaluku gunakan. Pen berdakwat hitam yang dihadiahkan oleh pihak sekolah sewaktu aku mendapat nombor satu dalam darjah pada tahun lepas.

"Kalau itu bukan tulisan kamu, macam mana Saiful boleh mendapatkan fail kamu tu?" tanya Cikgu Faisal mendugaku.


"Barangkali.....dia mengambil peluang tu sewaktu saya meninggalkan fail itu di atas meja saya, cikgu. Saya agak begitulah!" kataku cuba mengingat-ningat.

"Itulah kalau dah lekeh sangat. Cuai sangat. Orang akan kesempatan ke atas diri kita, faham?" Cikgu Faisal mengingatkan aku.

"Kamu boleh masuk kelas dulu. Sekarang sudah masuk masa kedua. Rugi kalau kita tak dapat ikuti pelajaran. Masa rehat nanti datang jumpa saya balik. Panggil Saiful sekali," kata Cikgu Faisal sambil bangun.

"Baik, cikgu. Terima kasih cikgu," kataku dan Nirmala serentak.





• BAB 9

•
*Selembut
Arusmu*

Perihal Kak Arfah sakit kerana memakan ikan jelawat dari sungai kampung kami yang tercemar heboh diperkatakan orang. Aku tidak menyangka begitu pula terjadinya. Entah siapalah yang membawa mulut, aku tidak pasti. Yang jelas, ramai orang kampung yang mengunjungi rumahku, semata-mata hendak menziarahi Kak Arfah.

"Ini baru Si Arfah ni, nanti lambat laun menimpa orang lain pula!" kata mereka marah-marah.

"Iya, kilang tu memang tidak boleh dibiarkan, lama kelamaan sungai kampung kita akan menjadi racun. Kita semua akan mati!" sampuk Tapa yang berambut jarang-jarang itu.

"Mana kita tahu ikan tu yang menyebabkan Kak Arfah jatuh sakit?" tanyaku memberanikan diri.

"Kalau tidak, apa lagi? Lepas makan ikan tu dia terus jatuh sakitkan?" Tapa menjegilkan matanya padaku. Giginya yang kehitaman kerana terlalu banyak merokok kelihatan begitu hodoh sekali bila dia menyeringai begitu kepadaku.

"Saya juga makan juga, Bang Tapa. Tak sakit pun!" jawabku cuba menafikan kata-kata Abang Tapa petani di kampungku itu.

Abang Tapa diam. Matanya saja yang terkebil-kebil memandangkanku.

"Kau makan banyak atau sedikit?" tanyanya kemudian.

"Banyak!" jawabku selamba. Padahal malam itu aku makan sedikit sahaja. Memang Kak Arfah yang makan paling banyak ikan jelawat panggang malam itu.

"Barangkali kamu bernasib baik," celah Budin, anak muda yang selalu menghabiskan masa melepak di atas tembok atau di tepi-tepi jalan di kampungku.

"Habis. kalau benar, apa kita nak buat?" tanyaku berlagak macam orang besar. Aku ikut memeluk tubuh Abang Tapa dan Budin kaki lepak itu.

"Kilang tu mesti ditutup, kalau tidak kita bakar saja!"

kata Budin sambil mengangkat tangannya ke atas.

"Iya, bakar! Bakar!" sokong Abang Tapa.

"Bakar!" sampuk yang lain pula. -- . . "

"Bakar!" mereka menjawab serentak.

Emak dan Abang Mujahid yang ada di atas rumah terburu-buru datang mendapatkan kami yang berkumpul di bawah.

"Ada apa?" tanya emak cemas.

"Kita berpakat hendak membakar kilang di kampung kita tu Mak Cik Hajar!" kata Abang Tapa bersemangat.

Emak beristigfar sambil menggeleng-geleng kepalanya. "Mak Cik ingatkan apa tadi. Ingatkan kamu nak bakar rumah Mak Cik ni!"

"Awak pun ada Mujahid? Awak rajin sangat mengail ikan tu di sungai berpuaka tu. Kan dah sakit anak dara orang. Tulah kalau dah baik sangat," Abang Tapa tiba-tiba marah melihat Abang Mujahid berdiri di belakang emak.

"Sudahlah kamu ni Tapa, tak baik cakap macam tu. Arfah tu demam biasa saja," sampuk emak seperti tidak mahu melihat bunga-bunga pertengkaran berlaku antara anak-anak muda itu.

"Pandai Mak Cik nak membela dia. Semua orang kampung cakap macam tu. Semalam anak Pak Ngah Leman tu sakit perut kerana minum air sungai tu!" kata Tapa sambil meludah ke tanah. --

Aku menutup menahan ketawa. Minum air sungai? Air sungai yang kotor dan tidak dimasak itu? Ah, sesiapa pun boleh sakit perut. Minum air perigi yang jernih dan bersih pun, kalau tidak dimasak pun boleh kembung perut. Inikan pula air sungai yang tercemar itu?

"Lama kelamaan semua orang kampung ni mati!" kata Abang Tapa sambil melagakan gigi atas dan gigi bawahnya.

Semua orang-orang kampung yang berkumpul di halaman rumahku telah pun beredar dari situ. Cuma yang tinggal Abang Tapa, Budin dan Abang Mujahid. Emak sudah

pun masuk ke dalam rumah semula setelah mendengar Kak Arfah terbatuk-batuk kecil.

“Tetapi kampung kita perlukan kemajuan. Dengan adanya kilang itu, banyak kemajuan berlaku di kampung kita. Pencemaran alam sekitar harus dibendung. Pada masa yang sama, kemajuan harus kita nikmati,” kata Abang Mujahid sambil menjuntaikan kakinya.

Abang Tapa saling pandang memandang dengan Abang Budin yang duduk mencangkung di atas rumput. Abang Tapa menjuehkan bibirnya. Hodoh benar aku lihat.

“Kau tu cakap saja pandai Mujahid. Kau tu belum terkena lagi. Kalau kena baru kau tahu!” marah Abang Budin sambil bangun dan mendekati Abang Mujahid. Dia meletakkan kaki kanannya di atas tangga rumahku.

“Memang benar kata sayakan? Tengok, dulu jalan-jalan di kampung kita sempit dan berselut. Sekarang sudah luas dan bertar. Dulu kampung kita sukar hendak dapat elektrik, air dan kemudahan telefon, kita sudah dapat menikmati semua itu,” kata Abang Mujahid macam pence-ramah saja kudengar.

Aku ikut mengangguk-ngangguk. Memang aku bersetuju dengan kata-kata Abang Mujahid.

Abang Tapa sekali lagi menjuehkan bibirnya. “Kita semua tak pentingkan benda-benda tu. Yang kita pentingkan tu.....tu.....sungai di sana tu. Tempat kita mencari rezeki. Buat apa dengan kemudahan telefon tu? Sesen pun tak berguna.....,”

Benci benar nampaknya Abang Tapa dengan kemajuan yang melanda kampung kami. Padahal Abang Tapa tidak sedar bahawa kerana kemudahan jalan raya di kampung yang semakin eloklah yang menyebabkan mudah saja van atau lori kecil dapat masuk ke kampung kami.

Barangkali Abang Tapa juga lupa bahawa kerana kemudahan jalan raya itulah maka sayur-sayuran dari kebunnya senang dibawa ke pasar. Abang Tapa seperti lupa akan itu semua.

"Sambil berborak-borak tu jemputlah minum air," pelawa emak sambil menatang dulang yang berisi minuman. Emak meletaknya di serambi rumah.

Abang Tapa dan Abang Budin tersengeh-sengeh. Barangkali mereka malu-malu kucing, fikirku.

"Rezeki jangan ditolak. Bala jangan dicari," kata Abang Budin berseloroh.

Abang Tapa mengangguk-ngangguk sambil menggaru-garu rambutnya yang jarang-jarang itu. Dia tersengeh-sengeh sambil meneguk liur.

"Minumlah air kopi dengan pisang goreng saja," kata emak sambil menuang air kopi ke dalam cawan.

"Mak Cik Hajar goreng sendiri?" tanya Abang Tapa sambil mencapai sekeping pisang goreng yang masih berasap itu. "Pisang abu ni ya?" katanya sambil mengunyah.

"Petani.....takkan tak kenal!" usik Abang Mujahid.

Abang Tapa tersenyum saja. Dia mencapai cawan air kopi itu lalu meminumnya. Abang Budin kelihatan begitu lahap sekali. Sekejap saja dia menghabiskan dua tiga keping pisang goreng. Barangkali dia lapar benar. Air kopinya pun tinggal sedikit saja lagi. Begitu berselera sekali Abang Budin kelihatannya.

"Milah masih sihat, Tapa? tanya emak sambil membawa sepiring lagi pisang goreng yang baru diangkat dari atas dapur.

"Sihat, masih gagah lagi!" jawab Abang Tapa.

"Wah, tak lama lagi abang dapat anak lagilah iya?" kata Abang Mujahid.

Abang Tapa mengangguk. "Dah masuk tiga!" katanya tergelak.

"Dah tua Abang Tapa. Patutnya saya panggil Pak Cik Tapa!" kataku mengusik Abang Tapa.

"Rambut pun jarang-jarang!" tokok Abang Budin pula.

Kami semua ketawa mendengar kata-kata Abang Budin itu.



"Rambut jarang-jarang tu terkena racun rumpai!" balas Abang Tapa sambil ketawa besar.

Mendengar Abang Tapa menyebut racun rumpai itu aku segera teringat-ingat kata-kata Encik Borhan semasa berceramah di sekolahku baru-baru ini. Katanya, baja dari kebun atau ladang boleh juga menyebabkan pencemaran sungai. Oleh kerana bukan kesemua bahan kimia itu diserap oleh tanaman, bahan kimia yang berlebihan itu dikelaskan sebagai sisa dan dialir keluar dari kebun dan ladang oleh air hujan.

Aku hafal benar. Jadi, Abang Tapa juga menyebabkan pencemaran sungai macam orang-orang lain juga? Kebetulan pula kebun Abang Tapa memang tidak jauh dari sungai.

"Makanlah pisang goreng tu Ariff. Lepas tu tolong mak angkat ikan kering atas para iya!" kata mak dari dapur.

"Baik mak!" aku menjawab sambil memandangi muka Abang Tapa.

"Kenapa?" tanya Abang Tapa bila melihat aku memandangi mukanya.

"Er.....,tak ada apa-apa," jawabku teragak-agak. Aku mencapai sekeping pisang goreng yang sudah agak sejuk.

"Hm, abang!" kataku kemudian.

Abang Tapa kehairanan.

"Boleh Ariff tanya sesuatu?"

"Apa dia?"

"Abang Tapa guna baja apa untuk tanaman?"

"Oh.....oh.....abang ingat apa tadi," Abang Tapa ketawa. Nampak jelas giginya yang kehitaman itu. "Kau ni semua nak tahu. Kau nak berkebun jugakah?" tanya Abang Tapa sambil ketawa.

"Tidak," sahutku. "Saja nak tahu!"

"Saja nak tahu?" tanya Abang Tapa lagi dan masih ketawa-ketawa. "Baiklah, lepas abang beritahu ni Ariff kena panggil Abang Tapa dengan panggilan Pak Cik!" kata Abang Tapa masih lagi dalam ketawanya.

"Tentulah baja asli.....ha! ha! ha!" jawab Abang Tapa disertai dengan ketawa besar.

"Baja asli kesemuanya? Tak campur-campur?" tanyaku sambil mengerling Abang Mujahid yang memandang hairan padaku. Barangkali Abang Mujahid berasa pelik dengan pertanyaanku ini. Memang Abang Mujahid tidak tahu maksud pertanyaanku. Nantilah, aku akan menceritakan padanya kemudian. Setakat ini hanya Abang Mujahid saja tempat aku mengadu. Selain dari itu emak dan Kak Arfah. Orang lain tidak ada.

"Mestilah juga dicampur dengan baja kimia. Kau ni Ariff, banyak sangat tanya. Mesti ada apa-apa nikan?" duga Abang Tapa.

"Tak, kalau Ariff cakap, Abang Tapa eh.....eh.....Pak Cik Tapa marah tak?" tanyaku agak bimbang juga.

Abang Tapa ni memang lekas marah juga orangnya. Tetapi dia cukup peramah dan mudah mesra. Cuma dia panas baran kata orang. Mana tahu kalau-kalau dia marah dengan kata-kataku nanti Bimbang juga.

"Dulu ada penceramah datang sekolah Ariff. Dia berceramah pasal pencemaran sungai. Katanya baja kimia juga boleh menyebabkan pencemaran sungai.....," aku tidak jadi meneruskan kata-kata. Muka Abang Tapa berubah menjadi merah.

Aku diam dan mengerling Abang Mujahid. Aku berharap Abang Mujahid akan berkata sesuatu untuk menyelamatkan keadaan.

Abang Mujahid tenang saja.

"Maksud saya.....," aku cuba berkata-kata untuk mengambil hati Abang Tapa.

"Begini.....kata Ariff tu ada benarnya, tapi.....!" Abang Mujahid menyampuk. "Kalau.....digunakan.....,"

Abang Tapa tiba-tiba bingkas bangun. Mukanya merah padam. Jelaslah bahawa Abang Tapa salah faham. Jelaslah bahawa Abang Tapa benar-benar marah.

"Kamu ni memang memandai-mandai. Tak pernah aku dengar racun dan baja boleh menyebabkan pencemaran sungai. Siapa kata?" Abang Tapa mula menyinga.



Emak terburu-buru datang."Ada apa? Kenapa Tapa?" tanya emak cemas.

"Sudahlah!" tengking Abang Tapa sambil meluru turun.

Melihat Abang Tapa turun, Abang Budin terburu-buru menghabiskan air kopinya yang masih berbaki. "Tapa tu memang tak boleh tersentuh Mak Cik, cepat saja dia melatah. Er, saya pergi dulu ya Mak Cik!" Budin terjun ke tanah. Cepat-cepat saja dia menyarung kasutnya dan segera berlari mendapatkan Abang Tapa.

- "Apa yang kamu cakap pada Pak Cik Tapa Ariff?" tanya emak dengan kerutan jelas di dahi. Tajam matanya menikamku.

"Saya cuma tanya dia saja mak. Tapi Pak Cik Tapa tiba-tiba marah," kataku. Terasa janggal pula membahasakan 'Pak Cik' pada Abang Tapa.

"Ariff ni, dia sebut saja pasal baja yang Abang Tapa gunakan. Tiba-tiba saja Abang Tapa melenting," celah Abang Mujahid cuba membelaku.

Emak tidak mempercayai kata-kata Abang Mujahid. Emak memang masak benar dengan perangai Abang Tapa itu. Sungguhpun dia panas baran, tetapi marahnya bertempat. Tentu saja emak menyalahkan aku. Tentu saja emak menuduh aku bersikap kurang ajar dengan Abang Tapa.

"Emak mahu Ariff minta maaf dengan Pak Cik Tapa. Emak tidak mahu anak-anak emak bersikap kurang ajar dengan orang tua. Mujahid, temankan Ariff ke rumah Pak Cik Tapa. Suruh Ariff bersalam minta maaf," kata emak tegas. Emak kemudian masuk ke dalam rumah bila mendengar Kak Arfah terbatuk-batuk.

Aku mahu ikut masuk sama ke dalam rumah bila mendengar Kak Arfah batuk semakin kuat dan kencang. Aku dan Abang Mujahid saling berpandangan. Abang Mujahid juga ikut terpaku sepertiku. Mana mungkin kami sanggup meninggalkan emak dan Kak Arfah dalam keadaan begitu. Mana mungkin.

Tapi demi saja aku dan Abang Mujahid masuk ke dalam rumah, emak sudah berdiri dekat pintu.

"Pergi minta maaf dengan Pak Cik Tapa, kalau tidak, emak tidak benarkan kamu balik, Ariff," kata emak. Kata-kata itu cukup tegas.

Abang Mujahid menggenggam tanganku kemas-kemas. Aku menurut saja Abang Mujahid. Meskipun hatiku cukup sedih, meskipun perasaanku cukup tersinggung, namun aku tetap menghormati emak.

Emak memang teguh dengan prinsipnya. Emak tetap mahu menjadikan anak-anaknya tahu adab dan sopan. Emak tidak mahu anak-anaknya bersikap acuh tak acuh pada orang tua. Aku cukup hormati emak.

Akhirnya kami sampai juga di rumah Abang Tapa. Atau Pak Cik Tapa. Aku sudah bertekad. Mulai hari ini aku akan memanggilnya Pak Cik Tapa.

"Ha.....ada apa kamu datang ke mari?" herdik Pak Cik Tapa agak marah. Mukanya masam saja. Tentu saja dia masih marahkan aku.

Mak Cik Milah, isteri Pak Cik Tapa menjenguk di tingkap bila mendengar suara suaminya marah-marah.

"Ha.....naiklah Ariff, Mujahid. Kak Arfah dah sihat?" tanyanya ramah. Dia berdiri di muka pintu. Nampak perutnya yang memboyot itu. Dia sedang mengandung anak ketiga. Anak pertama dan keduanya dua-dua perempuan. Kali ini aku dengar Pak Cik Tapa hendakkan anak lelaki pula.

"Saya.....saya datang nak minta maaf dengan Pak Cik Tapa," kataku tanpa teragak-agak.

"Saya juga begitu Pak Cik eh.....eh Abang Tapā," kata Abang Mujahid tersasul sedikit.

Pak Cik Tapa akhirnya tersenyum. Kami bersalaman. Lega sedikit rasa hatiku.

"Pak Cik bukan marah.....," kata Pak Cik Tapa sambil menggaru-garu kepalanya yang berambut jarang-jarang itu.

"Saya nak balik dulu Pak Cik. Kak Arfah sakit kuat," kataku sambil meminta diri.

"Kakak kau sakit lagi?" laung Mak Cik Milah dari atas rumah.



"Iya. Tadi dia batuk agak kencang," jawab Abang Mujahid.

"Kau duduk di rumah Milah. Biar aku pergi," kata Abang Tapa sambil mencapai motorsikalnya.

"Marilah naik," pelawanya.

"Tak apalah. Kami guna jalan pintas," kataku sambil mempercepatkan langkah.

Kami terpaksa melalui lorong kecil yang menghala ke rumahku. Lorong itu sempit saja dan jarang-jarang dilalui orang. Di sekelilingnya dipenuhi dengan pokok-pokok senduduk dan kemunting. Duri-duri semalu sentiasa mencucuk kaki.

"Kasihlah Kak Arfah, abang fikir kakak betul-betul sakit kerana makan ikan tu?" tanyaku.

"Abang pun tak pasti. Mungkin kalau dibawa ke hospital, kita akan tahu apa sakitnya Kak Arfah," kata Abang Mujahid sambil mempercepatkan langkah.

Kenapa emak tidak membawa Kak Arfah ke hospital? Barangkali emak menyangka Kak Arfah cuma demam biasa saja. Emak tidak percaya dengan tomahan orang kampung mengenai penyakit Kak Arfah. Emak tidak percaya ikan jelawat yang dicemari oleh sungai yang sudah tersedia tercemar itu. Aku sendiri pun tak pasti.

Suara orang berbisik-bisik membuatkan kami tertegun seketika. Suara siapakah itu? Aku memandang Abang Mujahid. Gerun juga rasanya. Senja-senja begini tidak mustahil kalau-kalau ada makhluk halus mengusik kami. Mana tahu. Aku bimbang untuk menyuarakan hal itu pada Abang Mujahid. Tentu saja dia tidak akan mempercayaku. Tentu saja dia akan mentertawakan aku.

"Cepat!" kata Abang Mujahid semacam cemas.

"Kenapa bang? Hantu?" aku bertambah takut.

"Bukan, orang!"

"Orang?"

Kalau betul orang, apa yang dilakukan terbongkok-bongkok dalam semak begini? Mereka kelihatan seperti sedang mengerumuni sesuatu. Mereka menyorok barang

curikah?

"Jangan hiraukan mereka. Cepat, entah apa yang terjadi pada emak dan Kak Arfah kau!" kata Abang Mujahid sambil memimpin tanganku.

"Hoi.....!! Kau intip?????"

Tiba-tiba kedengaran suara orang mengherdik kami dari arah semak itu. Abang Mujahid berpaling ke belakang.

"Cepat Ariff, lari!" pekik Abang Mujahid.

Tanpa berfikir panjang lagi, aku ikut berlari sekuat mungkin. Abang Mujahid tetap memegang tanganku supaya tidak terlepas. Setelah berlari agak jauh kami berhenti sekejap. Termengah-mengah kami dibuatnya.

"Siapa bang? Mujur dia tak kejar kita lagi!" kataku sambil menarik nafas.

"Jangan pedulikan mereka. Lain kali abang ceritakan. Mari kita tengok Kak Arfah dulu," kata Abang Mujahid tanpa mempedulikan pertanyaanku.

Sebaik saja kami sampai ke rumahku, suasana sunyi sepi. Tidak ada seorang pun di atas beranda rumahku. Cepat-cepat aku berlari masuk ke dalam rumah. Takut kalau-kalau emak sedang menemani Kak Arfah.

"Mak!" laungku sepatah.

Sunyi. Tidak ada sesiapa yang menjawab panggilananku.

"Ke mana mereka pergi?" tanya Abang Mujahid menambahkan kehairananku. Abang Mujahid berdiri dekat tiang sambil merenung sayu kepadaku.

Tiba-tiba saja aku berasa bagaikan mahu menangis. Ke mana mereka sebenarnya? Ke mana emak pergi? Mana Kak Arfah? Mana adik-adikku? Mana? Kenapa aku harus pergi tadi? Kalau tidak kerana celupar mulutku, tentu saja emak tidak marah. Tentu saja aku dapat menemani emak dan Kak Arfah tadi.

"Tentu mereka ke hospital.....," tiba-tiba kata Abang Mujahid sambil duduk di atas kerusi kayu dekat pintu dapur.



"Marilah ke rumah abang. Malam nanti, kalau mereka balik, abang hantar," begitu luhur kedengaran kata-kata Abang Mujahid.

Aku diam. Rasanya tidak sanggup aku meninggalkan rumah dalam keadaan begini. Emak tentu akan pulang sebentar lagi. Rumahku masih berselerak. Gelas-gelas bekas jiran-jiranku minum tadi belum sempat dibasuh oleh emak.

"Tak apalah," putus Abang Mujahid akhirnya. "Biar Abang saja yang menemani Ariff malam ni. Mari kita kemaskan rumah sama-sama. Mari kita basuh pinggan mangkuk ni. Orang lelaki pun mesti tahu kerja macam ni,"

Lega sedikit rasa hatiku mendengar kata-kata Abang Mujahid. Kami pun mula membersihkan mana yang patut. Abang Mujahid menyusun gelas-gelas kotor yang berselerak itu dan membawanya ke sinki. Aku mengemas meja dan menggelap kesan-kesan kotoran di atas meja makan. Fikiranku berputar ligat. Segala-galanya bermain dalam kepalaku.

Aku teringatkan Kak Arfah. Teringatkan mak. Teringatkan adik-adik yang entah ke mana. Mereka ke hospital jugakah? Hatiku tertanya-tanya. Dengan apa mereka pergi agaknya?

Satu lembaga kecil tiba-tiba menyelinap di balik pintu. Siapa? Hatiku berdebar-debar.

"Iwan!" pekikku sambil menerkam Iwan yang muncul di muka pintu. Masih ada esakan kecil yang menunjukkan dia menangis tadi. Air matanya masih tergenang di kedua-dua kelopak matanya. Luluh hatiku melihatnya.

"Iwan pergi mana tadi? Mana adik-adik?" tanyaku sambil memaut bahu Iwan.

"Iwan tunggu abang dekat jambatan tu tadi," kata Iwan sambil mengesat hingus dengan hujung bajunya.

"La...," aku mengeluh kesal. "Kasihlah kau, dik," keluhku sambil mengusap rambut Iwan yang sedikit kusut.

"Emak dan Kak Arfah ke hospital iya?" tanya Abang Mujahid, tidak jadi membasuh pinggan.

Iwan angguk.

“Siapa yang bawa mereka ke hospital?” tanyaku tidak sabar.


“Pak Haji Rahim. Mereka naik van Pak Haji Rahim,” terang Iwan sambil mengesat baki air matanya.

“Adik Munirah dan Fikri pergi juga?” tanyaku sambil memimpin tangan Iwan dan mengajaknya duduk di atas kerusi.

“Pak Cik Tapa ajak mereka ke rumah. Emak suruh Iwan tunggu abang dulu,” kata Iwan lagi. “Emak mahu abang jaga rumah. Kalau abang takut, emak suruh abang ajak Abang Mujahid temankan,”

Aku memandang Abang Mujahid.

Dia mengangguk.



• *BAB 10*

•
*Selembut
Arusmu*

Sudah tiga hari Kak Arfah dimasukkan ke wad. Sudah tiga hari jugalah emak terpaksa berulang alik dari rumah ke hospital. Sudah tiga hari jugalah aku terpaksa menguruskan rumah dan adik-adik. Kadang-kadang kalau emak terpaksa tidur di hospital menemani Kak Arfah, Abang Mujahid datang tidur di rumah.

Mak Cik Milah dan Pak Cik Tapa pun ikut juga menjenguk kami. Kadang-kadang mereka datang membawa nasi dan lauk untuk kami tiga beradik. Kadang-kadang mereka ajak Munirah dan Fikri ke rumah mereka bermain dengan Tumirah dan Suhaidah anak-anak Pak Cik Tapa dan Mak Cik Milah.

Pak Cik Rahim juga ikut datang bersama isterinya Mak Cik Khadijah. Mereka membawa buah-buahan dan biskut. Kadang-kadang mereka mengajak kami melawat Kak Arfah di hospital. Bukan main seronok lagi Munirah dan Fikri dapat menaiki van dan bersiar-siar.

"Tak lama lagi, abang akan ikut Pak Cik Deraman masuk hutan," beritahu Abang Mujahid sambil meletakkan buku-buku yang dibawanya di atas meja.

"Seronoknya kalau Ariff pun dapat ikut sama," kataku memandang muka Abang Mujahid.

"Buat masa ni barangkali belum boleh lagi," kata Abang Mujahid sambil membetulkan kolar baju melayunya. Diambilnya kupiah dari atas kepalanya dan dibubuhnya ke dalam kecek bajunya.

"Kenapa?" tanyaku hampa.

"Banyak sebabnya. Pertama, Ariff tidak boleh tinggalkan rumah pada waktu susah macam ni. Siapa nak jaga adik-adik? Kedua, Ariff nak periksa dan ketiga Pak Cik Deraman kata, bila semua masalah selesai, barulah Ariff boleh pergi,"

Aku terdiam dan memaut kedua-dua belah lututku. Benar juga seperti apa yang dikatakan oleh Abang Mujahid. Buat sementara ini, memang aku tidak boleh ke mana-mana. Adik-adik perlukan aku. Pada siapa lagi yang mahu mereka

harapkan melainkan aku?

Kedua, memang betul aku akan menghadapi peperiksaan . Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) tidak lama lagi. Tentu saja aku harus menumpukan perhatian penuh pada pelajaranku. Tidak boleh bermain-main dan membuang masa lagi.

Mengingati sebab-sebab yang ketiga, aku tiba-tiba termenung. Kenapa Pak Cik Deraman tidak mahu mengajaku buat masa ini? Masalah apa yang belum selesai? Lama juga aku termenung memikirkan kata-kata Abang Mujahid itu. Akhirnya barulah aku teringat. Iya, baru aku ingat.

"Jadi, abang pun turut serta juga kali ini?" tanyaku macam tidak sabar.

"Tentu, kenapa dengan kamu ni?" tanya Abang Mujahid sambil duduk meniarap dan menulis sesuatu dalam buku kecilnya.

Aku tidak bermaksud untuk mengganggu Abang Mujahid menelaah pelajarannya. Aku cuma hendak tahu cerita Abang Mujahid seterusnya. Aku harap aku tidak mengganggunya.

"Ariff masih ingat cerita abang dulu tu," kataku. "Setakat ini tak ada sesiapa yang kena tangkap?"

"Belum lagi. Ada Ariff ceritakan pada sesiapa pasal ni?" tanya Abang Mujahid seperti mencurigaiku.

Aku menggeleng. "Tidak. Tapi saya berminat untuk mengetahuinya bang. Kata Cikgu Faisal setiap ahli persatuan yang cintakan alam sekitar, haruslah sentiasa peka dengan setiap kejadian yang melibatkan pencemaran alam sekitar. Jadi, kisah yang abang ceritakan tu, berkait juga dengan pencemaran alam sekitarkan?" kataku panjang lebar

Abang Mujahid berhenti menulis. "Baguslah kalau Ariff ada semangat macam tu. Kalau tidak generasi hari ini seperti Ariff ni cintakan alam sekitar, siapa lagi?" puji Abang Mujahid.

Dadaku terasa kembang mendengar pujian Abang Mujahid. Betul juga. Kalau tidak generasi hari ini, siapa lagi? Begitu juga kata Cikgu Faisal. Kami semualah generasi

pewaris zaman akan datang. Pada kami semualah terletak tanggungjawab itu. Mengingati Cikgu Faisal, secara tidak langsung bayangan Saiful ikut terbayang. Aku cuba membuang jauh-jauh. Aku lebih berminat untuk mendengar cerita Abang Mujahid mengenai hutan.

"Kenapa orang-orang yang tidak bertanggungjawab itu suka menebang pokok-pokok dalam hutan sesuka hatinya?" kataku sambil menghirup sup perut lembu yang masih panas itu. Sup perut lembu itu dibawa oleh Abang Mujahid. Abang Mujahid membelinya di warung Mak Minah dekat simpang tiga menghala ke jalan pusat bandar.

"Orang-orang yang tidak bertanggungjawab itu menebang pokok sesuka hatinya macam abang ceritakan dulu," terang Abang Mujahid. "Mereka menebang kerana kepentingan mereka sendiri. Mereka tidak pentingkan hidupan lain. Penebangan hutan akan menimbulkan banyak perkara yang tidak baik. Hidupan mergastua seperti badak, tapir, singa dan gajah akan diancam kepupusan. Hidupan liar juga sering menjadi mangsa pembunuhan,"

"Mereka membunuh juga hidupan liar tu?" tanyaku agak terkejut.

"Iya, mereka mahu mendapatkan gading, bulu, kulit dan bahagian-bahagian lain binatang itu,"

"Mereka nak jualkan? Tentu saja mereka akan untung,"

"Iya, tentu saja. Kalau dibiarkan, kita khawatir bahawa suatu hari nanti generasi akan datang tidak akan dapat mengenal hidupan-hidupan liar itu lagi,"

Aku bingkas bangun. Iya, bagaimana agaknya kalau aku dan adik-adikku tidak lagi dapat mengenal mana satu gajah, mana satu harimau? barangkali kami hanya dapat mengenalinya hanya dengan melihat gambar-gambar saja.

Aku berjalan menuju ke beranda. Angin dari luar bertiup lembut. Nyaman juga rasanya. Alangkah baiknya kalau setiap hari kita dapat menyedut udara segar ini selalu, fikirku. Aku memerhatikan Iwan membasuh kasut sekolahnya. Munirah dan Fikri juga turut membasuh



pakaian masing-masing. Timbul juga kasihan di hatiku.

Mereka sudah dapat berdikari. Mereka tahu erti susahnya hidup. Sejak Kak Arfah sakit, emak tidak lagi membuat nasi lemak dan karipap untuk jualan. Emak hanya sibuk berulang-alik. Di rumah, emak menyiapkan makanan sebelum meninggalkan kami semula. Kasihan emak, tentu saja dia letih.

Aku pun demikian. Tanggungjawab menjaga adik-adik terletak di bahu. Akulah yang menggantikan emak dan Kak Arfah. Aku juga turut membantu emak membasuh dan melipat kain. Emak tidak mahu aku menyusahkan orang lain.

"Emak tidak mahu kau biarkan adik-adik ke rumah Mak Cik Milah. Bukan emak tidak suka, tapi kasihan Mak Cik Milah. Dia mengandung sekarang. Lagipun Shuhaidah dan Tumirah masih kecil, tentu dia penat. Kau sendiri yang jaga adik-adik," begitu pesan emak padaku.

Bilakah kakak akan sembuh? Apakah sakit kakak sebenarnya? Apakah betul penyakit Kak Arfah seperti yang dikatakan orang kampung? Emak tidak pernah memberitahuku. Entahlah aku sendiri pun binggung memikirkannya. Apa yang penting Kak Arfah akan segera sembuh. Tidak sabar rasanya ingat melihat wajah ceria Kak Arfah.

Bila agaknya Kak Arfah akan balik? Bila agaknya Bilakah kami akan dapat bersama lagi seperti dulu? Aku mengeluh. Mujur juga ada jiran-jiran yang baik hati datang membantu. Hendak mengharapkan saudara maraku, mereka tinggal jauh dari sini. Emak tidak membenarkan orang-orang kampungku memberitahu mereka.

"Biarlah. Bukan apa. Arfah hanya demam. Buat apa susahkan mereka," begitu jawab emak.

Emak memang tidak suka menyusahkan sesiapa. Kalau boleh emak mahu melakukannya dengan tulang empat keratnya tanpa bantuan orang lain. Segala-galanya emak usahakannya sendiri. Barangkali itulah yang emak mahu terapkan dalam jiwa kami anak-anaknya.

Lamunanku terputus bila adik-adikku yang sudah siap mandi di telaga berlarian naik dengan ketawa riang. Iwan mendahului adik-adiknya membawa baldi kecil yang berisi pakaian masing-masing. Mereka kemudian berebur-rebut menjemur pakaian mereka di ampaiian.

“Sejuk tak mandi?” tegurku kepada Fikri yang menggeletar kesejukan.

“Sejuk,” katanya sambil membungkus dirinya dengan tuala.

“Cuci tak pakaian yang kamu basuh ni?” celah Abang Mujahid merenung penuh simpati. “Tak apalah nanti abang tolong basuhkan semula,”

“Tak payahlah abang,” aku menegah. Sudah banyak jasa yang Abang Mujahid taburkan. Aku tidak sanggup menyusahkan Abang Mujahid lagi. Kesanggupannya memeniku sepanjang ketiadaan emak dan Kak Arfah sudah cukup membuatkan aku sedar betapa baiknya Abang Mujahid. Aku tidak tahu bagaimana aku mahu membalas budi Abang Mujahid itu.

“Biarlah merka berdikari. Sekejap saja tu. Tak lama lagi Kak Arfah akan sembuh. Emak akan mengambil alih tugas itu semula,” kataku mengharap.

Selesai sembahyang Jumaat hari itu, aku dan Abang Mujahid bercadang mahu pergi ke sungai. Sudah lama aku tidak mengunjungi sungai di kampungku itu. Mengenangkan adik-adikku yang ditinggalkan di rumah Pak Cik Tapa itu kami membatalkan saja hasrat itu. Kami pergi mengambil mereka bertiga dan barulah kami ke sungai semula.

“Kasihian sungai,” kata Iwan merenung jauh ke arah sungai yang mengalir lesu itu.

“Kenapa kasihian sungai?” tanyaku tertarik.

“Sungai senyap saja. Tak ada pun orang datang. Tentu dia jemu?” kata Iwan lagi.

Aku dan Abang Mujahid ketawa mendengar kata-kata Iwan lagi.

"Sungai tu kotor!" sampuk pula Munirah. Dia nampak kemas hari ini. Selalunya comot saja. Tentu dia dimandikan oleh anak-anak Pak Haji Rahim.

"Mana tahu sungai tu kotor?" tanyaku menduganya.

"Pak Haji Rahim kata. Dia tak bagi kami mandi. Kotor sampah banyak," celah Fikri yang tidak banyak mulut itu. Dia memang agak pendiam sedikit kalau hendak dibandingkan dengan Munirah.

Kami duduk di atas tunggul kayu yang ada di situ. Fikri dan Iwan asyik melompat-lompat di gigi air dengan riang.

"Abang," aku tiba-tiba teringat kejadian dalam semak tempoh hari. "Abang ingat tak kejadian hari tu? Masa kita lalu ikut jalan pintas hari tu?"

Abang Mujahid cuma mengangguk.

"Siapa mereka tu?" tanyaku ingin tahu.

"Tarmizi dan kawan-kawannya," jawab Abang Mujahid perlahan.

"Apa mereka buat senja-senja dalam semak macam tu?" soalku macam mata-mata gelap pula.

Abang Mujahid pada mulanya enggan memberitahuku. Setelah aku mendesak, barulah aku faham. Mereka rupa-rupanya mengambil dadah. Terkejut sungguh aku. Kenapa mereka tergamak melakukan itu semua? Bukankah dadah itu perosak bangsa? Bukankah dadah itu akan memusnahkan sesiapa yang mengambilnya?

Aku teringat kata-kata Cikgu Saidin, guru besar sekolahku dalam satu perhimpunan pagi Ahad. Kalau ada sesiapa yang bertemu atau mengetahui ada orang mengambil dadah, mereka hendaklah melaporkan segera ke balai polis. Penagih dadah tidak boleh dibiarkan menagih. Remaja yang menagih dadah akan merugikan negara. Begitu juga dengan orang-orang dewasa. Negara akan kehilangan rakyat mereka. Setiap orang warga diperlukan untuk menyumbang tenaga dan fikiran kepada negara. Begitu kata-kata Cikgu Saidin yang aku ingat.



“Kenapa dia jadi macam tu bang? Emak dia tak marah?” tanyaku sambil teringatkan Mak Cik Peah yang suka menjaga tepi kain orang itu.

“Abang pun tidak tahu. Sudahlah, jangan pedulikan hal orang lain.” kata Abang Mujahid semacam tidak berminat. Dia meneruskan bacaannya yang tergendala kerana pertanyaanku tadi.

Biar pun aku ingin menyangkal kata-kata Abang Mujahid itu, namaun aku tidak mahu mengganggunya membaca buku. Aku juga ikut membaca. Tidak lama lagi, aku juga akan mengambil peperiksaan UPSR. Tentu saja aku mahu lulus dengan baik.

“Abang Ariff.....,” tiba-tiba Iwan memanggilku dari beranda. “Kawan-kawan abang datang!”

Pekikannya yang riang menyebabkan aku bingkas bangun. Siapa yang datang? Aku melonjak kegirangan bila melihat Johnny, Nirmala dan Jasmin tiba-tiba muncul di halaman rumahku. Mimpi apa mereka agaknya? Alangkah senangnya rasa hati menerima tetamu yang tidak diundang ini.

“Hei, marilah naik. Tak sangka kau datang!” pekikku gembira.

Johnny yang mengenakan t-shirt biru muda kelihatan segar dengan jeans birunya. Dia menghulurkan buah rambutan dan epal yang dibawanya kepada Iwan. Iwan, Munirah dan Fikri membawanya ke dapur.

“Susah-susah saja kau ni,” kataku sambil mengucapkan terima kasih.

“Kakak kau dah keluar?” tanya Jasmin.

“Belum lagi. Esok lusa keluarlah tu,” kataku mengharap apa yang aku katakan menjadi kenyataan.

Abang Mujahid muncul di muka pintu. “Inilah empat sekawan tu ya? Apa khabar semua? tanyanya ramah.

Setelah memperkenalkan diri masing-masing, kami berkumpul di bawah pokok rambutan yang baru berputik. Seronok juga rasa hatiku. Lupa sekejap luka hatiku menenangkan Kak Arfah yang sedang sakit di hospital. Lupa



sekejap pada emak yang sedang menunggu Kak Arfah.

"Kalau Kak Arfah tak keluar esok, kita pergi melawatnya ramai-ramai esok," cadang Abang Mujahid.

"Elok juga tu, kita jumpa di sanalah. Esok Johnny dah berpakat dengan keluarga nak ke hospital," kata Johnny.

"Saya pun macam tu. Ayah dah janji dengan Jasmin. Kasihan Kak Arfah," sampuk Jasmin sambil membetulkan blaus kuning mudanya.

"Sambil berborak-borak ni marilah kita minum dulu," pelawa Abang Mujahid sambil bangun untuk pergi mengambil minuman. Ada sirap sejuk yang Abang Mujahid buat pagi tadi.

"Tak payahlah. Lebih baik kita pergi ke sungai. Dah lama tak tengok sungai?" kata Johnny sambil ikut berdiri.

"Habis, kau tak mahu minumlah?" tanyaku.

"Lain kali saja. Jom!" ajaknya.

Orang lain mengikut saja. Abang Mujahid tidak ikut serta. Dia mahu menghabiskan bacaannya dan menjaga adik-adikku di rumah. Jadi, hanya kami berempat saja yang pergi ke sana.

"Kau tahu Ariff, kelmarin keluargaku pergi ke Rantau Abang," cerita Johnny sambil mengunyah kacang yang dibelinya di kedai Pak Cik Murad dekat surau di kampungku.

"Kau pun pergi?" tanyaku berminat.

Johnny angguk. "Kami cuma pergi berkelah. Bukan musim penyu bertelur," katanya. "Macam manapun, banyak maklumat yang aku dapat. Kasihan,"

"Apa yang kasihan?" sampuk Nirmala.

"Penyu," jawab Johnny. "Kau tahu kan? Kita semua tahu bahawa banyak penyu yang mati kerana tindak tanduk manusia. Kami mendengar penerangan dari salah seorang pegawai yang bertugas di sana. Kebetulan mereka mengadakan ceramah mengenai kepupusan penyu hari itu. Daddy dan mummy bukan main berminat mendengarnya. Aku pun begitu juga,"



Aku berasakan Johnny sungguh bertuah kerana memiliki segala-galanya. Dia mempunyai ibu dan ayah yang cukup menyayanginya. Aku? Ah, bertuah jugakah aku? Ah, tentu saja. Meski pun, aku tidak lagi mempunyai ayah, namun aku masih mempunyai emak yang cukup menyayangiku.

"Apa yang kau dapat dari penerangan tu? Aku pun teringin nak ke sana," kata Jasmin kelihatan berminat.

Tentu saja Jasmin bertuah seperti Johnny, dia dapat ke mana-mana saja yang dia suka. Setiap hujung minggu, pasti saja mereka sekeluarga dapat berkelah dan bersiar-siar. Sedangkan aku? Aku hanya menghabiskan masa di rumah saja setiap hari.

Aku tidak berpeluang untuk pergi ke mana saja yang aku inginkan. Aku sibuk membantu emak menguruskan adik-adik. Aku sibuk membantu keluargaku saja. Aku tidak ada kesempatan untuk bergembira seperti Johnny dan Jasmin. Nirmala juga. Mereka semua sungguh bertuah.

"Penyu sekarang banyak yang telah pupus," kata-kata Johnny menyebabkan lamunanku terputus. "Salah satu punca kematian penyu ialah kegiatan manusia yang mementingkan pembangunan tanpa mengira pencemaran alam sekitar. Mereka membina hotel, rumah tumpangan, perindustrian dan sebagainya.

Kata pegawai itu lagi, terdapat garis panduan yang boleh diikuti bagi menjamin keharmonian antara pembangunan pantai dan kehidupan penyu. Pencemaran akibat pembuangan sampah juga menyebabkan penyu mati. Dulu ada penyu belimbing yang mati kerana termakan beg plastik yang disangka obor-obor. Kasihankan?"

Kami semua mengangguk-angguk mendengar cerita Johnny. Tentu saja banyak lagi pengalaman yang menyeronokkan yang Johnny alami. Bilakah agaknya aku dapat ke sana? Ingin rasanya aku melihat penyu bertelur. Ingin rasanya aku mengusap-ngusap belakang penyu itu dengan penuh kasih sayang.

"Ariff, nanti kalau ayahku mahu pergi, aku ajak kau sama. Tentu emak kau benarkan, kan?" kata Jasmin tiba-tiba.



Entah kenapa cepat-cepat saja aku mengangguk mendengar pelawaan Jasmin itu. Memang sudah lama aku teringin untuk ke Rantau Abang. Seingatku aku sudah ke sana beberapa tahun yang lalu. Waktu itu arwah ayahku masih ada. Kami sekeluarga pergi berkelah di sana. Alangkah manisnya saat itu.

Semuanya aku ingat. Segalanya masih nampak jelas di mataku. Pasirnya yang memutih, airnya yang jernih dan udara yang segar. Sekarang, masihkah lagi ia indah seperti dulu? Airnya, masihkah sejernih dulu? Pasirnya, adakah ia memutih dan sebersih dulu?

Atau, atau mungkinkah ia seperti sungai kampungku sekarang? Aku tidak dapat memberikan jawapannya. Kalau ada surat untukku ke sana suatu hari kelak, aku dapat menyaksikannya sendiri. Bilakah aku akan ke sana lagi? Bila?

Walau pun jaraknya tidaklah jauh sangat dengan kampungku di daerah Marang ini, namun terlalu sukar untuk aku ke sana. Emak tentu tidak mempercayaku kalau pergi seorang diri. Ah, senang saja, bukankah aku boleh mengajak Abang Mujahid menemaniku? Atau Kak Arfah bila dia sembuh nanti?

"Ha.....Ariff, buat apa di sini? Ramai kawan-kawan kamu,"

Aku terkejut dengan teguran Pak Cik Tapa yang tiba-tiba saja muncul di belakangku.

"Oh.....Pak Cik, ingat siapa tadi," kataku sambil tersenyum. "Ini kawan-kawan Ariff. Mereka datang nak tengok sungai kampung kita,"

Pak Cik Tapa hanya membalas dengan senyum tawar saja. "Buat apa tengok sungai yang kotor ni," katanya sambil mencebik sedikit. "Tengok saja tidak mengapa, tapi kamu jangan mandi dan kalau ada ikan, kamu jangan makan, nanti jadi macam kakak Si Ariff ni, kasihan dia berhari-hari kena duduk hospital,"

Aku cuma mendiamkan diri mendengar kata-kata Pak Cik Tapa. Takut juga kalau-kalau dia melenting seperti

dahulu kalau aku membantah kata-katanya. Aku sudah serik. Mahu tidak mahu aku hanya mengangguk sahaja.

Pak Cik Tapa meletakkan bekas penyembur racun yang selalu digunakan di kebunnya. Beberapa botol racun yang telah kosong terapung-apung di atas permukaan sungai. Aku percaya botol itu telah dibuang oleh Pak Cik Tapa sebentar tadi.

Johnny memandangkanku bila melihat Pak Cik Tapa membersihkan bekas penyembur racun itu dengan air sungai. Aku hanya mengisyaratkan supaya dia tidak bertanya apa-apa. Pak Cik Tapa bukan boleh berkira sangat. Meski pun dia baik, namun dia pantang ditegur. Aku ingat betul itu.

Muka Jasmin merah padam kulihat. Tentu saja dia marah melihat tindakan Pak Cik Tapa itu. Barangkali Nirmala sudah memberitahunya tentang perangai Pak Cik Tapa. Mujurlah dia tidak bertanya apa-apa. Bimbang juga rasanya kalau-kalau Jasmin yang suka mengomel itu akan membantah tindakan Pak Cik Tapa itu.

Setelah Pak Cik Tapa pergi, barulah kami dapat melepaskan geram masing-masing. Jasminlah yang paling marah melihat tindakan Pak Cik Tapa itu.

"Kalau hanya kita yang sedar, orang lain tidak, tentulah masalah ini tidak akan selesai," becok mulut Jasmin marah-marah.

"Kita tidak boleh buat apa-apa, kan Jasmin?" kataku cuba meredakan kemarahan Jasmin.

"Kalau macam ni lama kelamaan habis ikan-ikan dalam sungai ni. Bukan ikan saja kau pun Nirmala, akan mati juga!" kata Jasmin makin marah. Mukanya makin merah. Marah benar dia.

Nirmala cuba ketawa mendengar kata-kata Jasmin. Meski pun begitu, kata-kata Jasmin itu ada benarnya. Alangkah berbahayanya membuang racun serangga perosak itu ke dalam sungai. Bagaimana kalau ada kanak-kanak yang mandi-manda sewaktu racun-racun itu baru dibuang oleh Pak Cik Tapa? Tidakkah ia akan mengancam

keselamatan kanak-kanak itu nanti? Ngeri bila aku mengingatinya.

"Teruklah Pak Cik Tapa tu," rungut Jasmin tidak terhenti-henti. Mukanya masam saja. Rambutnya yang dijalin dan diletakkan reben biru kelihatan terbuai-buai ditiup angin.

"Nampaknya kita kenal beritahu orang tua kita kalau macam ni," cadang Johnny sewaktu kami dalam perjalanan pulang.

"Iya, aku setuju," sampuk Jasmin bersemangat.

"Aku pun pernah dengar Abang Mujahid bercakap dengan Kak Arfah dulu," kataku menceritakan. "Penduduk-penduduk kampungku ini nampaknya perlu diberi kesedaran akan pentingnya menjaga sungai. Kalau tidak, mereka akan tetap begitu. Membuang sampah sarap, membuang najis ayam, najis manusia, racun rumpai.....macam-macam.....,"

Orang lain ikut bersetuju dengan pendapat Abang Mujahid dan Kak Arfah itu.

"Ariff.....tu.....Saiful dengan abangnyalah!" Nirmala separuh memekik.

Secara mendadak kami berhenti. Kami saling berpandangan. Kenapa mereka harus datang mengganggu kami? Apa salah kami?

Saiful tersengeh-sengeh memandangi kami. Aku mengerling Nirmala. Mungkinkah dia mendendam kami kerana dapat membuktikan bahawa aku tidak bersalah pada Cikgu Faisal hari itu? Apakah dia mahu membalas dendam?

"Bagaimana kalau dia pukul kita?" bisik Nirmala agak takut.

"Kita lawan!" kata Johnny, "Aku selalu belajar taek-wan-do di rumah. Jangan bimbang," kata Johnny.

"Kau nampak tak ni?" Tarmizi menyangkan pisau lipat kecil berwarna putih kepada kami.

Kecut perutku melihat pisau yang tajam berkilat itu. Saiful semakin dekat menghampiri kami. Bukan main berani lagi dia. Mentang-mentanglah abangnya yang samseng itu

ada bersama. Kenapa dia tidak menunjukkan lagak samseng kepada Cikgu Faisal sewaktu dia mengaku berbohong?

“Kamu nak tunjuk lagak ya? Nak jadi hero konon!” Abang Tarmizi mencebik. “Kamu selalu intip kami kan? Kamu nampak ni?”

Abang Tarmizi sekali lagi menggawang-gewangkan pisau lipat yang panjangnya lebih kurang tiga inci itu.

“Kami tidak pernah intip kau. Kami tak tahu apa-apa. Kami tidak mahu menjaga tepi kain orang!” kataku berani.

“Cakap banyak pula ya!” kata Abang Tarmizi. Mukanya berubah sedikit.

“Hei, kami nak baliklah,” balas Johnny agak garang. “Kalau kau lakukan sesuatu pada kami, kami lapor polis!” ancamnya berani.


Muka abang Tarmizi yang sememangnya pucat itu kelihatan semakin pucat. Barangkali takut juga dia dengan perkataan ‘polis’ itu.

“Balik nanti.....nak basuh pinggan ya, nak jaga adik-adik ya,” kata Saiful mengejekku.

Johnny menarik tanganku.

“Jangan hiraukan dia!” katanya.





• BAB 11

•
*Selembut
Arusmu*

Sudah dua hari Kak Arfah dibenarkan keluar dari wad. Dia dinasihatkan supaya berehat di rumah. Kak Arfah juga diberi cuti selama seminggu. Selain daripada itu juga Kak Arfah dikehendaki ke hospital besar minggu depan untuk rawatan lanjut.

Selama dua hari jugalah ramai orang kampung menziarahi Kak Arfah. Mereka nampaknya kurang percaya bila emak mengatakan sakit Kak Arfah bukan kerana memakan ikan jelawat tempoh hari. Orang yang paling tidak mempercayai kata-kata emak ialah Mak Cik Peah.

"Awak sengaja nak sembunyikan hal yang sebenar Cik Hajar," tuduh Mak Cik Peah. Bibirnya terjueh panjang.

Hairan juga aku kenapa Mak Cik Peah beriya-nya sangat menuduh Kak Arfah sakit kerana memakan ikan jelawat yang beracun itu. Dia bukan doktor. Kenapa dia memandai-mandai sangat?

"Saya tidak sembunyikan apa-apa Cik Peah. Arfah tu sakit kerana fikirannya terganggu," kata emak memberitahu hal yang sebenar.

Mak Cik Peah mencebik. "Fikiran terganggu? Kenapa pulak jadi macam tu?" tanya seperti tidak mempercayai kata-kata emak.

"Fikirannya terganggu. Dia terlalu kuat bekerja dan malam pun dia kurang tidur, kerana menelaah pelajaran hingga lewat malam," kata emak.

"Itulah rajin sangat," sambung Mak Cik Peah sambil bangun dan berjalan menuju ke bilik Kak Arfah.

"Arfah tidur," kata emak. Dia tidak mahu Mak Cik Peah mengganggu Kak Arfah yang sedang berehat.

Mak Cik Peah tidak jadi ke bilik Kak Arfah. Dia mengerling tajam ke arahku yang sedang duduk membaca buku di tepi bilik Kak Arfah. Aku pura-pura tidak nampak jelingan dan senyumannya yang sinis itu. Aku duduk

sambil meneruskan pembacaanku. Hairan juga rasanya aku. Mak Cik Peah tidak pernah datang menjenguk aku dan adik-adik seperti Pak Cik Tapa dan Pak Cik Rahim sewaktu ketiadaan emak dan Kak Arfah.

Mak Cik Peah juga tidak pernah berkunjung ke hospital melawat Kak Arfah seperti jiran-jiran^{ku} yang lain. Tetapi bila mengetahui emak dan Kak Arfah sudah balik, mulalah dia datang bertandang. Itupun bukan untuk bertanya khabar, sebaliknya menuduh Kak Arfah sakit disebabkan sungai yang tercemar.

“Susah-susah sangat suruh Arfah berhenti sajalah Cik Hajar. Bekerja di kilang tu bukan sihat sangat. Banyak bahan kimianya. Gajinya pun murah. Buat apa nak sakitkan badan? Ikut saja si Rohaya tu, kerja di bilik berhawa dingin, fikiran pun tenang.....,” kata Mak Cik Peah sambil berjalan dengan langkah tergesa-gesa.

“Nak balik dah?” tanya emak. “Tunggu dulu saya buat air,” pelawa emak.

Mak Cik Peah tersenyum-senyum. “Tak payah susah-susahlah. Rohaya ada balik hari ini. Banyak dia bawa balik buah tangan, hm, maklumlah gajinya mahal.....beritahulah pada Arfah kau tu, tak payah belajarlah tinggi-tinggi, orang perempuan belajar tinggi pun, tak ke mana juga.....ke dapur juga akhirnya.....,”

Emak hanya mendiamkan diri. Barangkali emak malas mendengar kata-kata Mak Cik Peah. Bagi emak, biarlah anak-anaknya susah dahulu. Bagi emak biarlah betapa sukarnya hendak meneruskan hidup, tetapi pelajaran adalah perkara utama. Begitu emak selalu mengingatkan aku.

“Awak tahulah Cik Hajar.....tak lama lagi.....kilang tu akan jadi abu.....hm, rasakan!” bibir Mak Cik Peah semakin terjueh panjang. Mukanya yang tembam itu kelihatan menggelebeh. “Awak tu baik sangat, anak sakit pun, masih sayangkan kilang berpuaka itu, geram aku!”

“Terpulanglah,” itu saja jawapan emak. Muka emak tenang saja.

“Aku nak baliklah,” jawab Mak Cik Peah sambil menjeling tajam padaku sekali lagi.

“Kenapa Mak Cik Peah tu, mak?” tanyaku sebaik saja Mak Cik Peah pergi.

“Apa nak buat, perangnya macam tu,” kata emak sambil tangannya lincah menguli tepung untuk membuat karipap untuk dijual esok.

Sudah seminggu emak tidak membuat apa-apa makanan untuk dijual. Aku tahu emak tentu saja kekurangan wang kerana berulangalik menjaga Kak Arfah di hospital. Apa lagi sudah seminggu emak tidak menjual, sudah tentu wang emak berkurangan.

Namun, walau apapun, emak tidak pernah merungut. Betapa susah pun emak, emak masih mampu tersenyum melayan kerenah kami. Mengingati itu, aku semakin bersemangat untuk belajar bersungguh-sungguh. Aku juga berjanji pada diriku sendiri, bahawa aku akan menjadi seperti emak. Tabah dan sabar menghadapi apa jua rintangan.

Aku membaringkan diri di kerusi kayu di beranda rumah. Alangkah baiknya kalau Abang Mujahid ada bersama-sama saat ini. Sejak Kak Arfah keluar dari hospital, Abang Mujahid belum lagi datang ke rumahku. Aku tahu Abang Mujahid sekarang pergi ke laut menangkap ikan. Abang Mujahid juga segigih emak. Abang Mujahid juga setabah Kak Arfah. Aku sungguh berbangga dikelilingi oleh orang-orang yang tabah hatinya ini. Iya, aku berbangga dan bersyukur pada Tuhan.

Aku sedang memikirkan apakah yang dilakukan oleh Abang Mujahid ketika ini. Banyakkah ikan yang diperolehi oleh Abang Mujahid? Banyakkah? Atau Abang Mujahid sedang bergelut dengan laut yang ditumpahi dengan minyak hitam seperti kata arwah ayahku dulu. Tidak sabar rasanya aku mahu berjumpa dengan Abang Mujahidku.

Aku sudah menganggap Abang Mujahid seperti abangku sendiri. Kalaulah dia ada saat ini, tentu saja aku

akan bercerita tentang Abang Tarmizi dan Saiful yang cuba mengancam aku, Johnny, Jasmin dan Nirmala baru-baru ini. Aku ingin katakan pada Abang Mujahid, bahawa aku juga akan belajar bersilat dengan Pak Cik Rahim suatu hari nanti. Johnny juga telah belajar taekwando. Aku juga mahu jadi pandai dan gagah macam itu.

Bila agaknya Abang Mujahid akan balik? Aku juga ingin mendengar ceritanya tentang hutan. Bilakah agaknya Abang Mujahid akan mengajakku pergi dengan Pak Cik Deraman? Kalau Pak Cik Deraman izinkan, aku mahu mengajak Johnny, Nirmala dan Jasmin ikut sama. Alangkah seronoknya!

"Hutan merupakan kawasan tadahan hujan yang utama," kata Abang Mujahid suatu petang.

Ketika itu kami sedang menikmati ubi kayu rebus yang emak cabut di belakang rumah. Ubi kayu rebus yang masih panas itu semakin enak kalau dicicah dengan kelapa parut. Ditambah dengan air kopi panas. Wah, segalanya begitu menyelerakan.

"Kawasan tadahan hutan tu apa?" tanyaku ingin tahu.

"Kawasan hutan yang banyak dapat menampung kandungan air hujan yang banyak. Air tersimpan dalam daun, batang, akar dan buah tumbuhan," terang Abang Mujahid. Mulutnya kembong dengan ubi kayu. Tetapi suara dan penerangannya agak jelas. Lucu juga bila aku mengingatnya.

"Hutan juga dapat mengurangkan hakisan tanah," kata Abang Mujahid lagi. Aku mendengarnya dengan penuh teliti. "Ini dilakukan dengan aliran batang tumbuhan. Air hujan tidak akan terus menimpa permukaan bumi, sebaliknya akan mengalir turun melalui batang dan akar tumbuhan. Ini mengurangkan kelajuan air hujan yang tiba ke permukaan tanah,"

"Nah, makanlah ubi kayu ni cikgu," kataku bergurau.

Abang Mujahid ketawa kuat. Dia mencapai sepotong ubi kayu dan menyuapnya ke mulutku. Aku juga turut ketawa. Alangkah manisnya dan gembiranya hatiku bila teringatkan Abang Mujahid. Bilakah Abang Mujahid akan pulang? Entah kenapa rindu benar aku pada Abang Mujahid.

Hatiku resah tidak menentu. Bilakah Abang Mujahid akan pulang? Aku ingin bertanya itu pada emak. Tapi manalah emak tahu. Emak tidak tahu apa yang bergelodak dalam hatiku.

"Dah baca buku, Ariff? Termenung saja," kata emak mematikan lamunanku.

"Dah mak. Ni, pun Ariff bacalah," kataku sambil tunduk membaca buku semula.

"Jauh sangat mengelamun tadi," kata mak lagi.

"Ariff teringatkan Abang Mujahid," kataku berterus terang.

"Abang Mujahid kau pergi ke lautkan?" tanya emak inginkan kepastian.

"Iya," jawabku sambil mengangguk.

"Kalau panjang umur baliklah tu. Budak tu budak baik. Emak sukakannya. Dia rajin dan bersemangat besar. Kamu patut mencontohinya Ariff," Emak memuji Abang Mujahid.

Pujian itu membuatkan aku semakin rindukan Abang Mujahid.

"Curahan air hujan di permukaan tanah mudah menghakiskan tanah sekiranya butir-butir tanah itu longgar.....," kata-kata Abang Mujahid terngiang-ngiang di telingaku. Abang Mujahid memang banyak pengetahuan. Dia bijak. Tapi sayang, dia juga miskin seperti keluargaku. Namun, biarpun miskin wang, kata Abang Mujahid kita kaya dengan ilmu. Aku masih ingat dengan kata-kata itu.

".....tanah yang terhakis akan diangkut oleh air hujan.....ke sungai.....sungai pun jadilah cetek.....lama-lama jadilah banjir!"

"Kenapa banjir pula?" tanyaku tidak faham.

".....Hiss.....dungu sangatlah kamu ni Ariff, banjirlah sebab sungai tu dah cetek.....air sungai tidak dapat menampung air yang banyak lagi.....hiss.....itu pun tak fahammmmm?????"

Abang Mujahid pura-pura menarik telinga. Aku pura-pura menjerit kesakitan. Abang Mujahid ketawa terkekeh-kekeh. Aku juga ikut ketawa. Alangkah gembiranya hatiku. Alangkah manisnya kenangan itu.

Dari jauh kedengaran bunyi motorsikal datang berderum-derum, siapa pula yang datang? Aku menjengukkan kepala. Abang Budin rupanya. Buat apa dia datang? Abang Budin jarang-jarang saja datang ke rumahku. Dia lebih suka melepak di tepi-tepi jalan saja.

"Mak Cik Hajar.....Ariff.....," teriaknyanya cemas.

Dia terkocoh-kocoh datang menerpaku. Enjin motorsikalnya tidak dimatikan.

Emak menerpa ke pintu bila mendengar orang memanggilnya. "Ada apa Budin?" tanya emak cemas juga.

"Mujahid.....Mak Cik.....Mujahid!" kata Abang Budin dengan terketar-ketar.

"Mujahid? Kenapa dengan dia?" tanya emak seperti terkejut.

"Dia.....dia hilang di laut.....,"

Aku panik. Seluruh sendi-sendi terasa lemah. Pandanganku kabur. Emak memelukku kemas-kemas.

"Botnya terbalik dipukul ombak. Semua kelima-lima orang dalam bot tu hilang.....," kata Abang Budin muram.

Aku tidak dapat lagi menumpukan perhatianku pada pelajaran. Ingatanku hanya tertumpu pada Abang Mujahid saja. Sejak berita mengenai bot nelayan yang ditumpangi oleh Abang Mujahid terbalik, orang-orang kampungku asyik bercerita tentang hal itu. Mereka begitu gempar dengan berita yang tidak diduga itu.

Semua orang bersedih dengan berita itu. Namun, emak cuba menyakinkan aku bahawa Abang Mujahid selamat. Emak tidak mahu aku bersedih. Mata emak juga bengkok seperti mataku. Kak Arfah begitu juga. Malah Iwan, Munirah dan Fikri juga terasa kehilangan itu. Mereka juga menangis seperti terasa akan ketiadaan Abang Mujahid.

Abang Mujahid sudah menjadi sebahagian daripada kami. Malah aku menganggap Abang Mujahid seperti abang kandungku sendiri. Segala-galanya masih segar dalam ingatan kami. Mana mungkin kami dapat melupakan Abang Mujahid. Mana mungkin.

"Nanti selepas abang balik dari laut, abang akan ke hutan pula. Tidak sabar rasanya abang mengetahui siapa yang merosakkan alam indah ciptaan Tuhan itu. Tidak sabar rasanya abang mengetahui siapakah yang bertanggungjawab memusnahkan hidupan liar yang tidak berdosa itu," begitu kata Abang Mujahid.

"Ariff pun tidak sabar untuk ikut abang!" kataku pula.

"Nantilah, buat masa ni Ariff kena sabar dulu. Nanti bila segala masalah selesai, bolehlah Ariff ajak kawan-kawan Ariff tu ya.....,"

"Iya.....seronoknya, lambat lagi ke bang?"

"Lambat lagi agaknya.....tunggulah, sabarlah!"

Aku mengesat air mata yang mula tergenang di sudut mataku. Aku tidak mahu kawan-kawanku nampak aku menangis. Aku tidak mahu ada orang tahu bahawa aku rindukan Abang Mujahid.

"Kau menangis Ariff?" Nirmala tiba-tiba datang menghampiriku.

Aku mengangguk dan berpura-pura mencari sesuatu dalam meja. Nirmala merenungku dengan wajah penuh simpati.

"Sabarlah, aku yakin Abang Mujahid akan selamat. Dia akan kembali bersama-sama kita nanti, sabarlah," pujuk Nirmala cuba menyedapkan hatiku.

"Kau kena kuatkan semangat Ariff," kata Nirmala lagi. "Kita akan menghadapi peperiksaan tidak lama lagi. Kau kena bersungguh-sungguh. Persatuan Pencinta Alam perlukan kau. Kalau kau bersedih macam ni, tentu persatuan kita akan lesu. Apa lagi.....Cikgu Faisal dan Cikgu Husna akan melangsungkan perkahwinan tidak lama lagi.....,"


Aku tunduk mendengar kata-kata Nirmala itu. Memang benar katanya. Namun, apa dayaKu, aku terlalu sayangkan Abang Mujahid.

Cikgu Husna dan Cikgu Faisal akan berkahwin tidak lama lagi. Kalaulah Abang Mujahid ada, tentulah aku akan mengajaknya bersama-sama mendirikan khemah dan bangsal di rumah Cikgu Husna. Selalunya setiap kali kampungku mengadakan kenduri kendara, Abang Mujahid selalu mendapat undangan istimewa.

Orang-orang kampungku sangat sukakan Abang Mujahid. Dia rajin dan suka menolong orang. Sebab itulah kehilangannya menyebabkan seluruh kampung Tanjung Padang berdukacita.

Lebih-lebih lagi aku. Akulah orang yang paling rapat dengan Abang Mujahid di kampung itu. Mana mungkin aku dapat melupakannya.





• BAB 12

•
Selembut
Arusmu

Kak Arfah sudah pun bekerja semula. Meski pun wajahnya masih pucat, namun, doktor membenarkan Kak Arfah bekerja asalkan Kak Arfah mestilah mempunyai waktu rehat dan tidur yang cukup.

Aku gembira Kak Arfah telah pun sihat. Walaupun beberapa orang jiranku mengatakan Kak Arfah degil kerana masih mahu bekerja di kilang yang telah membuatnya jatuh sakit itu.

"Biarlah apa orang nak kata, Kak Arfah tahu sakit Kak Arfah bukan disebabkan bekerja di kilang itu. Sakit Kak Arfah bukan kerana memakan ikan jelawat itu. Kak Arfah percaya kata doktor. Dia yang memeriksa dan merawat kakak," demikian kata Kak Arfah bila aku memberitahu orang-orang kampung memarahinya kerana masih berdegil juga mahu bekerja di kilang itu.

"Emak kau pun sama dengan kakak kau, emak kau tak sayangkan anak. Emak kau sengaja menyuruh kakak kau tu bekerja kerana hendakkan duit. Emak kau lebih pentingkan duit daripada pelajaran. Sebab itu dia suruh kakak kau berhenti sekolah,"

Kata-kata Mak Cik Peah padaku petang kelmarin membuatkan air mata emak mengalir. Menyesal juga aku kerana memberitahu emak. Hati emak telah terluka. Namun emak tetap mahu bersabar. Emak berserah segala-galanya pada Tuhan.

Mak Cik Peah tidak tahu bahawa sewaktu emak menjaga Kak Arfah di hospital, duit simpanan emak hanya tinggal sedikit saja lagi. Namun emak tidak meminta-minta bantuan daripada orang kampung, emak meminta kebeperluan untuk memecah tabung duit simpananku untuk membuat modal menjual nasi lemak dan karipap. Orang lain tidak tahu itu.

"Ariff tidak boleh bermasam muka dengan orang. Biarlah apa mereka nak kata, mereka tetap jiran kita," kata emak menasihati.

"Padan muka kau, body guard kau dah tak ada!" ejek Saiful.

Aku terus mempercepatkan langkahku. Saiful mengikutiku dari belakang.

"Sekarang barulah kamu tahu langit tu tinggi rendah. Dulu kamu sombong sangat!" ejek Saiful sambil menggawang-gawang pisau lipat kecil seperti yang ditunjukkan oleh abangnya baru-baru ini.

Aku mengundur selangkah. Tidak ada sesiapa pun di sekelilingku. Hanya aku dan Saiful saja di kawasan padang yang luas itu. Saiful dengan wajah kebencian memandang. Apa salahku? Aku tidak mengerti kenapa Saiful begitu menyakiti hatiku.

"Kamu makin sombong bila Cikgu Faisal tidak lagi percayakan aku. Kamu makin sombong bila semua cikgu menaruh kepercayaan pada kamu. Kamu ingat kamu pandai ya? Kamu ingat kamu bijak iya?"

Aku hampir tidak mempercayai kata-kata Saiful itu. Apakah kerana itu maka dia cemburukan aku? Adakah kerana itu dia sentiasa mahu menyakiti hatiku?

"Sekarang, tidak lama lagi Cikgu Husna dan Cikgu Faisal akan berkahwin, mereka tidak akan hiraukan kamu lagi.....padan muka kamu. Mentang-mentanglah kamu anak emas mereka.....sombong!" Saiful semakin mendekatiku.

"Apa yang kamu mahu dariku, Saiful?" tanyaku kemudian. Kalaulah apa-apa yang terjadi padaku, tentulah tiada siapa yang tahu. Tidak ada sesiapa di padang bola di kampung ini. Hanya aku dan Saiful.

"Aku mahu ajar kamu. Kamu sombong, bongkak!" herdik Saiful meniru gaya samseng yang selalu aku lihat di televisyen.

"Aku tak pernah sombong, aku tak pernah bongkak!" kataku membela diri. Buat apa aku sombong? Buat apa aku bongkak? Buat apa?

"Aku benci melihat kau disayangi kawan-kawan. Aku benci melihat kau dipuji guru-guru. Aku tidak!!!" muka Saiful merah. Pisau di tangannya diangkat tinggi-tinggi.

Barulah aku faham. Rupanya dia cemburukan aku. Kasihan Saiful. Aku memandang mukanya. Ingin saja aku berbaik-baik dan mengajaknya berkawan bersama-samaku.

Namun belum sempat aku berkata-kata, Saiful terlebih dahulu menerkamku. Aku terjatuh tertiarap. Saiful menyepakku bertubi-tubi. Aku segera bangun untuk menyelamatkan diri. Aku tidak mahu bergaduh. Biarpun dia menuduhku pengecut. Biarlah.

“Jangan lari!” pekiknya sambil mengejarku.

Sekali lagi Saiful berjaya menjatuhkan aku. Kali ini kakinya betul-betul di atas perutku.

“Aku tidak mahu bergaduh. Aku sayangkan emakku,” kataku berterus terang.

Saiful menyeringai macam hantu mahu menghisap darah mangsanya. Gerun juga aku melihatnya.

“Sekarang baru kau kenal siapa aku ya?” katanya sambil mendabik dada.

“Lepaskan aku,” kataku sambil cuba menolak kakinya yang menekan kuat perutku.

“Anak manja!” ejeknya. “Pondan!”

Aku terasa sakit bila kakinya menghenyak-henyak perutku. Dengan kekuatan yang ada, aku menolak kakinya kuat-kuat. Saiful jatuh. Pisau kecilnya terpelanting jauh.

Aku dan Saiful berebut pisau kecil itu. Aku tidak mahu Saiful bermain dengan pisau yang membahayakan itu. Dia tidak boleh terpengaruh dengan adegan televisyen yang ganas itu. Dia tidak boleh meniru lagak samseng dalam siri televisyen itu.

Pisau kecil itu sempat diambil oleh Saiful. Dia ketawa kuat. Namun alangkah peliknya. Saiful tiba-tiba lari lintang pukang macam orang ketakutan.

Terpinga-pinga aku dibuatnya. Dia takutkan akukah? Sambil menyapu-nyapu bajuku yang kotor bekas dihenyak Saiful, aku cuba mengorak langkah untuk pulang. Perutku senak bukan main.

Ada sesuatu yang menyebabkan langkahku mati. Satu lembaga berdiri tidak jauh dari tempat kub berdiri. Aku

terpegun. Tuhan, mimpikah aku?

"Abang Mujahid!" jeritku antara sedar dan tidak. Aku berlari mendapatkan Abang Mujahid dan memeluknya kemas-kemas.

"Abang tidak mati? Abang masih hidup?" tanyaku sambil menangis kegembiraan. Sakit perutku tidak terasa lagi.

Abang Mujahid juga menangis. Dia turut memelukku. "Abang masih hidup kerana berkat doa Ariff dan keluarga Ariff. Syukurlah, kita masih dapat bersama lagi,"

"Patutlah Saiful lari lintang pukang tadi," kataku sambil ketawa. "Dia sangkakan abang hantu!"

Abang Mujahid ketawa. "Kenapa Ariff ada di sini?" tanyanya.

"Ariff rindukan abang. Selalunya kalau tidak di tepi sungai, abang duduk di padang ini bermain bolakan?" kataku.


"Iya. Sebab tu abang cari Ariff di sini. Tak ada di sungai, bermakna Ariff ada di sini," kata Abang Mujahid.

Kami berjalan beriringan. Lapang sungguh dadaku. Tidak ku duga, aku masih dapat bersama-sama lagi seperti dulu. Cerita bagaimana Abang Mujahid jatuh ke laut bila botnya terbalik dipukul ombak membuatkan aku insaf betapa perit getirnya hidup sebagai nelayan. Aku teringatkan arwah ayahku, barang kali begitu jugalah keperitan yang dialaminya.

"Mujurlah abang sempat berpaut pada papan yang pecah. Kebetulan waktu itu bot peronda yang mengawasi kapal-kapal asing yang membuang sisa minyak di laut lalu ikut situ. Kami semua dapat diselamatkan. Tuhan masih sayangkan abang,"

"Abang serik?" tanyaku menduga.

"Tidak," jawab Abang Mujahid tegas. "Ajal maut di tangan Tuhan. Kita hanya berserah. Lepas ini abang akang ikut Pak Cik Deraman ke hutan pula. Mudah-mudahan orang yang mengkhianati alam sekitar dan hidupan liar itu



dapat ditangkap. Ariff pun tentu mengharapkan hal itu menjadi kenyataan?”

“Iya,” jawabku sepatah. Namun jauh di sudut hati, aku tetap mendoakan cita-cita dan harapan Abang Mujahid itu termakbul. Seperti juga aku mengharapkan dia selamat sewaktu hilang di laut dulu. Tuhan, makbulkanlah doaku.

Berita mengenai Abang Mujahid dan empat orang nelayan yang terselamat begitu cepat tersebar. Orang-orang kampungku begitu gembira dengan berita itu. Mereka telah sepakat untuk mengadakan kenduri kesyukuran. Mesyuarat ahli-ahli jawatankuasa kampung telah diadakan.

Hasil daripada mesyuarat itu mereka telah berpakat untuk mengadakan kenduri itu di balai raya di kampung kami. Oleh kerana pada hari yang ditetapkan, balai raya akan digunakan untuk kelas jahitan, maka majlis kenduri kesyukuran itu terpaksa diadakan di surau kampung kami yang letaknya berhampiran dengan sungai.

“Kita tidak perlu mengadakan kenduri besar-besaran,” cadang Pak Haji Rahim. “Kita buat lauk ala masakan kampung yang kita makan hari-hari. Kita tanak nasi, kita masak sayur pucuk paku, singgang ikan tongkol, buat kerabu taugeh dan celur pucuk ubi kayu cich budu,”

Semua orang-orang bersetuju dengan cadangan itu. “Sebelum malamnya bolehlah kita mengadakan sembahyang hajat dan majlis tahlil,” cadang Pak Haji Rahim lagi.

Pada hari yang ditetapkan itu orang kampung mula bergotong royong menyediakan itu dan ini. Pak Cik Tapa telah membawa sebakul besar sayur pucuk paku yang terdapat di kebunnya. Begitu juga dengan pucuk ubi kayu. Ada juga yang membawa jantung pisang untuk dicelur buat dicitah dengan budu.

Aku dan Iwan sibuk mengutip ulam-ulam segar seperti pegaga, ulam raja, petai dan jering untuk dihidang

bersama-sama lauk pauk nanti. Selain daripada itu emak sibuk mengutip buah kelapa yang banyak luruh di belakang rumahku.

Pendek kata, semua lauk pauk yang kami masak hari itu semuanya terdiri dari bahan-bahan yang telah sedia ada di kampung kami. Kami tidak perlu mengeluarkan belanja yang besar untuk mengadakan kenduri kesyukuran dan sembahyang hajat.

"Maaflah aku tidak dapat datang dan tolong memasak untuk kenduri tu. Aku kena hantar Rohaya berkursus di Kuala Lumpur. Dia naik pangkat," kata Mak Cik Peah memberitahu emak.

"Itulah, aku suruh si Arfah tu berhenti kerja kilang, kau degil, tengok Si Aya tu, dah naik pangkat bukan? Gajinya juga besar!" Bukan main bangga lagi Mak Cik Peah kulihat.

"Biarlah Arfah duduk bersama-sama saya di kampung ni. Saya mahu dia belajar lagi. Kerja di kilang tu sementara saja. Biarlah kami susah sedikit, asalkan anak-anak dapat pelajaran secukupnya," jawab emak memamiskan mukanya.

Wajah Mak Cik Peah berubah sedikit mendengar kata-kata emak. Barangkali dia berasa tersindir. Biarlah, sekurang-kurangnya Mak Cik Peah tahu bahawa emak tidak sebagaimana yang dia sangkakan. Sekurang-kurangnya dia tidak menuduh emak sengaja menyuruh Kak Arfah bekerja untuk menambah pendapatan keluarga.

"Air paip tak adalah. Ada paip pecah dekat jalan besar sana!" kata Abang Budin yang ditugaskan membasuh pinggan mangkuk yang berdebu kerana sudah lama tidak digunakan.

"Nak buat macam mana? Ambil air perigi?" sampuk pula Abang Tapa. Tangannya penuh dengan kelapa parut. Abang Tapa ditugaskan mengukur kelapa.

"Perigi? Mana ada perigi dekat-dekat sini.....," sahut Mak Cik Milah yang sedang sarat mengandung itu.

"Di rumah Pak Ngah Leman tu adalah, tapi jauh sangat!" kata Abang Mujahid.

"Itulah dulu ada perigi di surau ni kau orang timbus, mentang-mentanglah ada air paip," kata Abang Tapa. "Sekarang air paip dah tak ada, nasi tengah menggelegak ni, nak buat macam mana?"

Akhirnya memang tidak ada jalan lain lagi. Kami semua terpaksa menggunakan air sungai saja. Pilihan lain tidak ada. Menunggu paip rosak dibaiki akan memakan masa yang lama. Nasi sudah ditanak. Ikan sudah disiang sejak awal-awal lagi.

Mahu tidak mahu kenduri mesti diteruskan juga. Kami terpaksa menggunakan air sungai itu. Pada mulanya Abang Mujahid tidak bersetuju. Bukan kerana kami menganggap air sungai itu tercemar, tapi mengenangkan air sungai yang kami ambil itu berdekatan dengan tempat pembuangan najis ayam Pak Cik Karim.

"Biar saya angkut air dengan motorsikal," syor Abang Mujahid.

"Air mana?" tanya Abang Budin.

"Air telaga Pak Ngah Karim," jawab Abang Mujahid.

"Tak payahlah. Kamu masih kurang sihat. Kami mahu adakan kenduri ni untuk kamu semua. Kita gunakan air sungai saja," putus Abang Tapa.

Bila Abang Tapa memberi kata putus, kami tidak berani lagi membantah. Semua orang tahu perangai Abang Tapa. Akhirnya air sungai terpaksa digunakan juga.

"Semua sudah masak, tinggal untuk makan saja lagi," kata Pak Haji Rahim yang dilantik mengepalai majlis kenduri itu.

Begitu lazat dan enak juadah ciptaan kami hasil kerja sama orang-orang kampung. Begitu aman dan harmoni bila kami bekerja dan makan bersama. Memang begitu selalunya. Setiap kali ada kenduri kendara kami sepatat bergotong royong menjayakannya. Namun itulah, perangai manusia tidak semuanya sama. Tidak semua yang bulat itu sama saiznya. Begitu kata emak padaku bila aku

mengungkit Mak Cik Peah dan beberapa orang kampungku tidak menyertai kenduri kesyukuran baru-baru ini.

“Mak Cik Peah nak ke Kuala Lumpur, sebab tu dia tidak dapat datang,” kata emak tidak mempedulikan ngomelanku.

“Pak De Awang pun tidak mahu datang. Dia marah kerana orang kampung gunakan air sungai yang tercemar itu. Katanya orang kampung kita ni degil. Tak bersatu hati. Kenapa dia marah sangat mak?” tanyaku tidak faham dengan kerenah Pak De Awang yang datang pada hari kenduri itu dengan muka marah-marah bila mendapat tahu kami terpaksa menggunakan air sungai yang dikatakan tercemar itu.

“Pak De Awang bukan marah kerana apa. Dulu pendapatannya agak banyak kerana menjual ikan-ikan sungai tu. Sekarang pendapatannya dah berkurangan. Ariff tahu kan? Ikan-ikan sungai di kampung kita dah berkurangan. Tidak banyak macam dulu,” kata Kak Arfah menerangkan duduk perkara.

“Jadi Pak De Awang samalah seperti Mak Cik Peah tu?” tanyaku macam orang bodoh pula.

“Agaknya begitulah,” jawab Kak Arfah pula.

Kak Arfah memang tidak berminat membicarakan hal orang. Setiap kali aku cuba bersungguh pasal Mak Cik Peah yang mengada-ngada itu, Kak Arfah akan memarahiku. Kak Arfah tidak suka aku menjaga tepi kain orang katanya. Emak juga begitu.

Mujurlah ada Abang Mujahid. Sekurang-kurangnya Abang Mujahid mendengar keluh kesah yang aku suarakan. Abang Mujahid akan mendengar dengan penuh minat. Barangkali Abang Mujahid memang sependapat denganku. Barangkali itulah.

“Mereka bukan tidak mahu dengar apa yang Ariff kata,” ujar Abang Mujahid seperti mahu menyedapkan hatiku. “Barangkali emak dan Kak Arfah tidak mahu Ariff menjaga tepi kain orang,” katanya membela emak dan Kak Arfah.

Menjaga tepi kain orang? Aku sendiri tidak mengerti. Menjaga tepi kain orangkah kalau kita melihat seseorang itu melakukan kesalahan? Walau apapun, dapat aku rasakan betapa emak juga kurang senang dengan sikap Mak Cik Peah itu. Emak sengaja tidak mahu menyatakannya padaku. Emak memang perahsia orangnya.

"Abang, salahkah kalau kita ambil tahu kesalahan yang dilakukan oleh Mak Cik Peah?" aku menjentik-jentik habuk di hujung jariku.

"Kesalahan macam mana tu? Membuang najis ayam dalam sungai tu?"

"Iya. Salahkah kalau kita membicarakan mengenai Pak Cik Tapa yang membuang sisa racun serangga ke dalam sungai. Salahkah kalau kita beritahu orang sikapnya yang suka membuang bekas-bekas racun tu ke dalam sungai?"

"Memang tak salah. Macam kita marahkan orang membuang sampah di merata-rata tempat di daratan. Membuang sampah ke dalam sungai juga merupakan kesalahan dan patut didenda. Macam membuang sampah di taman permainan juga, macam di tempat-tempat lain....,"

Aku teringatkan Encik Borhan, penceramah yang datang berceramah di sekolahku dulu. Pernah dia memberitahu kami bahawa dia akan datang berceramah di kampung-kampung untuk memberitahu orang ramai mengenai kepentingan menjaga alam sekitar.

Ah, kenapa aku bodoh sangat? Bukankah aku perlu merebut peluang itu? Bukankah aku perlu menjemput Encik Borhan untuk datang berceramah di kampungku? Tentu Abang Mujahid akan membantuku. Tentu!

"Bagus cadangan kamu tu," puji Abang Mujahid menepuk-nepuk bahu seperti selalu. "Abang ahli jawatan kuasa persatuan belia dan rakan muda kampung, bolehlah abang rekomenkan," Abang Mujahid memberi jaminan.

"Okay, beres!" kataku gembira.

"Abang akan adakan mesyuarat tidak lama lagi,"

“Abang akan adakan mesyuarat tidak lama lagi,”
Kata-kata Abang Mujahid itu telah meniupkan api semangat padaku.

Kalau dulu seluruh Kampung Tanjung Padang gempar dengan kisah bot nelayan yang hilang di laut, sekarang kampung itu sekali lagi gempar dengan peristiwa yang sungguh tidak diduga.

“Kampung kita telah dilanda malapetaka!”

“Kampung kita telah diracun, diracun oleh kilang jahanam tu!”

“Habis sungai di kampung kita dicemari oleh kilang berpuaka tu. Tengok, ramai penduduk kampung kita yang jatuh sakit secara tiba-tiba. Tengok, semua angkara sungai tu, tengok!”

Kemarahan orang-orang kampungku sudah tidak dapat dibendung lagi. Semuanya berpunca dari kenduri hari itu. Sebahagian besar penduduk kampungku telah mengalami cirit birit dan muntah-muntah. Sebahagian yang lain mengalami penyakit kulit menyebabkan seluruh badan mereka dipenuhi bintik-bintik merah.

Aku juga tidak terkecuali. Walaupun aku tidak dijangkiti penyakit kulit seperti orang lain, namun perutku memulas bagaikan tali-tali perutku dipintal-pintal. Aku juga mengalami cirit birit seperti orang-orang lain juga.

Sesiapa pun tidak terkecuali. Emak pun begitu. Kak Arfah, Iwan, Munirah dan Fikri pun sama. Abang Mujahid pun begitu. Mujurlah tidak serius sangat. Namun, kejadian itu cukup-cukup membuatkan orang kampungku tidak dapat menahan kemarahan lagi.

“Tengok, habis wad di hospital tu dipenuhi oleh orang-orang kampung kita. Lama-lama kubur di hujung kampung pun penuh oleh kita semua. Kita bakar kilang tu, kita bakar!”

Begitu bersemangat sekali Pak Cik Karim, suami Mak Cik Peah.

"Kilang tu tak bermanfaat untuk kita. Tidak ada faedah! Kita bakar! Kita bakar!"

Begitu beriya-iyanya Pak De Awang.

"Aku setuju! Aku setuju!"

Sampuk pula Abang Tapa.

"Kita bakar! Kita bakar biar jadi abu!"

Sokong Abang Budin.

"Nanti dulu," Pak Haji Rahim cuba menenangkan suasana. "Esok, ramai orang akan melawat kampung kita. Sejak berita mengenai kita masuk dalam surat khabar, wakil-wakil rakyat dan pegawai-pegawai kesihatan akan datang ke kampung kita. Mereka akan menyiasat perkara sebenarnya. Bersabar sajalah!"

"Kami tidak mahu bersabar lagi. Sudah lama kami bersabar!" pekik Pak De Awang.

"Iya, kami juga tidak boleh bersabar lagi. Esok, kami akan bertemu dengan tuan punya kilang itu. Kalau dia tidak mahu tutup kilang itu, kami akan tutup sendiri.....ha! ha! ha!.....," tempik Abang Budin. "Kami akan tutup dengan ini....." Abang Budin menyalakan mancis dan menggawang-gewangkannya di udara.

Tok Penghulu dan Pak Haji Rahim hanya menggeleng-geleng kepala. Mereka sudah tidak dapat berbuat apa-apa lagi. Kemarahan orang-orang kampung sudah tidak boleh dibendung. Mereka sukar dibawa berunding. Mereka tidak mahu sebarang penyelesaian lagi. Mereka telah memberi kata putus.


Mereka sudah muktamad.

Mereka sudah tekad.

Mereka sudah memberi kata putus.

Keputusan mereka sudah jitu.

"Tapa.....Tapa.....," tiba-tiba Malik, anak saudara Pak Haji Rahim datang tergopoh gapah.



BAB 13

*Selembut
Arusmu*

Anak Pak Cik Tapa yang baru dilahirkan sungguh comel. Wajahnya seiras dengan ayahnya. Geli juga hatiku melihat rambutnya yang jarang-jarang seperti Pak Cik Tapa. Hidungnya juga agak mancung macam Pak Cik Tapa. Cuma matanya besar sedikit macam mata emaknya, Mak Cik Milah. Tidak seperti mata Pak Cik Tapa yang sepet sedikit itu.

“Sukalah Pak Cik Tapa, dapat anak lelaki,” kata Kak Arfah sewaktu kami menziarahi mereka sebaik saja Mak Cik Milah dibenarkan keluar dari hospital selepas sehari bersalin.

“Mak Cik Milah nak beri nama apa ni?” tanyaku sambil mencuit sedikit hidungnya yang kecil itu.

Baunya sungguh sedap. Ingin rasanya aku meriba bayi itu. Dia merengek-rengok kecil dan membuka matanya yang kecil itu.

“Kami belum fikirkan namanya lagi,” kata Mak Cik Milah. Mukanya masih pucat. Matanya cengkung sedikit.

“Mujur juga Pak Cik Tapa sempat telefon ambulan hari itu. Kalau tidak tak tahulah apa yang terjadi pada mak cik,” kata Mak Cik Milah sambil mengangkat bayinya untuk disusukan.

“Untung juga ada telefon ya pak cik,” kataku separuh menyindir. Dulu Pak Cik Tapa mengatakan telefon tidak penting baginya. Aku masih ingat lagi kata-kata itu.

“Mujur juga jalan menuju ke kilang itu dibaiki dan diperbesarkan, kalau tidak, susah juga ambulan mahu masuk,” kata Kak Arfah pula.

Kak Arfah menjelingku. Aku tahu tentu saja Kak Arfah menyindir Pak Cik Tapa.

Pak Cik Tapa menggaru-garu kepalanya yang tidak gatal. Barangkali dia juga bersetuju dengan kata-kata kami berdua itu. Pak Cik Tapa sebenarnya baik orangnya. Cuma dia mudah melenting dan suka mengikut telunjuk orang lain.

Sedang kami asyik berbual-bual itu, Mak Cik Peah datang bersama anak lelakinya yang bernama Amran. Amran sama umurnya dengan Iwan adikku. Mereka sekelas dalam Tahun Empat Cempaka.

"Emak kamu tak datang?" tanya Mak Cik Peah sebaik saja sampai.

"Emak baru balik," beritahu Kak Arfah.

"Hai, cepat sangat balik," kata Mak Cik Peah mencebik sedikit.

"Sibuk sangat emak kamu tu," selanya semacam sengaja menyakitkan hati kami berdua.

"Kenapa Amran tu, Kak Peah? Nampak macam kena campak saja, pucat saja pulak tu.....dia demam?" celah Mak Cik Milah.

Semua orang memandang ke arah Amran. Memang kulitnya kelihatan seperti terkena campak. Bintik-bintik merah hampir memenuhi seluruh tubuhnya. Mukanya pun pucat saja. Macam orang kurang sihat saja. Amran tunduk saja bila diperhatikan begitu.

"Hari ni kamu tak mandi sungai? Suka sangat mandi sungai ya," tegur Pak Cik Tapa sambil menepuk paha Amran.

Amran cuba tersengeh sambil menggaru-garu lengannya yang gatal. Kasihan sungguh aku melihatnya. Kenapa Mak Cik Peah tidak membawanya ke hospital saja?

"Macam mana Arfah? Kamu dah fikir masak-masak?" tiba-tiba Mak Cik Peah mengajukan soalan pada Kak Arfah.

Bayi yang baru hendak tidur itu menangis pula. Barangkali dia terkejut dengan suara kuat Mak Cik Peah yang tiba-tiba saja menengking macam anjing dilempar batu itu.

"Fikir masak-masak apa, Mak Cik Peah?" tanya Kak Arfah berpura-pura tidak faham.

"Kilang tu tak lama lagi akan jadi abu. Kamu nak bekerja di mana pula? Kan elok bekerja di tempat Rohaya tu bekerja. Boleh juga ke Kuala Lumpur. Tidaklah asyik

memerap di celah ketiak mak saja!" kempen Mak Cik Peah macam orang menjual ubat saja layaknya.

Kak Arfah cuma tersenyum saja. "Saya pun dah nak berhenti kerja kilang tu, Mak Cik Peah," jawab Kak Arfah selamba.

"Ha....baguslah tu. Kan betul pendapat aku tu!" sampuk Mak Cik Peah gembira. "Bila nak berhenti?" tanyanya tidak sabar.

"Saya nak tumpukan perhatian pada pelajaran saya, Mak Cik Peah. Biarlah saya tidak ke Kuala Lumpur, biarlah saya duduk di kampung saja. Hati saya lapang, fikiran saya tenang!"

Muka Mak Cik Peah serta merta berubah mendengar kata-kata Kak Arfah. Bibirnya diketap-ketap. Barangkali marah benar dia.

"Habis, kamu ingat Kuala Lumpur tu tak baguslah iya?" kali ini, suara Mak Cik Peah berubah menjadi kasar macam serak itik serati saja kudengar.

"Saya tak kata gitu," jawab Kak Arfah. "Er, saya nak balik dulu. Saya nak tolong emak buatkan nasi lemak untuk dijual esok," sambung Kak Arfah lagi sambil meminta diri untuk pulang.

Abang Mujahid telah berjaya memujuk Abang Budin untuk menyertai Persatuan Belia Kampung Tanjung Padang. Dulu Abang Budin suka melepak dan membuang masa di tepi-tepi jalan dan ke sana ke mari tanpa tujuan. Sekarang Abang Budin telah menjadi sebahagian tenaga penggerak persatuan belia kampung kami.

Dalam mesyuarat baru-baru ini, Abang Mujahid dan semua ahli-ahli persatuan belia telah bersetuju untuk menjemput Encik Borhan berceramah di kampung kami.

"Elok juga tu," puji Pak Haji Rahim. "Baru-baru ini pun, sewaktu wakil rakyat dan pegawai kesihatan datang ke kampung kita, sungai di kampung kita memang kotor. Cuma laporan saja yang belum siap. Nantilah, bila siap nanti kita akan jemput pegawai kesihatan sekali untuk memberi ceramah,"

Gembira sungguh hatiku mendengar kata-kata Pak Haji Rahim itu. Tentu saja penduduk-penduduk kampungku akan memberi kerjasama yang sewajarnya. Mereka tentunya mahukan persekitaran mereka bersih. Tentu saja mereka mahu kehidupan mereka sentiasa sihat dan sejahtera, Tentu, iya tentu. Aku mengharap-harap.

"Sudah ramai orang-orang kampung kita yang dimasukkan ke wad hari tu dah dibenarkan keluar. Memang sah mereka menghidapi cirit birit kerana minum air sungai yang beracun tu," kata Pak Haji Rahim memberitahu kami.

"Patutlah marah benar Pak De Awang hari tu. Sekarang, anaknya Si Ayub tu yang masih ditahan. Mujur tak berapa serius. Kalau tidak, tentu mengamuk Pak De Awang tu. Dahlah.....pendapatannya terjejas. Kasihan dia," tambah Abang Budin.

Sejak Abang Budin menyertai persatuan belia, dia makin aktif. Dia tidak lagi melepak di tepi-tepi jalan atau mengganggu orang lalu lalang. Sekarang dia sudah membuka warung menjual air tebu dan menjual Burger. Dia berkongsi dengan sepupunya, Fakhri.

"Jadi mereka semua nak bakar kilang tu, Pak Haji?" tanyaku. Perasaan bimbang dan takut sudah lama bersarang dalam sanubariku. Bagaimana kalau mereka benar-benar membakar kilang tersebut? Bukankah itu kerja berbahaya? Bukankah perbuatan itu merupakan satu kesalahan yang besar di sisi undang-undang?

"Mereka tidak boleh mengambil jalan singkat macam tu. Kita belum tahu lagi apa yang menyebabkan sungai kampung kita tercemar. Kita tidak boleh main tuduh saja. Kalau benar pun, cara yang lebih baik ada. Bukan dengan membakar macam tu.....kan?" tenang saja suara Pak Haji Rahim kudengar.



Abang Budin mengangguk-ngangguk sambil membetulkan topi biru yang selalu dipakainya. Pakaiannya pun sudah nampak kemas dan bersih. Tidak seperti dulu. Comot dan selekeh saja. Dia pun sudah semakin rapat dengan Abang Mujahid.

"Kau tak berkawan lagi dengan Tarmizi anak Pak Cik Karim tu?" tanya Pak Cik Rahim pada Abang Budin.

Abang Budin cepat-cepat menggeleng. "Tak, saya pun tak tahu apa nak buat. Dia merosakkan diri sendiri. Menghisap dadah tukang macam membunuh diri sendirikan Pak Haji?"

Pak Haji Rahim mengangguk-ngangguk. Kemudian menggeleng-geleng kepalanya seperti kesal. Aku sendiri pun hairan, kenapa Pak Cik Karim dan Mak Cik Peah tidak menghiraukan segala apa yang berlaku pada anak-anak mereka? Kenapa mereka asyik menjaga tepi kain orang saja? Kenapa kelakuan anak-anak mereka tidak diambil berat?

Aku sudah mendengar Kak Arfah merungut pasal ini. Kak Arfah memberitahu emak bahawa dia kurang senang dengan sikap Mak Cik Peah membanding-bandingkan dirinya dengan Rohaya. Tetapi emak seperti selalu, memujuk Kak Arfah supaya tidak mengambil hati dengan Mak Cik Peah. Emak menyuruh Kak Arfah bersabar saja.

Pak Cik Tapa datang sambil berlari-lari mendekati kami. Nampak macam cemas saja. Dari jauh, Pak Cik Tapa nampak macam pelari handalan saja. Bukan main kuat lagi pecutnya. Kami semua ketawa gelihati melihat telatahnya yang kadang-kadang melucukan itu.

"Ha.....ada apa, Tapa? Nampak macam dikejar hantu saja.....mana motorsikal kau?" tegur Pak Haji Rahim.

Pak Cik Tapa tercungap-cungap kelelahan. Mukanya merah padam. "Tadi.....tadi aku nampak landrover polis masuk kampung kita.....aku nampak.....aku nampak....." Pak Cik Tapa berhentihenti sambil menarik nafas dalam-dalam.

"Nampak apa?" tanya Abang Budin sambil meloncat turun dari motorsikalnya.

"Tarmizi.....anak Pak Cik Karim tu.....dia kena tangkap polis.....," kata Pak Cik Tapa termengah-mengah.

Kami terkejut dengan berita itu. Lebih-lebih lagi aku. Memang aku tidak menduga Tarmizi akan ditangkap polis. Entah apalah perasaan Mak Cik Peah agaknya. Tentu saja dia akan menangis kesedihan.

"Kenapa dia ditangkap? Kerana menagih, tukah?" tanya Pak Haji Rahim yang juga terkejut dengan berita itu. Dia mengucap beberapa kali.

"Bukan kerana dadah saja, tapi kerana mencuri juga, Pak Haji," beritahu Pak Cik Tapa lagi. Dia mencekak pinggang macam orang sedang marah saja kelihatannya.

"Habis, macam mana dengan Pak Cik Karim dan Mak Cik Peah?" tanya Abang Budin. "Dia menangis dan meraung. Tentu dia mengamuk?"

Abang Tapa menggeleng-geleng kepalanya. "Kau orang tahu? Dia bukan saja mengamuk, tapi dia memarahi polis tu kerana menangkap anaknya. Dia kata anak-anaknya baik. Anak-anaknya tidak bersalah,"

"Itulah kalau suka sangat jaga tepi kain orang. Anak-anak sendiri terabai," kata Pak Haji Rahim lagi.

Aku cuma menundukkan kepala. Memang betul apa yang dikatakan oleh Pak Haji Rahim. Bagaimana kalau emak tahu akan hal ini? Ah, tentu saja peristiwa ini akan tersebar sebentar lagi. Kasihan Mak Cik Peah. Apa perasaannya agaknya? Tentu saja dia sedih.

Sewaktu aku pulang ke rumah selepas ikut orang ramai berkumpul dekat balai raya itu, aku dapati emak tidak ada di rumah. Yang ada cuma Iwan saja. Muka Iwan masam mencuka. Dia duduk menongkat dagu sambil matanya menjeling tajam ke arahku.

"Abang ke mana? Emak cari abang tadi. Asyik berjalan saja," marah Iwan sebaik saja aku sampai dekat tangga. "Iwan nak ikut emak pergi tengok Amran di hospital,"

Aku terkejut mendengar kata-kata Iwan itu. Amran masuk hospital? Kenapa pula? Bukankah tadi kata Pak Cik Tapa, Tarmizi ditangkap polis dan Mak Cik Peah ada bersama-sama?

"Bila Amran masuk hospital? Dia sakit apa?" tanyaku sambil duduk di sisi Iwan. Aku memaut bahunya dengan penuh kasih sayang.

"Entahlah. Mak kata dia sakit kulit, gatal-gatal agaknya," jawab Iwan mulai mesra kembali.

"Mana emak tahu Amran masuk hospital?" tanyaku ingin tahu lebih lanjut lagi.

"Tadi mak Cik Peah ada datang, dia minta tolong emak tengok-tengokkan Amran di hospital kerana dia hendak ke balai. Abang Tarmizi ditangkap oleh poliskan?"

Aku cuma mengangguk mendengar kata-kata Iwan itu. Alangkah luhurnya hati emak. Dia sedikit pun tidak berdendam pada Mak Cik Peah yang banyak menyakiti hatinya. Sedikit pun dia tidak menyimpan perasaan dendam. Dulu semasa emak bersusah payah menjaga Kak Arfah di hospital, sesaat pun Mak Cik Peah tidak menjenguk mereka di hospital.

Sekarang? Barangkali baru Mak Cik Peah sedar akan kesilapannya. Dulu dia sombong dan bongkak. Bukan main bangga lagi dia dengan Abang Tarmizi yang kononnya baik dan pintar. Bukan main gembira dia menghebahkan ke serata kampung kononnya Abang Tarmizi akan menjadi penyanyi terkenal.

Abang Tarmizi sanggup berhenti sekolah semata-mata untuk menjadi penyanyi. Mak Cik Peah ikut sama menghantar anaknya ke Kuala Lumpur untuk diuji bakat menjadi penyanyi. Malangnya Abang Tarmizi tidak terpilih. Barangkali Abang Tarmizi malu dan bergaul dengan budak-budak jahat. Sebab itu dia ikut menjadi rosak sekarang. Kasihan Abang Tarmizi.

"Apa akan terjadi pada Abang Tarmizi bang?" tanya Iwan sambil memandang wajahku dengan sinar mata yang redup. Barangkali dia juga ikut terharu pada nasib Abang Tarmizi.

Aku memeluk bahunya semakin erat. "Abang pun tidak tahu. Mungkin Abang Tarmizi akan dimasukkan ke pusat pemulihan. Semoga selepas keluar nanti dia akan

insaf....," kataku perlahan.

Iwan mengangguk. Barangkali dia juga berharap seperti apa yang aku harapkan. Iwan memang mesra dengan Amran. Amran pula tidaklah seperti Saiful yang sentiasa memusuhi. Tiba-tiba saja aku teringatkan Saiful. Pelik juga, kenapa Saiful cemburu padaku? Kalau cemburu, kenapa aku yang jadi sasarannya?

Barangkali Saiful juga memerlukan perhatian orang lain. Dia mahu guru-guru sentiasa memberi perhatian padanya. Sebab itulah dia cemburuan aku bila aku aktif di sekolah. Dia begitu iri hati bila melihat aku selalu berdampingan dengan guru-guru. Terutama Cikgu Faisal dan Cikgu Husna. Ah, maafkan aku, Saiful!

Aku teringatkan bagaimana dia cuba memfitnah dan memburukkan aku. Sanggup dia menemui Cikgu Faisal dan menuduh aku membuang poster penyertaannya. Dia lakukan semata-mata untuk melihat aku dimarahi oleh Cikgu Faisal. Tentu dia akan gembira jika semua guru tidak mempercayaku lagi. Kenapa Saiful tergamak melakukan itu semua?

Ah, tentu saja dia akan mengambilalih tempatku sekiranya guru-guru tidak lagi mempercayaku. Mujurlah Nirmala menolongku hari itu. Kalau tidak, tentulah aku sendiri tidak tahu bagaimana hendak membela diriku sendiri. Mujurlah aku mempunyai kawan-kawan yang begitu setia dan sentiasa mahu menolongku. Aku bersyukur pada Tuhan.

"Patutnya emak ajak Iwan pergi tengok Amran. Iwan kawan baik Amran. Kasihan dia," kata Iwan semacam tidak puas hati.

Aku mengusap-ngusap rambutnya yang agak kerinting itu. Rambut Iwan tidak seperti rambutku. Rambutku agak lurus dan agak lebat kehitaman. Rambut Iwan keringting dan warnanya tidak sehitam rambutku. Iwan lebih mirip kepada emak. Manakala aku mewarisi wajah ayah sepenuhnya. Setiap kali orang melihatku, pasti mereka akan berkata bahawa wajahku saling tak tumpah seperti wajah ayah.

"Bila kita hendak melawat dia, bang?" tanya Iwan lagi.

"Nantilah. Kita tunggu Abang Mujahid balik dulu. Kita pergi sama-sama nanti," pujukku.

"Abang Mujahid ke laut lagi? Abang Mujahid tidak serik?" tanya Iwan sambil matanya yang bulat merenungku.

Aku ikut merenung ke dalam mata Iwan. Mata Iwan juga yang mewarisi mata emakku. Bulat dan anak matanya yang besar dan hitam. Memang kalau emak melihat kami berdua, orang tidak menyangka kami ini adik beradik. Mataku tidaklah sebulat mata Iwan. Kulitku juga tidak seputih kulitnya. Kulitku gelap sedikit dari Iwan.

Maklumlah, aku anak ayah, kata orang. Patutlah aku begitu rapat dengan ayah. Sekarang ayah sudah tidak ada lagi. Akulah yang mewarisi segala-gala yang ayah tinggalkan. Aku anak lelaki yang tertua. Biarpun Kak Arfah, anak ayah dan emak yang sulung, namun dia perempuan. Nanti aku akan memikul tanggungjawab sebagai ketua keluarga bila aku besar nanti.

Akulah bakal pelindung keluargaku. Begitu kata emak selalu. Begitu juga dengan Iwan. Dia akan membantuku membela dan melindungi keluarga. Bilakah kami akan dewasa? Bilakah kami akan berbakti pada emak? Bukan saja pada emak, malah pada segala-galanya.

Berbakti pada kampungku yang tercinta, berbakti pada bangsa dan negaraku. Aku berangan-angan. Berbakti ya berbakti. Sekarang bolehkah aku berbakti? Aku akan berbakti pada sungaiku. Sungai yang membawa erti yang besar pada penduduk kampungku.

Tidak sabar rasanya menanti hari yang ditunggu-tunggu itu. Bilakah Encik Borhan akan memijak kakinya ke kampungku nanti? Bilakah Encik Borhan akan memberi ceramahnya pada orang-orang kampungku? Apakah mereka akan menerima pendapat dan cadangan Encik Borhan nanti?

"Abang tak dengar Iwan tanya? Abang khayal iya?" suara Iwan yang nakal mengusikku sememangnya memutuskan khayalanku.



Aku cepat-cepat menggeleng. "Abang cuma teringatkan Abang Mujahid. Dia sudah seperti abang kitakan?"

Iwan mengangguk.

"Abang Mujahid bukan ke laut. Abang Mujahid pergi ke hutan kali ini," terangku sambil mencapai penyapu di atas simen.

"Abang Mujahid ke hutan pula? Buat apa?" tanya Iwan agak terkejut mendengar kata-kataku.

"Dia ikut Pak Cik Deraman tembak burung," kataku berhati-hati. Takut juga kalau-kalau aku terlepas cakap.

Iwan mengangguk-ngangguk dan tidak bertanya lagi. Dia bangun dan melarikan kakinya bila aku menyapu simen tangga yang agak berpasir itu.

"Mari kita ke rumah Mak Cik Peah," kataku tiba-tiba. "Kita melawat Mak Cik Peah. Kasihan dia,"

Iwan pada mulanya keberatan untuk meninggalkan rumah. Tetapi aku berjanji untuk pergi sekejap saja, Iwan akhirnya bersetuju. Kami menutup semua pintu dan mengunci pintu besar dari luar.

"Kita lalu ikut jalan sungai," cadangku sambil memimpin tangan Iwan. Iwan hanya mengikut kata-kataku.

Kawasan sungai itu sungguh kotor. Sampah sarap masih banyak. Tin-tin kosong dan plastik-plastik serta kertas-kertas memenuhi tebing sungai. Sampah-sampah yang terapung juga hampir menutup permukaan sungai. Sungguh kotor sekali.

Muka Iwan berkerut sedikit. "Teruklah sungai ni. Nak mandi pun tidak boleh!" rungutnya sambil menoleh sekeliling.

Aku tidak membalas kata-katanya. Mataku asyik tertumpu ke arah sekumpulan kanak-kanak yang sedang mandi dan berenang di sungai itu. Mereka bergayut pada sebatang pokok kelapa yang condong ke arah sungai. Sambil memanjat dan meniti pokok kelapa itu, mereka terjun ke dalam sungai itu dengan berbagai-bagai gaya.

"Kotorlah mereka tu," komen Iwan.

“Kenapa?” tanyaku tidak faham.

“Tengok, sana tu. Ada yang mandi dalam sungai tu. Ada yang membuang air besar di dalam sungai tu. Dahsyat betul!”

Aku ingin ketawa mendengar kata-kata Iwan itu. Namun ketawaku mati apabila tiba-tiba saja aku mendengar suara orang menjerit meminta tolong.


“Tolong! Tolong.....Saiful lemas.....Saiful lemas!”

Iwan memegang tanganku. Dia ketakutan. “Macam mana bang?” tanyanya cemas.

Aku merapati tebing. Nampak tangan Saiful terkapai-kapai di dalam arus sungai yang mengalir deras itu. Beberapa orang kawannya yang mandi bersama-sama telah naik ke darat.

Aku tidak berfikir panjang lagi. Terus saja aku terjun ke dalam sungai tanpa menghiraukan keselamatanku. Saiful harus diselamatkan. Aku tidak sanggup membiarkan Saiful tenggelam dibawa arus.

Akhirnya aku berjaya membawa Saiful ke tebing. Aku sendiri rebah tidak bermaya. Selepas itu aku tidak sedar apa-apa lagi.





• BAB 14

• Selembut
Arusmu

Peristiwa aku menyelamatkan Saiful dari lemas hari itu telah menyebabkan namaku dijulang. Begitu ramai penduduk kampungku datang menziarahiku. Mereka mengucapkan tahniah dan memuji-muji keberanianku. Namun bagiku, miskipun kejadian itu hampir-hampir meragut nyawaku, aku amat berasa gembira.

Sejak bermulanya tarikh itu, benteng antara aku dan Saiful telah pun roboh. Tidak ada lagi tembok pemisah bagi kamu berdua. Saiful sendiri mengucapkan terima kasih dan meminta maaf kepadaku. Saiful telah menjadi kawan baikku seperti juga Johnny, Nirmala dan Jasmin.

"Kasih Mak Cik Peah, dia masih belum menerima hakikat bahawa bermacam-macam peristiwa berlaku padanya dalam masa yang singkat ini," kata Kak Arfah memberitahu emak.

Emak diam tanpa berkata sepatah pun. Emak sedang menjahit bajuku yang terkoyak kerana ditarik kuat oleh Saiful sewaktu aku menyelamatkannya tempoh hari.

"Tarmizi telah pun dihantar ke pusat pemulihan. Begitu juga dengan Rohaya. Dia pun dihantar ke pusat pemulihan akhlak. Sekarang Amran pula kena tahan di hospital kerana sakit. Saiful pula.....," Kak Arfah tidak jadi meneruskan kata-katanya. Dia tunduk bila melihat aku datang.

"Saya harap Mak Cik Peah akan insaf kak," kataku sambil duduk menghadap mereka. Emak mengangkat muka dan memandangkanku.

"Kenapa Ariff kata macam tu?" tanya emak.

"Saya tahu apa sakitnya Amran tu mak," kataku membetulkan duduk.

"Pandai-pandai saja kamu ni," kata emak sambil tersenyum sedikit.

"Mestilah mak.....kan Ariff pun nak jadi doktor suatu hari nanti. Kalau emak sakit, bolehlah saya rawatkan mak!" kataku separuh berseloroh dan separuh lagi berkata benar. Memang aku bercita-cita untuk berjaya suatu hari nanti.

Mana tahu berkat doa dan kesungguhanku, aku berjaya menjadi doktor.

"Apa sakitnya Amran?" tanya emak ingin tahu.

Aku tidak segera menjawab pertanyaan emak. Bajuku yang baru selesai dijahit oleh emak cepat-cepat ku ambil.

"Lihatlah baju ini koyak. Tapi kerana baju ini koyaklah, maka hubungan saya dan Saiful telah pulih semula mak," kataku sambil menyarungkan semula kemeja berleher pendek itu ke badanku. Aku sayangkan baju itu. Miskipun telah buruk dan lusuh, namun baju itu cukup meninggalkan kenangan yang manis dalam hidupku.

Arwah ayah telah membeli baju itu untukku. Kami bersama-sama pergi ke kedai pakaian. Ayah yang membeli baju itu kerana berkenankan coraknya yang berombak macam laut. Miskipun baju itu tidak dapat kupakai lagi suatu hari nanti, aku akan tetap menyimpannya sebagai tanda kasihku pada ayah yang tidak pernah hilang.

"Mengikut kata doktor tadi, Amran terkena penyakit kulit yang agak serius mak. Dia terkena penyakit tu kerana terlalu kerap mandi dan berenang dalam air sungai yang kotor," terangku akhirnya.

"Tentu Mak Cik Peah semakin marah. Mereka mengapi-ngapikan orang kampung untuk membakar kilang tu," kata Kak Arfah menyokong pendapatku.

"Esok, laporan dari jabatan kesihatan akan siap. Orang-orang kampung semuanya dikehendaki berkumpul di balairaya. Ada ceramah yang akan disampaikan oleh Encik Borhan dari jabatan alam sekitar dan wakil dari jabatan kesihatan," kataku berbangga kerana emak nampaknya berminat mendengar peneranganku.

"Tahu saja Ariff ni, mana Ariff dapat berita ni?" kata emak sambil tergelak kecil.

Aku gembira bila emak tertawa begitu. Emak tentu saja bangga dengan sikapku yang prihatin ini. Aku bahagia sebenarnya. "Tahulah mak. Ariffkan pemberita kampung ni!" jawabku berseloroh.



Sebenarnya aku mendapat berita itu dari Abang Mujahid. Abang Mujahid yang memberitahuku sebaik saja dia pulang dari hutan kelmarin.

“Syukur alhamdulillah, Pak Cik Deraman telah dapat mengenalpasti siapa yang menebang hutan secara berleluasa itu. Orang yang memburu binatang liar pun sudah ditangkap. Esok lusa keluarlah dalam suratkhabar berita tu!” kata Abang Mujahid.

“Abang Mujahid pun ada dalam suratkhabar?” tanyaku gembira.

“Tidak, Abang Mujahid cuma berjuang dari belakang saja.

Biarpun tak ada nama, tapi abang bangga, kerana penjenayah tu sudah dapat ditangkap. Abang bersyukur kerana hutan kita akan terpelihara dari ancaman orang-orang yang tidak bertanggungjawab,”

Ingin rasanya aku memeluk Abang Mujahid kerana pengorbanannya itu. Mujurlah Abang Mujahid tidak diapa-apakan. Manalah tahu kalau bencana sudah menanti, macam-macam boleh berlaku. Syukurlah Abang Mujahid masih selamat.

“Jadi, tak lama lagi bolehlah Ariff ikut abang ke hutan iya?” kataku tidak sabar.

Abang Mujahid ketawa. “Periksa dulu. Lepas tu bolehlah pergi. Bukan Ariff seorang, kawan-kawan Ariff pun boleh ikut,”

“Horeyyyyy.....,” aku bersorak gembira.

Hari yang ditunggu-tunggu telah pun tiba. Semua penduduk kampungku berkumpul di balairaya untuk mendengar ceramah berkenaan kebersihan alam sekitar. Meskipun balai raya itu agak sempit, namun kawasan semak samun di sekelilingnya telah ditebas dan dibersihkan.

Kawasan itu nampak lebih luas dan cukup untuk menampung jumlah penduduk kampungku yang agak ramai itu.

Mak Cik Peah pun ada bersama. Mukanya tidak lagi mencuka seperti selalu. Walaupun tidak tersenyum, namun dari riak mukanya, aku agak Mak Cik Peah tidak lagi seperti dulu. Barangkali dia sudah insaf. Apa lagi bila berbagai-bagai peristiwa berlaku pada keluarganya baru-baru ini.

"Wah, segaknya Abang Mujahid!" pujiku sebaik saja melihat Abang Mujahid yang lengkap berpakaian sut melayu berwarna biru tua dengan bersamping kain songket berwarna hitam bersulam bunga emas.

"Macam pengantin!" tokoh Saiful yang berada di sebelahku.

Abang Mujahid ketawa. Dia dilantik untuk menjadi pengerusi hari itu. Memang benar, Abang Mujahid kelihatan segar benar hari itu. Dia segera naik ke pentas bila semua tetamu-tetamu yang dijemput sudah pun hadir.

Cikgu Faisal dan Cikgu Husna pun turut hadir sama. Tidak lama lagi mereka akan melangsungkan perkahwinan. Cantik benar Cikgu Husna memakai kebaya berwarna kuning muda dan bertudung putih hari itu. Berseri-seri wajah Cikgu Husna.

"Kamu hero ya. Bangga benar kami semua dengan kamu," kata Cikgu Faisal sambil menepuk-nepuk bahu.

"Jangan lupa datang ke rumah cikgu. Ajak abang kamu tu. Jangan balik sehingga majlis kami belum selesai ya!" kata Cikgu Husna tersenyum manis.

Aku mengangguk dan berjanji akan mengajak Abang Mujahid bersama-sama. Tentu Abang Mujahid tidak akan keberatan.

"Hei....Johnny dah datang!" pekik Saiful tiba-tiba. Kami semua menoleh ke arah Johnny yang baru tiba itu.

"Mana Jasmin? Mana Nirmala?" tanyaku memandang muka Johnny yang berpeluh-peluh itu.

"Tu!" Johnny menuding.

CERAMAH AL ANJURAN
PERSATUAN BELA
KAMPUNG TANJUN



Rupanya Jasmin dan Nirmala sudah lama datang. Dia asyik berborak-borak dengan emak dan Kak Arfah.

"Marilah kita duduk di sana," aku mengajak Johnny dan Saiful. Cikgu Faisal dan Cikgu Husna sudah naik ke pentas. Mereka juga tetamu khas yang diundang oleh persatuan belia kampungku. Cikgu Saidin juga dijemput. Tetapi dia belum datang. Barangkali dia sibuk. Tertu saja dia banyak kerja.

Kami duduk di atas kerusi yang disewa dari majlis perbandaran. Kerusi yang tersedia ada di balairaya itu tidak cukup untuk menampung jumlah penduduk yang ramai itu. Orang yang mula-mula memberi ceramah ialah Encik Jamaluddin dari jabatan kesihatan.

".....Dari kajian yang telah dibuat, sungai Kampung Tanjung Padang tercemar bukanlah disebabkan oleh kilang baja daripada ikan yang terletak di hujung kampung kita ini....."

Orang ramai mulai bercakap-cakap antara satu sama lain. Mereka barangkali terkejut dengan laporan itu. Aku menjeling Mak Cik Peah yang duduk di sebelah kiriku. Dia hanya tunduk saja

".....Sebenarnya sikap kita sendiri yang telah menyebabkan pencemaran yang serius berlaku di kampung kita. Kita sendiri membuang sampah sarap sesuka hati di sungai itu. Kita membuang najis manusia dan najis binatang ternakan dalam jumlah yang banyak. Kita juga telah membasuh dan membuang bekas-bekas racun rumpai ke dalam sungai itu. Kasihan sungai itu.....kita telah mengkhianatinya. Akhirnya kita juga yang terima akibatnya....."

Pak Cik Tapa tunduk berteleku. Barangkali Pak Cik Tapa telah menyedari akan kesilapannya. Mujurlah kali ini dia tidak mudah melenting. Dia hanya menundukkan kepalanya macam Mak Cik Peah. Macam Pak Cik Karim. Juga macam Pak De Awang.

Selepas Encik Jamaluddin berceramah, Abang Mujahid menjemput Encik Borhan pula. Hari itu Encik

Borhan memakai kemeja batik berwarna biru gelap dan bersongkok hitam.

✓ Dalam ceramah itu Encik Borhan telah menyeru supaya kami semua bergotong royong membersihkan sungai kami. Beliau mahu kami menjadikan sungai itu sebagai 'Anak Angkat' Kampung Tanjung Padang. Encik Borhan juga bahawa Pertandingan Kampung Contoh juga akan diadakan tidak lama lagi.

Penduduk Kampung Tanjung Padang menyambut baik seruan itu. Kami telah berpakat untuk membersihkan kawasan sungai itu setiap petang bermula pada pukul empat setengah.

"Penduduk kampung ini tidak lagi membuang sampah di merata-rata tempat!" kataku gembira.

"Iya, mereka juga tidak membuang sampah sarap di tepi-tepi sungai dan dalam sungai itu sendiri!" sampuk Nirmala. "Aku gembira. Mereka sedar dan insaf sekarang!"

"Seronoklah, bila benar-benar bersih nanti, bolehlah aku tumpang mandi!" celah Jasmin yang sememang sudah lama menyimpan niat hendak mandi sungai itu.

"Boleh," sahutku. "Tapi dengan satu syarat!"

"Apa dia?" tanya Jasmin sambil menyepitkan matanya tanda marah kerana dia tahu aku akan mempermainkannya.

"Kau kenal datang membersihkan sungai ini bersama-sama kami!" kataku sambil ketawa.

"Bukan tu saja," sampuk pula Johnny. "Kau kena bayar tol!"

Kami ketawa mendengar kata-kata Johnny. Jasmin tidak jadi marah dan ikut ketawa sama.

Sampah sarap yang terapung-apung di permukaan sungai juga dikutip. Pak De Awang menggunakan perahunya yang selalu digunakan untuk menangkap ikan. Sampah-sampah itu diraup dengan menggunakan pengaup yang dibuat khas daripada kayu dan jaring.


Sampah sarap yang terkumpul dibakar. Pak Cik Tapa juga ikut membakar bekas-bekas racun rumpainya. Dia tidak lagi membuang bekas-bekas racun itu ke dalam sungai seperti selalu. Pak Cik Tapa juga tidak mudah melenting apabila ditegur.

Kami semua bekerjasama dengan rasa penuh tanggungjawab. Setiap petang kami berkumpul dan bergotong royong membersihkan sungai itu.

"Kita bolehlah menanam pokok-pokok bunga di sekitar dan di tepi sungai ini," cadang Pak Cik Tapa.

"Kita juga akan mendirikan kerusi dan tempat berehat di tepi sungai ini," Pak Haji Rahim pula memberi cadangan.

"Sungai kita akan cantik. Hidup kita akan sihat," sampuk pula Abang Budin.



BAB 15

Selembut

Arusmu

Mak Cik Peah sampai sewaktu Kak Arfah sedang menggoreng cucur kodok dan keropok lekor. Langkah kanan betul dia hari ini. Amran pun ada bersama. Melihat saja kawannya datang, Iwan yang asyik bermain air di paip dekat tangga dengan Munirah dan Fikri segera berlari mendapatkan Amran. Kemudian mereka sama-sama pergi memanjat pokok rambutan yang mulai masak itu.

"Langkah kanan hari ini Mak Cik Peah. Cucur kodok baru masak," kata Kak Arfah sambil menjemput Mak Cik Peah naik.

"Tak apalah Mak Cik singgah sekejap saja. Sebentar lagi Mak Cik nak bawa Amran ni ke hospital. Ada temujanji dengan doktor," kata Mak Cik Peah sambil tersenyum lebar.

"Kalau ya pun makanlah dulu mak cik. Tak baik tolak rezeki," kata Kak Arfah sambil menghidangkan sepiring cucur kodok dan sepiring lagi keropok goreng yang masih panas pada Mak Cik Peah.

Mak Cik Peah tidak menolak lagi. Dia naik ke atas rumah dan duduk bersimpuh menghadap kuih yang dihidangkan oleh Kak Arfah. "Mak kamu mana?" tanyanya sambil menjenguk ke dalam rumah.

"Emak ke pasar. Beli keperluan sedikit untuk jualan esok," jawab Kak Arfah sambil menuang air teh ke dalam cawan.

"Kamu tak kerja lagi di kilang tukang?" tanya Mak Cik Peah sambil memandang muka Kak Arfah yang tunduk saja itu.

Mendengar pertanyaan itu, Kak Arfah menggeleng sambil tersenyum. "Saya dah berhenti. Peperiksaan dah dekat. Saya nak tumpukan perhatian pada pelajaran saja," beritahu Kak Arfah sambil membuang pandang ke luar.

Muka Mak Cik Peah berubah sedikit. Sedih saja kelihatannya. Barangkali dia teringatkan anaknya Rohaya.

"Baguslah macam tu," katanya tunduk. "Mak Cik pun dah insaf sekarang. Bila Rohaya keluar nanti, mak cik pun mahu dia belajar lagi, macam Arfah," kata Mak Cik

Peah sambil mengunyah cucur kodok perlahan-lahan.

Kak Arfah tunduk saja mendengar kata-kata Mak Cik Peah itu.

"Amran dah baik, mak cik?" aku mengambil peluang untuk menanyakan soalan itu kepada Mak Cik Peah.

"Hm, dia sudah beransur sembuh sekarang. Tak apalah, sungai kita pun dah bersih.....," jawab Mak Cik Peah ramah.

Inilah pertama kali aku mendengar jawapan mesra dari Mak Cik Peah. Selalunya dia jarang-jarang bersikap ramah itu kepada sesiapa pun. Barang kali dia sudah insaf sekarang. Aku pun tumpang gembira melihat perubahan itu.

Tidak lama selepas Mak Cik Peah dan Amran ke hospital, Johnny, Nirmala dan Jasmin datang ke rumahku. Saiful pun ada bersama-sama. Mereka mahu mengajakku melihat sungai di kampung kami yang sudah berubah wajah itu.

"Tengok, sungai kampung kau telah berubah macam air di kolam renang tempat aku selalu mandi!" kata Jasmin sambil matanya memerhati arus sungai yang mengalir perlahan itu.

"Tidak, sungai ini lebih cantik dari itu!" tingkah Johnny mengusik Jasmin. "Lihat airnya yang jernih, ikan-ikannya yang berenang-renang.....di kolam renangmu tidak ada ikan bukan?"

Jasmin menarik muka masam. Tidak lama kemudian dia ketawa semula.

"Iya, betul katamu Johnny," kata Jasmin sambil menolak Johnny ke dalam sungai.

Kami semua ketawa geli hati melihat Johnny. Habis pakaiannya basah. Mujur juga Johnny tidak marah. "Nanti aku pinjam bajumu iya Ariff," katanya sambil menyapu cermin matanya yang basah.

"Baju aku pun boleh!" sampuk Saiful.

"Hoi, kamu buat apa tu?"

Kedengaran suara orang melaung menegur kami. Aku menoleh ke belakang. Abang Mujahid melambai-

lambai ke arah kami. Pak Cik Rahim pun ada bersama-sama.

"Abang baru balik dari belajar silat iya?" tegurku apabila melihat Abang Mujahid memakai sepasang baju hitam yang selalu dipakai oleh orang bersilat.

Abang Mujahid tersenyum sambil menjeling Pak Cik Rahim di sebelahnya.

"Kamu semua boleh belajar," kata Pak Haji Rahim. "Tapi dengan syarat kamu semua mesti lulus dalam UPSR nanti!"

Kami semua bersorak gembira. Lapang dadaku mendengar kata-kata Pak Haji Rahim itu.

"Bukan itu saja. Malah kamu semua boleh ikut persatuan belia mendaki Gunung Tebu tidak lama lagi,"

Kata-kata Abang Mujahid menyebabkan kami bersorak gembira. Lebih-lebih lagi Nirmala. Dialah yang selama ini beria-ria sangat hendak ke Gunung Tebu itu.

"Seronoklah kamu Mala, tercapai juga cita-citamu!" kataku sambil tersenyum memandang Nirmala yang terloncat-loncat kegembiraan itu.

"Bukan mendaki saja. Sambil mendaki, kita harus memerhati alam sekitar kita. Kita harus memulihkannya dan menghargainya," kata Abang Mujahid.


"Iya, macam kita memulihara dan mengindahkan sungai ini. Tengok, betapa cantiknya sungai kita sekarang. Tengok, airnya yang jernih. Tidak lagi seperti duluan? Tengok pokok-pokok di sekelilingnya. Tengok, ikan-ikan yang berenang-renang di dalamnya, cantik bukan!" sambil berkata-kata itu aku memerhati alam sekelilingku.

Semuanya semacam tersenyum padaku. Pokok-pokok bunga yang mula tumbuh itu seolah-olah melambai-lambai padaku. Pokok-pokok kelapa yang meliuk lintuk itu seolah-olah menyanyi dan menari tanda gembira. Ikan-ikan yang berenang-renang itu seolah-olah mengucapkan tanda terima kasihnya pada kami semua.

"Abang.....!!!!!"

Dari jauh Iwan, Munirah dan Fikri berlari-lari mendapatkan kami. Emak dan Kak Arfah pun ada bersama.





"Esok kita semua pergi ke rumah Cikgu Faisal dan Cikgu Husna," kata emak sambil memeluk bahunya.

"Iya, Abang Mujahid kena dirikan khemah, jangan lupa tahu?" kataku sambil menepuk bahu Abang Mujahid.

"Bukan itu saja, Abang juga dijempit bersilat dalam acara tu nanti!" kata Abang Mujahid.

"Wah, hebat abang iya!" kataku kagum dengan kebolehan Abang Mujahid.

"Ariff, kau tahu? Nama anak Pak Cik Tapa pun sama dengan Ariff!" kata Kak Arfah tiba-tiba.

"Jadi?" aku terpinga-pinga.

"Jadi Ariffilah!" tokoh Abang Mujahid.

Kami semua ketawa mendengar kata-kata itu. Tentulah aku berbangga bila namaku digemari orang. Tidak sabar rasanya aku berjumpa Pak Cik Tapa. Orangnya panas baran, tetapi lurus dan baik hati.

"Pak Cik ada satu lagi berita gembira," Pak Haji Rahim yang asyik mendiamkan diri dari tadi tiba-tiba bersuara.

Kami semua memasang telinga. Pak Haji Rahim tersenyum-senyum. "Nak tahu?" tanyanya membuat kami terlonjak ingin tahu.

"Nak!" jerit kami tidak sabar.

"Kampung kita dapat nombor satu dalam pertandingan baru-baru ini!" beritahu Pak Haji Rahim sambil tersenyum lebar.

"Horeyyyyy.....,"

Kami semua berpelukan antara satu sama lain. Berita itu benar-benar mengembirakan. Namun bagiku, yang lebih penting sungai kampungku telah kembali ceria seperti dulu. Penduduk kampungku telah kembali aman dan harmoni.

Aku memeluk emak. Aku tidak dapat menyatakan betapa gembira dan bahagianya aku sekarang. Semurni dan setulus kasih emak dan kasihku anak-anaknya barangkali sama seperti lembutnya aliran sungai yang tidak pernah putus itu.

itu. Aku menatap arus sungai yang mengalir perlahan
Selembut arusmu, semurni itulah kasihku!

*** *Selesai* ***

SINOPSIS

Penduduk Kampung Tanjung Padang sangat marah apabila mendapati sungai di kampung mereka telah tercemar. Mereka munuduh kilang baja yang baru didirikan di kampung mereka telah menyebabkan pencemaran berlaku.

Ariff dan keluarganya termasuk Abang Mujahid, jiran mereka tidak percaya kilang itu menyebabkan berlakunya pencemaran. Mereka percaya sikap orang-orang kampung yang menjadi punca berlakunya pencemaran itu.

Mak Cik Peah contohnya telah menjadikan sungai tempat pembuangan najis-najis ayam, sisa-sisa makanan ayam. Dia bertindak menghasut kakak Ariff, iaitu Arfah supaya berhenti bekerja di kilang tersebut kononnya telah membawa mudarat kepada diri Arah dan orang-orang kampung.

Arfah bekerja semata-mata untuk mengumpul wang dan membiayai pelajarannya yang tergendala kerana kemiskinan keluarga. Mak Cik Peah mendesak Arfah supaya mengikuti jejak langkah anaknya Rohaya yang bekerja di bandar. Malangnya Arfah dan emaknya Mak Cik Hajar menolak pelawaan itu dengan alasan mahu menjadikan Arfah seorang yang berilmu dan terpelajar.

Ariff dan kawan-kawannya seperti Johnny, Nirmala dan Jasmin memasuki Persatuan Pencinta Alam di sekolah mereka dengan bimbingan Cikgu Faisal dan Cikgu Husna. Bermacam-macam aktiviti dilakukan untuk menyemaikan perasaan cinta kepada alam sekitar di kalangan pelajar-pelajar sekolah itu.

Sementara itu, Ariff tidak terlepas dari ancaman Saiful, anak Mak Cik Peah yang cemburukan kehebatan Ariff di sekolah. Perasaan Ariff semakin tertekan bila Kak Arfahnya jatuh sakit. Orang-orang kampung telah menuduh keluarganya degil, kerana membiarkan Arfah bekerja di kilang yang mereka anggap berpuaka itu.

Mereka telah bertindak untuk membakar kilang tersebut.

Kehilangan Abang Mujahid serta empat lagi nelayan di laut menyebabkan Ariff semakin sedih. Saiful semakin berusaha untuk mengkhianati Ariff. Termasuk juga mengancam untuk memberitahu abangnya Tarmizi yang merupakan samseng kampung.

Kemarahan orang-orang kampung semakin memuncak bila mengadakan kenduri kesyukuran apabila lima nelayan yang hilang itu terselamat. Kejadian ini berlaku kerana sewaktu kenduri itu, bekalan air paip terputus dan mereka terpaksa menggunakan air sungai. Beberapa orang kampung telah mengalami cirit birit dan dimasukkan ke hospital.

Namun dengan pertolongan Pak Cik Rahim dan cadangan Ariff untuk menjemput penceramah dari Jabatan Alam Sekitar untuk memberi ceramah di kampung telah menyelesaikan masalah. Abang Mujahid berserta Persatuan Belia telah menganjurkan ceramah tersebut. Pegawai dari Jabatan Kesihatan yang menyiasat mendapati bahawa kilang baja tersebut bukan punca pencemaran sungai yang berlaku.

Pencemaran tersebut berlaku dari sikap orang kampung yang membuang sampah, membasuh sisa racun rumpai dan membuang najis binatang sewenang-wenangnya. Mak Cik Peah juga insaf bila anaknya Rohaya dimasukkan ke pusat pemulihan akhlak, Tarmizi dimasukkan ke pusat pemulihan dadah dan Amran anak mereka sendiri telah terkena penyakit kulit akibat pencemaran air sungai dan tidak menjaga kebersihan setempat.

Saiful, anak Mak Cik Peah juga insaf bila mana Ariff sendiri yang menyelamatkannya dari lemas.

Ariff dan Abang Mujahid gembira dengan kerjasama orang-orang kampung yang menjadikan sungai anak angkat mereka. Akhirnya sungai itu kembali bersih dan kampung itu telah mendapat tempat pertama dalam pertandingan kebersihan dan Kampung Contoh yang dianjurkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

BIODATA PENULIS



Raihanah Salleh dilahirkan pada 29 Januari 1965 di Dungun Terengganu. Mengajar di Sekolah Menengah Agama Khairiah, Kuala Terengganu.

Beberapa karya yang pernah tersiar adalah seperti di akhbar Mingguan Malaysia, Berita minggu, Utusan Zaman, Majalah Wanita, Jelita, Keluarga, Al-Islam dan lain-lain.

Pernah memenangi beberapa karya sayembara seperti:

1. Hadiah Utama Peraduan Novel Kanak-kanak anjuran Alam Sekitar - Utusan Melayu 1995.
2. Hadiah Utama Cerpen Dewasa anjuran Utusan-Public Bank 1995.
3. Hadiah Cerpen Remaja anjuran Utusan - Public Bank 1996.
4. Hadiah Penghargaan Cerpen Dewasa anjuran Utusan -Public Bank 1997.
5. Hadiah Penghargaan Cerpen Esso - Gapena 1994.
6. Hadiah Penghargaan Cerpen Utusan - Public Bank 1989.
7. Hadiah pertama cerpen sempene Hari Guru anjuran Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu pada tahun 1995 dan 1996 dan lain-lain.

